



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA



NATIONAL INSTITUTE OF OCCUPATIONAL SAFETY AND HEALTH (NIOSH)
Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara

MEMPERKASA KKP, MENJANA LESTARI

EMPOWERING OSH, DRIVING SUSTAINABILITY

2024

LAPORAN TAHUNAN
ANNUAL REPORT



Dicetak atas kertas kitar semula bagi menyokong inisiatif ESG.
Printed on recycled paper in support of ESG initiatives.

Rasional Muka Depan

Cover Rationale

Memperkasa KKP, Menjana Lestari

Sebagai peneraju dalam bidang keselamatan dan kesihatan pekerjaan (KKP) di Malaysia, Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH) terus memperkukuh peranannya dalam mewujudkan persekitaran kerja yang lebih selamat, mampan dan berdaya saing. Laporan Tahunan 2024 ini menampilkan kejayaan NIOSH dalam memperkasa tenaga kerja, memacu inovasi dan menerajui amalan lestari berasaskan prinsip Alam Sekitar Sosial dan Tadbir Urus (ESG).

Reka bentuk muka depan mencerminkan pertumbuhan, ketahanan dan transformasi, selaras dengan tema "Memperkasa KKP, Menjana Lestari". Elemen visual yang dipersembahkan secara artistik melambangkan komitmen NIOSH dalam memperkukuh budaya keselamatan, meningkatkan kecekapan latihan dan penyelidikan, sambil menggalakkan pembangunan industri yang lestari.

Melalui inisiatif strategik, penggunaan teknologi inovatif dan pendekatan berimpak tinggi, NIOSH memastikan pekerja lebih selamat, organisasi lebih berdaya tahan dan industri lebih mampan. Dengan pencapaian yang memberangsangkan dan hala tuju yang jelas, NIOSH terus mengorak langkah sebagai peneraju dalam membentuk landskap KKP yang progresif, lestari dan berdaya maju.



Empowering OSH, Driving Sustainability

As Malaysia's leading agency in occupational safety and health (OSH), the National Institute of Occupational Safety and Health (NIOSH) remains steadfast in its mission to create safer, more sustainable and competitive workplaces. The 2024 Annual Report highlights NIOSH's accomplishments in empowering the workforce, fostering innovation and advancing sustainable practices rooted in Environmental, Social and Governance (ESG) principles.

The cover design embodies growth, resilience and transformation, aligning with the theme "Empowering OSH, Driving Sustainability". Its artistic visual elements reflect NIOSH's dedication to cultivating a robust safety culture, enhancing the impact of training and research, while promoting sustainable industrial growth.

Through strategic initiatives, cutting-edge technologies and high-impact approaches, NIOSH ensures safer working conditions, resilient organizations and sustainable industries. With remarkable achievements and a clear vision, NIOSH continues to lead the way in shaping a progressive, sustainable and dynamic OSH landscape for the future.



Komitmen negara terhadap kebajikan pekerja jelas terbukti melalui penguatkuasaan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994, yang dipantau pematuhannya oleh Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan. Penubuhan Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH) melengkapkan usaha kerajaan meningkatkan tahap keselamatan dan kesihatan pekerjaan (KKP) melalui penyediaan latihan dan perkhidmatan berkaitan KKP.

Seiring dengan wawasan Malaysia untuk menjadi negara maju dan berpendapatan tinggi, NIOSH terus komited membantu negara menghadapi cabaran KKP yang kian meningkat akibat perubahan teknologi dalam era digitalisasi. Bagi memenuhi kehendak pelanggan terutamanya rakan industri, NIOSH turut berazam menyediakan penyelesaian KKP secara holistik agar jumlah kemalangan dan penyakit di tempat kerja dapat dikurangkan seperti yang disasarkan di bawah Pelan Induk Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 2021-2025.

Our nation's commitment to the welfare of workers is clearly evident with the enforcement of the Occupational Safety and Health Act 1994, which is being enforced by the Department of Occupational Safety and Health. The establishment of the National Institute of Occupational Safety and Health (NIOSH) helps complement the efforts to improve the occupational safety and health (OSH) standard through training programmes and services that are related to OSH.

As Malaysia moves towards becoming a developed and high-income nation, NIOSH remains committed to assisting the country in facing the increasing challenges of OSH due to technological changes in the digital era. To meet the demands of customers, especially industry partners, NIOSH is determined to provide holistic OSH solutions in order to reduce the number of workplace accidents and illnesses as targeted under the Occupational Safety and Health Master Plan 2021-2025.

NIOSH © 2025 All rights reserved

Diterbitkan oleh / *Published by:*

INSTITUT KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN NEGARA

National Institute of Occupational Safety and Health (NIOSH)

Lot 1, Jalan 15/1, Seksyen 15, 43650 Bandar Baru Bangi, Selangor Darul Ehsan.

Tel / *Tel:* 03-8769 2100 Faks / *Fax:* 03-8926 2900

www.NIOSH.com.my

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian teks, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa jua cara, sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain kecuali dengan keizinan bertulis daripada Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara (IKKPN).

PENCAPAIAN NIOSH 2024 ACHIEVEMENT



Program Latihan
Training Programmes

11,908

Program / Programmes



Peserta program
Candidates

227,651

Orang / Persons



Calon peperiksaan
Examination candidates

242,285

Orang / Persons

Seminar
Seminar



57

Sesi / Sessions

Tenaga Pengajar luar
External Trainers



869

Orang / Persons

Modul latihan baru
New training modules



6

Modul / Modules

Peperiksaan
Examination



11,849

Program / Programmes

Khidmat rundingan
Consultation services



507

Servis / Services

Koordinator bersekutu
Associate coordinator



418

Orang / Persons

Tenaga Pengajar Dalam
Internal Trainers



170

Orang / Persons

Bahan terbitan
Publication material



73

Penerbitan / Published

Projek R&D yang diselesaikan
Completed R&D Projects



10

Projek / Projects

KANDUNGAN

CONTENT

4 **Perutusan Menteri Sumber Manusia**
Message from the Minister of Human Resources

8 **Mesej Pengerusi NIOSH**
Message From the Chairman of NIOSH

12 **Mesej Pengarah Eksekutif**
Message From the Executive Director

16 **Lembaga Pengarah dan Kumpulan Pengurusan**
Board of Directors and the Management Team

40 **Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus**
Environmental, Social and Governance

54 **Latihan**
Training

68 **Kerjasama**
Collaboration

74 **Khidmat Rundingan**
Consultancy Services

92 **Penyelidikan dan Pembangunan**
Research and Development

106 **Pusat Penilaian dan Teknologi Kawalan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (OSHECT)**
Occupational Safety and Health Hazard Evaluation and Control Technology (OSHECT)

132 **Penyebaran Maklumat**
Information Dissemination

146 **NIOSH Certification Sdn Bhd**

168 **Bahagian Pengurusan Kualiti (QMD)**
Quality Management Division (QMD)

174 **Aktiviti Peperiksaan dan Penilaian**
Examination and Assessment Activities

182 **Pejabat-pejabat Wilayah**
Regional Offices

230 **Profil Korporat**
Corporate Profile



*To be the leading centre of excellence in
Occupational Safety and Health in Malaysia.*



To provide practical solutions in the field of Occupational Safety and Health.





NILAI-NILAI KORPORAT

CORPORATE VALUES

01 KOMITMEN Commitment Semua kakitangan NIOSH perlu berdedikasi dan komited dalam menyumbang tenaga pada tahap maksimum. <i>All staff at NIOSH are required to be dedicated employees committed to contribute at maximum capacity.</i>	02 TELUS Transparency Prosedur dan sistem berkaitan kerja mestilah telus supaya kepentingan peribadi dapat dihapuskan. <i>Transparency in work procedures and systems must be observed to eliminate personal vested interests.</i>	03 KERJA BERPASUKAN Teamwork Semua kakitangan mesti menunjukkan komitmen yang tinggi bagi memastikan objektif kerja berpasukan dicapai. <i>All staff members must devote high levels of commitment to ensure the objective in any given teamwork is achieved.</i>
04 JUJUR Honesty Interaksi mesti bebas dari sikap tidak jujur, berat sebelah dan tipu daya. <i>Interaction must be free of insincerity, partiality and deceit.</i>	05 INTEGRITI PROFESIONAL DAN PERIBADI Professional and Personal Integrity NIOSH mengharapkan semua kakitangannya mengamalkan prinsip moral yang berpaksikan kejujuran dan kesetiaan dalam pekerjaan dan perkhidmatan demi untuk organisasi. <i>NIOSH expects its staff to have moral principles of loyalty and honesty in their work and service to the organisation.</i>	
06 KUALITI Quality Semua produk dan perkhidmatan yang ditawarkan oleh NIOSH mesti menunjukkan prestasi berkualiti tinggi. <i>All products and services offered by NIOSH must exude performance of the highest quality.</i>	07 KEPAKARAN TEKNIKAL Technical Expertise Semua kakitangan NIOSH mesti mempamerkan pengetahuan teknikal yang komprehensif dan mendalam. <i>All NIOSH staff members must demonstrate comprehensive and in-depth technical knowledge.</i>	08 KEPIMPINAN Leadership Semua kakitangan mesti melaksanakan kepimpinan yang efektif dan cekap. <i>All staff members must execute leadership effectively and proficiently.</i>
09 KOMUNIKASI Communication Semua kakitangan mesti sentiasa mengamalkan komunikasi secara efektif. <i>All staff members must constantly harness effective communication skills.</i>	10 PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA Human Resource Development NIOSH mempromosikan pembangunan sumber manusia secara berterusan untuk meningkatkan kemampuan setiap pekerja. <i>NIOSH continuously promotes human resource development for all employees potential growth and capacity building.</i>	





2024

LAPORAN TAHUNAN
ANNUAL REPORT

PERUTUSAN MENTERI SUMBER MANUSIA

*MESSAGE FROM THE
MINISTER OF HUMAN RESOURCES*

PERUTUSAN MENTERI SUMBER MANUSIA

MESSAGE FROM THE MINISTER OF HUMAN RESOURCES

Salam Sejahtera dan Salam Malaysia Madani
Warm Greetings and Salam Malaysia MADANI,

Menelusuri perjalanan sepanjang tahun 2024, saya merasa amat berbangga dengan kejayaan yang telah kita capai bersama di bawah payung Kementerian Sumber Manusia (KESUMA) dan Kerangka Malaysia MADANI. Dalam era di mana pendigitalan dan teknologi seperti kecerdasan buatan (AI) semakin mempengaruhi pasaran kerja, kita juga tidak boleh ketinggalan dalam menyediakan pekerja dengan kemahiran dan perlindungan yang mencukupi.

Justeru, Kerajaan Malaysia MADANI telah melancarkan Kerangka Dasar Sumber Manusia Kebangsaan sempena sambutan Hari Pekerja 2024 pada 1 Mei. Kerangka ini menjadi panduan kepada dasar serta inisiatif yang dilaksanakan oleh KESUMA dan memberi fokus kepada lima aspek utama – pampasan yang lebih lumayan, kesejahteraan pekerjaan, gerakan kesatuan sekerja, perlindungan keselamatan sosial yang menyeluruh serta latihan kemahiran untuk menangani ketidakpastian pekerjaan.

Saya amat berbangga apabila Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH) terus memainkan peranan penting dalam memastikan tempat kerja yang lebih selamat, produktif dan mampan. Dengan lebih 500,000 peserta mendapat manfaat daripada pelbagai program latihan, peperiksaan dan kesedaran, NIOSH bukan sahaja berjaya memperkukuh tahap keselamatan dan kesihatan pekerjaan (KKP), tetapi turut menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara yang lebih lestari.

Sebagai peneraju KKP, NIOSH memainkan peranan utama membantu Kerajaan meningkatkan tahap keselamatan, kesihatan dan kebajikan pekerja seiring dengan penguatkuasaan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Pindaan) 2022 mulai 1 Jun, 2024. Seperti yang sering saya tegaskan, penguatkuasaan Akta tersebut lebih bersifat mendidik dan bukan untuk menghukum semata-mata. Ia berperanan untuk memastikan tahap KKP sentiasa dipertingkatkan, sekali gus mengelakkan sebarang risiko kemalangan tempat kerja di seluruh negara.



Saya yakin NIOSH telah melaksanakan tanggungjawabnya dengan baik dalam membantu majikan mematuhi Akta yang telah dipinda tersebut melalui pelbagai inisiatif termasuk Analisis Penambahbaikan Tempat Kerja (*Workplace Improvement Need Analysis - WINA*) yang diberikan secara percuma. Ia merupakan langkah pertama yang boleh diambil oleh majikan untuk mematuhi perundangan berkaitan menerusi khidmat nasihat serta penilaian yang dibuat di premis kerja mereka.

Inisiatif yang diambil NIOSH untuk menerapkan prinsip Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG) dalam aktiviti dalaman serta sistem pengurusan untuk pelanggan juga harus dipuji kerana ia bakal membawa kesan positif bukan sahaja kepada pekerja tetapi juga kepada kelestarian alam sekitar dan daya tahan industri negara.

Kesihatan mental pekerja kini turut menjadi salah satu isu yang perlu diberi perhatian dan saya ingin mengucapkan syabas kepada NIOSH kerana berjaya melangkaui sasaran awal untuk melatih sebanyak 10,000 peserta di bawah Program Latihan Pertolongan Cemas Kesihatan Mental Pekerjaan (OPFA) pada tahun 2024.

KESUMA akan terus memperbaharui dasar dan inisiatif bagi memastikan pekerja Malaysia mendapat perlindungan terbaik, sejajar dengan cabaran seperti perubahan iklim, digitalisasi dan AI serta transformasi tenaga kerja global. Malaysia mesti berinovasi dan beradaptasi agar kekal sebagai peneraju serantau dalam KKP.

Saya yakin NIOSH akan terus memainkan peranan penting dalam menjayakan agenda Kerajaan dan diharapkan kejayaan yang telah dicapai menjadi pendorong untuk meneruskan usaha yang dirancang agar manfaatnya dapat dirasakan oleh seluruh rakyat Malaysia.

As we reflect on our journey through 2024, I am especially proud of the achievements we have accomplished together under the Ministry of Human Resources (KESUMA) and the Malaysia MADANI Framework. In an era where digitalisation and technologies such as artificial intelligence (AI) are increasingly shaping the job market, we must not fall behind in equipping our workforce with the necessary skills and ensuring their protection.

In response to this, the Malaysia MADANI Government launched the National Human Resources Policy Framework in conjunction with the Labour Day 2024 celebration on 1 May. This framework serves as a guide for the policies and initiatives implemented by KESUMA and focuses on five key areas: more competitive compensation, workplace well-being, revitalisation of trade unions, comprehensive social security protection and skills training to address job mismatch.

I take great pride in the continued role of the National Institute of Occupational Safety and Health (NIOSH) in ensuring safer, more productive and sustainable workplaces. With over 500,000 participants benefitting from a wide range of training, examinations and awareness programmes, NIOSH has not only strengthened occupational safety and health (OSH) standards but has also contributed to the sustainable growth of the national economy.

As the country's leading OSH institution, NIOSH plays a key role in supporting the Government's efforts to enhance the safety, health and welfare of workers, particularly in line with the enforcement of the Occupational Safety and Health (Amendment) Act 2022, which came into effect on 1 June 2024. As I have often emphasised, the implementation of this Act is intended to be educational rather than punitive. Its aim is to continuously elevate OSH standards and minimise the risk of workplace accidents across the country.

I am confident that NIOSH has performed its duties effectively in assisting employers with compliance through several initiatives, including the Workplace Improvement Need Analysis (WINA). This complimentary service provides advisory support and on-site assessments as a first step towards legal compliance.

NIOSH's initiative to embed Environmental, Social and Governance (ESG) principles into both its internal operations and customer management systems also deserves recognition. These efforts will bring positive impacts not only to employees but also to environmental sustainability and the resilience of national industries.

Mental health in the workplace is another area that demands attention. I extend my congratulations to NIOSH for exceeding its initial target of training 10,000 participants under the Occupational Mental Health First Aid (OPFA) programme in 2024.

KESUMA will continue to enhance policies and initiatives to ensure that Malaysian workers are provided with the highest level of protection, in line with emerging challenges such as climate change, digitalisation, AI and the transformation of the global workforce. Malaysia must continue to innovate and adapt to remain a regional leader in OSH.

I am confident that NIOSH will continue to play a pivotal role in advancing the Government's agenda. It is my hope that the successes achieved so far will inspire more structured and impactful efforts that deliver lasting benefits to all Malaysians.

YB ENCIK STEVEN SIM CHEE KEONG
MENTERI SUMBER MANUSIA
MINISTER OF HUMAN RESOURCES





2024

LAPORAN TAHUNAN
ANNUAL REPORT

MESEJ PENGGERUSI NIOSH

***MESSAGE FROM
THE CHAIRMAN OF NIOSH***

MESEJ PENGGERUSI NIOSH

MESSAGE FROM THE CHAIRMAN OF NIOSH

Salam Sejahtera dan Salam Malaysia Madani
Warm Greetings and Salam Malaysia MADANI,

Tahun 2024 menjadi bukti bahawa keselamatan dan kesihatan pekerjaan (KKP) bukan sekadar pematuhan undang-undang tetapi menjadi asas kepada kesejahteraan tenaga kerja dan kelestarian industri. Dengan landskap pekerjaan yang semakin kompleks, aspek KKP bukan lagi satu pilihan disahajakan tetapi menjadi keperluan utama yang harus dipertingkatkan secara berterusan.

Penguatkuasaan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Pindaan) 2022 mulai 1 Jun 2024 turut memperluaskan tanggungjawab majikan dan pekerja dalam memastikan persekitaran kerja yang selamat dalam semua sektor. Langkah yang diambil Kerajaan Malaysia Madani ini mencerminkan kesungguhannya untuk meningkatkan kesedaran, komitmen dan akauntabiliti mengenai KKP agar pekerja di semua sektor sentiasa berada di dalam keadaan selamat ketika bekerja dan semasa dalam perjalanan pergi dan pulang dari tempat kerja.

Saya amat berbangga dengan peranan yang dimainkan oleh NIOSH dalam memperkukuh budaya KKP yang baik. Sepanjang tahun 2024, NIOSH terus berusaha gigih melaksanakan tanggungjawabnya agar tenaga kerja negara mampu menghadapi cabaran sedia ada serta yang mendatang. Perubahan yang berlaku di dalam dunia pekerjaan menuntut semua pihak untuk bersama-sama menangani cabaran baru seperti tekanan kesihatan mental di tempat kerja serta keperluan menyesuaikan diri dengan teknologi automasi, dan kecerdasan buatan yang semakin berkembang.

Dalam menghadapi cabaran ini, NIOSH tidak boleh bergerak sendirian. Sebaliknya, Institusi ini perlu bekerjasama dengan semua pemegang taruh termasuk majikan, pekerja, agensi penguatkuasa serta masyarakat demi untuk menjadikan KKP sebagai satu budaya dan bukan sekadar prosedur. Majikan perlu melihat KKP sebagai satu pelaburan jangka panjang manakala pekerja pula perlu mengetahui hak dan tanggungjawab mereka dalam memastikan tempat kerja adalah selamat untuk semua.



Lembaga Pengarah NIOSH akan terus memastikan setiap dasar, inisiatif dan strategi yang digariskan benar-benar memberi impak kepada tenaga kerja dan industri. Ianya dapat dicapai dengan memastikan penambahbaikan berterusan dalam aspek latihan, penyelidikan serta kolaborasi strategik agar NIOSH kekal sebagai peneraju dalam bidang KKP di Malaysia dan di peringkat antarabangsa.

Akhir kata, saya ingin merakamkan penghargaan kepada Kementerian Sumber Manusia, ahli-ahli Lembaga Pengarah, seluruh warga NIOSH serta semua rakan industri atas sokongan dan dedikasi yang tidak berbelah bahagi dalam menjayakan agenda KKP. Dengan semangat kerjasama yang kukuh, saya yakin kita bersama-sama mampu mewujudkan tempat kerja yang lebih selamat, sihat dan produktif untuk semua.

The year 2024 stands as clear evidence that occupational safety and health (OSH) is no longer merely about legal compliance. It has become a fundamental pillar of workforce well-being and industrial sustainability. As the employment landscape grows increasingly complex, OSH is no longer a discretionary consideration but a critical necessity that must be continuously enhanced.

The enforcement of the Occupational Safety and Health (Amendment) Act 2022, effective from 1 June 2024, has broadened the responsibilities of both employers and employees in ensuring safe working environments across all sectors. This proactive step by the Malaysia MADANI Government reflects its strong commitment to strengthening awareness, accountability and commitment towards OSH. It also ensures that workers remain protected not only while performing their duties but also during their commute to and from the workplace.

I am deeply proud of the role NIOSH has played in reinforcing a strong culture of OSH. Throughout 2024, NIOSH has worked tirelessly to fulfil its responsibilities and to equip the nation's workforce with the resilience needed to face current and future challenges. The evolving nature of the global labour landscape requires a collective response, particularly in tackling emerging concerns such as mental health stress in the workplace and the growing need to adapt to automation and artificial intelligence technologies.

In facing these challenges, NIOSH cannot act alone. The Institute must collaborate with all stakeholders—including employers, employees, enforcement agencies, and the wider community—to embed OSH as an everyday culture rather than merely a procedural requirement. Employers must view OSH as a long-term investment, while employees must understand their rights and responsibilities in maintaining a safe and healthy working environment for all.

The NIOSH Board of Directors will continue to ensure that every policy, initiative, and strategy outlined delivers tangible impact to both the workforce and the industry. This can only be achieved through continuous improvements in training, research, and strategic collaboration, so that NIOSH remains a leading institution in OSH, both in Malaysia and internationally.

In conclusion, I would like to express my sincere appreciation to the Ministry of Human Resources, members of the NIOSH Board of Directors, all staff of NIOSH, and our industry partners for their unwavering support and dedication in advancing the OSH agenda. With a strong spirit of cooperation, I am confident that together we can create safer, healthier, and more productive workplaces for all.

YB CHONG CHIENG JEN

Pengerusi / *Chairman*

Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH)
National Institute of Occupational Safety and Health (NIOSH)





2024

LAPORAN TAHUNAN
ANNUAL REPORT

MESEJ PENGARAH EKSEKUTIF

***MESSAGE FROM THE
EXECUTIVE DIRECTOR OF NIOSH***

MESEJ PENGARAH EKSEKUTIF NIOSH

MESSAGE FROM THE EXECUTIVE DIRECTOR OF NIOSH

Assalamualaikum WBT dan Salam Sejahtera.
Assalamualaikum WBT and Warm Greetings,

Syukur Alhamdulillah, NIOSH kekal berada di landasan yang kukuh dan berjaya mencapai beberapa kejayaan yang membanggakan bagi memastikan amalan keselamatan dan kesihatan pekerjaan (KKP) berada di tahap yang baik.

Kejayaan yang dicapai juga amat signifikan dalam era yang penuh dengan cabaran baharu termasuk isu kesihatan mental serta ledakan teknologi. NIOSH berjaya melaksanakan inisiatif yang diumumkan oleh Menteri Sumber Manusia, Yang Berhormat Encik Steven Sim Chee Keong, untuk melatih 10,000 responden pertolongan cemas psikologi di tempat kerja. Tidak berhenti hanya pada sasaran yang ditetapkan, NIOSH telah berjaya melatih 11,910 peserta di bawah program Pertolongan Cemas Psikologi Pekerjaan (OPFA) ditaja sepenuhnya sepanjang tahun 2024.

Kejayaan melatih peserta OPFA ini amat penting kerana mereka ini boleh bertindak memberikan sokongan awal bagi membantu rakan sekerja yang menghadapi cabaran kesihatan mental. Inisiatif yang diambil oleh Kerajaan Malaysia MADANI menerusi Kementerian Sumber Manusia (KESUMA) ini membuktikan bahawa kesihatan mental kini bukan lagi menjadi isu sampingan tetapi memerlukan pendekatan yang lebih komprehensif.

Sepanjang tahun 2024, NIOSH berjaya melaksanakan sebanyak 11,908 program latihan yang melibatkan 227,651 peserta. Pencapaian ini melebihi sasaran sebanyak 107 peratus. Di samping itu, 242,285 calon telah menduduki peperiksaan. Bilangan ini adalah 118 peratus lebih tinggi daripada sasaran yang ditetapkan. Aktiviti penyebaran maklumat turut melepasi sasaran sebanyak 174 peratus. Peningkatan ini membuktikan semakin ramai pekerja dan majikan menyedari kepentingan aspek KKP.

NIOSH turut memberikan fokus kepada khidmat rundingan yang mempunyai potensi untuk dibangunkan dan dikembangkan. Walaupun untuk tahun 2024 NIOSH mencatatkan prestasi sebanyak 68 peratus daripada sasaran yang ditetapkan, Institut ini akan terus berusaha dalam cita-citanya untuk mencapai hasil yang lebih baik dan memuaskan. NIOSH akan menggandakan usaha dan komitmennya untuk meningkatkan prestasi perkhidmatan perundingan pada tahun akan datang.



Aspek penyelidikan dan pembangunan berkaitan KKP turut diperkukuhkan di bawah Agenda Nasional untuk Inisiatif Penyelidikan Malaysia (MaRINA 2.0) 2022-2025 di mana 3 projek baharu telah diluluskan pada tahun 2024 dengan penerimaan jumlah geran bernilai RM253,000. Sebanyak 10 projek turut berjaya diselesaikan pada tahun yang sama.

Selaras dengan amalan kelestarian, NIOSH telah memulakan pelaporan Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG) dengan menerbitkan laporan penuh ESG manakala sinopsis inisiatif ESG dilampirkan masing-masing dalam Laporan Tahunan 2023 dan 2024. Di samping itu, program-program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) NIOSH turut memberikan fokus terhadap inisiatif pemuliharaan hutan dan haiwan. Sebagai bukti amalan kelestarian, Laporan Tahunan NIOSH 2024 dan Laporan ESG NIOSH 2024 turut menggunakan kertas kitar semula bagi menzahirkan komitmen NIOSH terhadap amalan tadbir urus yang mampan.

Kejayaan yang dicapai sepanjang tahun 2024 akan menjadi pendorong kepada warga NIOSH untuk terus komited and tekun bekerja bagi memenuhi aspirasi Kerajaan menerusi KESUMA, berasaskan Kerangka Dasar Sumber Manusia Kebangsaan yang dilancarkan sempena dengan sambutan Hari Pekerja 2024 pada 1 Mei.

Dengan sokongan kukuh yang diberikan oleh KESUMA dan agensi-agensi di bawahnya, NIOSH beriltizam untuk mengambil langkah-langkah proaktif dan inovatif bagi menyediakan perkhidmatan yang memenuhi kehendak pelanggan.

Alhamdulillah, all praise be to Allah, NIOSH continues to remain on a firm path and has successfully achieved several significant milestones in ensuring that occupational safety and health (OSH) practices are upheld to a high standard.

These achievements are particularly meaningful in an era marked by emerging challenges such as mental health issues and rapid technological advancements. In addressing these challenges, NIOSH successfully implemented an initiative announced by the Minister of Human Resources, YB Steven Sim Chee Keong, to train 10,000 psychological first aid responders in the workplace. Not only did NIOSH meet this target, but it surpassed it by successfully training 11,910 participants under the Occupational Psychological First Aid (OPFA) programme throughout 2024, with all participants fully sponsored.

This success is highly significant, as OPFA responders are able to provide immediate, early support to colleagues facing mental health challenges. Introduced under the Malaysia MADANI

Government through the Ministry of Human Resources (KESUMA), the initiative demonstrates that mental health can no longer be treated as a secondary issue but must be addressed through a comprehensive approach within the workplace.

In 2024, NIOSH also recorded remarkable achievements in training and outreach. A total of 11,908 training programmes were implemented, involving 227,651 participants, exceeding the set target by 107 percent. Additionally, 242,285 candidates sat for certification examinations—118 percent above the target. Information dissemination activities also surpassed expectations, reaching 174 percent of the projected goal. These results reflect a growing awareness among both employers and employees of the critical importance of OSH.

NIOSH also places strong emphasis on consultancy services, a key area with significant potential for growth. Although performance in this area reached 68 percent of the target in 2024, the Institute remains committed to achieving better outcomes. NIOSH will redouble its efforts and strengthen its focus to improve the performance of consultancy services in the coming year.

In the area of research and development, OSH-related initiatives were further supported through the Malaysian Research Initiative for National Agenda (MaRINA 2.0) 2022–2025. In 2024, three new projects were approved under this initiative, with total grant funding amounting to RM253,000, and ten projects were successfully completed within the same year.

In line with sustainability practices, NIOSH initiated Environmental, Social and Governance (ESG) reporting by publishing a comprehensive ESG report, while also including summaries of ESG initiatives in both the 2023 and 2024 Annual Reports. Furthermore, NIOSH's Corporate Social Responsibility (CSR) efforts in 2024 focused on forest and wildlife conservation. As part of its commitment to sustainable governance, both the NIOSH Annual Report 2024 and NIOSH ESG Report 2024 were printed using recycled paper.

The accomplishments achieved in 2024 serve as a strong source of motivation for all NIOSH personnel to remain committed and diligent in supporting the Government's aspirations through KESUMA, guided by the National Human Resources Policy Framework, which was launched during the Labour Day 2024 celebration on 1 May.

With the continued support of KESUMA and its agencies, NIOSH is determined to take proactive and innovative steps to deliver services that meet the evolving needs of its clients and stakeholders.

DATO' HAJI AYOP SALLEH

Pengarah Eksekutif / Executive Director

**Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH)
National Institute of Occupational Safety and Health (NIOSH)**





2024

LAPORAN TAHUNAN
ANNUAL REPORT

**LEMBAGA PENGARAH
DAN KUMPULAN
PENGURUSAN**

***BOARD OF DIRECTORS AND THE
MANAGEMENT TEAM***

LEMBAGA PENGARAH NIOSH

BOARD OF DIRECTORS

- 1. YB Chong Chieng Jen**
Pengerusi *Chairman*
- 2. Tuan Manivanan Gowin**
Naib Pengerusi *Vice Chairman*
- 3. Dato' Haji Ayop bin Salleh**
Pengarah Eksekutif *Executive Director*
- 4. Mejar Haji Hanif bin Maidin (B)**
Setiausaha Eksekutif *Executive Secretary*
- 5. Ir. Hj. Mohd Hatta bin Zakaria**
Pengarah *Director*
- 6. Datuk Dr. Norhayati binti Rusli**
Pengarah *Director*
sehingga 24 Julai 2024 *until 24 July 2024*
- 7. Pn. Zamzarina binti Abu Bakar**
Pengarah *Director*
sehingga 07 November 2024 *until 07 November 2024*
- 8. Pn. Norzawatil Amalin binti Alias**
Pengarah *Director*
bermula 19 Ogos 2024 *commenced 19 August 2024*



9. Dr Norlen Bin Mohamed

Pengarah *Director*

bermula 12 Nov 2024 *commenced 12 Nov 2024*

10. Dato' Mohd Nazri bin Abdul Rafar

Pengarah *Director*

bermula 03 Julai 2024 *commenced 03 July 2024*

11. Encik Ahmad Irfan bin Hani

Pengarah *Director*

bermula 20 Mei 2024 *commenced 20 May 2024*

12. Dr. Sharudin bin Shari

Pengarah *Director*

13. Prof. Ts. Dr. Shamsul Bahari bin Shamsudin

Pengarah *Director*

14. Prof. Dr. Abdul Mutalib bin Leman

Pengarah *Director*

bermula 12 Ogos 2024 *commenced on 12 August 2024*

15. Mejar Anuar bin Mohd Tajuddin (B)

Pengarah *Director*

bermula 12 Ogos 2024 *commenced on 12 August 2024*

16. Encik Abu Bakar Hanfi bin Abdul Mannan

Pengarah *Director*

bermula 12 Ogos 2024 *commenced on 12 August 2024*



SENARAI JAWATANKUASA DAN AHLI

LIST OF COMMITTEES AND MEMBERS

JAWATANKUASA PENGURUSAN MODAL INSAN

HUMAN CAPITAL MANAGEMENT

- **Ir. Haji Mohd Hatta bin Zakaria**
(Pengerusi / *Chairman*)
- **Pn. Zamzarina binti Abu Bakar**
sehingga 07 November 2024 *until 07 November 2024*
- **Dato' Haji Ayop bin Salleh**
- **Mejar Haji Hanif bin Maidin (B)**
- **Prof. Ts. Dr. Shamsul Bahari bin Shamsudin**

Sekretariat *Secretariat*

- **Pn. Noorliza Idawati binti Mat Nayan**

JAWATANKUASA KEWANGAN DAN PELABURAN

FINANCE AND INVESTMENT COMMITTEE

- **Pn. Zamzarina bin Abu Bakar**
(Pengerusi / *Chairman*)
sehingga 7 November 2024 *until 07 November 2024*
- **Pn. Norzawatil Amali binti Alias**
- **Dato' Haji Ayop bin Salleh**
- **Mejar Haji Hanif bin Maidin (B)**
- **Dato' Mohd Nazri bin Abdul Rafar**

Sekretariat *Secretariat*

- **Pn. Norismalina binti Ishak**

JAWATANKUASA KEAHLIAN

MEMBERSHIP COMMITTEE

- **Dr. Sharudin bin Shari**
(Pengerusi / *Chairman*)
- **Mejar Haji Hanif bin Maidin (B)**
- **Pn. Norzawatil Amali binti Alias**
- **Mejar Anuar bin Mohd Tajudin (B)**
- **En. Abu Bakar Hanfi bin Abdul Mannan**

Sekretariat *Secretariat*

- **Pn. Heina Faeza Abdul Wahid**

JAWATANKUASA PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN

RESEARCH AND DEVELOPMENT COMMITTEE

- **Prof. Ts. Dr. Shamsul Bahari bin Shamsuddin**
(Pengerusi / *Chairman*)
- **Dato' Haji Ayop bin Salleh**
- **Prof. Dr. Ismail bin Bahari**
sehingga 13 Jun 2024 *until 13 June 2024*
- **Dr. Evelyn Tan Guat Lin**
sehingga 13 Jun 2024 *until 13 June 2024*
- **Tn. Haji Mohd Hatta Bin Zakaria**
- **Prof. Dr. Abdul Mutalib bin Leman**
- **Mejar Anuar bin Mohd Tajuddin (B)**

Sekretariat

- **En. Muhammad Syaidan Abdullah**

JAWATANKUASA PERNIAGAAN DAN PEMBANGUNAN

BUSINESS DEVELOPMENT COMMITTEE

- **Prof Dr. Ismail bin Bahari**
(Pengerusi / *Chairman*)
sehingga 13 Jun 2024 *until 13 June 2024*
- **En. Abu Bakar Hanfi bin Abdul Mannan**
(Pengerusi / *Chairman*)
bermula 12 Ogos 2024 *commenced 12 August 2024*
- **Dr. Evelyn Tan Guat Lin**
sehingga 13 Jun 2024 *until 13 June 2024*
- **Dato' Haji Ayop bin Salleh**
- **Mejar Haji Hanif bin Maidin (B)**
- **Dr. Sharudin bin Shari**

Sekretariat *Secretariat*

- **En. Mohd Hussin bin Abdul Salam**
- **Pn. Aliaa Syamimie Mansor**

JAWATANKUASA AUDIT DAN INTEGRITI & GOVERNANS **AUDIT AND INTEGRITY & GOVERNANCE COMMITTEE**

- **Tuan Manivanan Gowin**
(Pengerusi / *Chairman*)
- **Tc. Mohd Rahimee Subramaniam bin Abdullah**
sehingga 13 Jun 2024 *until 13 June 2024*
- **Dr. Norlen bin Mohamed**
- **En. Ahmad Irfan bin Hani**

Ex Officio

- **Dato' Haji Ayop bin Salleh**
- **Mejar Haji Hanif bin Maidin (B)**

Sekretariat

- **Pn. Salwati binti Abdul Rahman**
- **Pn. Nor Fazidah binti Abu Naim**

JAWATANKUASA PENCALONAN **NOMINATION COMMITTEE**

- **YBhg. Datuk Dr. Norhayati Rusli**
(Pengerusi / *Chairman*)
sehingga 27 April 2024 *until 27 April 2024*
- **YBhg. Dato' Mohd Nazri bin Abdul Rafar**
(Pengerusi / *Chairman*)
bermula 24 Julai 2024 *commenced on 24 July 2024*
- **Dato' Haji Ayop bin Salleh**
- **Mejar Haji Hanif bin Maidin (B)**
- **Ir. Hj Mohd Hatta bin Zakaria**

Sekretariat

- **En. Ali Shah Hashim**
(Setiausaha Syarikat / *Company Secretary*)
- **Pn. Nurul Nadiyah binti Mohd Abdul Rasid**

JAWATANKUASA PENGURUSAN MODAL INSAN

HUMAN CAPITAL MANAGEMENT COMMITTEE

SKOP DAN TANGGUNGJAWAB

- Menggubal, memantau dan mengkaji semula dasar bagi program pembangunan sumber manusia NIOSH, dasar sumber manusia, dan peraturan tatatertib
- Mengesyorkan kepada Lembaga Pengarah apa-apa perkara yang berkaitan dengan semakan dan pelarasan gaji, pembayaran elaun Lembaga, dan pembayaran bonus
- Mengesyorkan kepada Lembaga apa-apa perkara yang berkaitan dengan tawaran pembelajaran, tindakan tatatertib, terma dan syarat perkhidmatan, dan faedah-faedah lain
- Menggubal dan mengkaji semula polisi pengambilan pakar dalaman serta skop kerja mereka untuk meningkatkan kompetensi kakitangan NIOSH atau bagi pengambilan pakar daripada pihak luar
- Menggubal polisi berkaitan kerjasama dengan institusi pengajian tinggi, syarikat lain, agensi dan jabatan kerajaan serta pihak berkuasa tempatan

Kertas cadangan yang telah diluluskan:

- Kriteria kelayakan bonus prestasi bagi tahun 2023
- Pelarasan nama perjawatan bagi kumpulan pengurusan di Pejabat Wilayah
- Semakan gaji kakitangan NIOSH bagi tahun 2025
- Kriteria kelayakan bonus interim syarikat bagi tahun 2024
- Kriteria kelayakan dan pembayaran ex-gratia kakitangan lantikan kontrak tahun 2024
- Semakan kenaikan gaji kakitangan NIOSH bagi tahun 2025 (kenaikan tahunan)
- Pembayaran insentif kepada kakitangan NIOSH (lantikan tetap) yang mencapai gaji maksimum pada tahun 2024
- Pelarasan gaji minimum gred 8, gred 9 dan gred 10
- Pewujudan jawatan Pengurus Kanan di Pejabat Wilayah
- Kelulusan skim gaji kakitangan NIOSH 2025

Pengiktirafan : Pemenang Anugerah Gangsa dalam kategori Anugerah Amalan Terbaik Sumber Manusia (HR) semasa 2024 Anugerah Antarabangsa Sumber Manusia (HR) Malaysia yang ke-24 oleh Institut Pengurusan Sumber Manusia Malaysia (MIHRM).

SCOPE AND RESPONSIBILITIES

- *Formulate, monitor and review policies for NIOSH human resource development programmes, human resource policies, and disciplinary regulations*
- *Recommend to the Board of Directors any matters relating to salary reviews and adjustments, payment of Board member allowances, and payment of bonuses*
- *Recommend to the Board any matters relating to educational offers, disciplinary actions, terms and conditions of service, and other benefits*
- *Formulate and review policies for the recruitment of internal experts and their scope of work to enhance the competence of NIOSH staff or for the recruitment of external experts*
- *Formulate policies relating to collaboration with institutions of higher learning, other companies, government agencies and departments, and local authorities*

Approved proposal papers:

- *Performance bonus eligibility criteria for 2023*
- *Adjustment of job titles for management groups in Regional Offices*
- *Review of NIOSH staff salaries for 2025*
- *Company interim bonus eligibility criteria for 2024*
- *Eligibility criteria and ex-gratia payments for contract staff in 2024*
- *Review of NIOSH staff salary increment for 2025 (annual increment)*
- *Incentive payments to NIOSH staff (permanent appointments) who reached the maximum salary in 2024*
- *Adjustment of minimum salary for grades 8, 9 and 10*
- *Creation of Senior Manager positions in Regional Offices*
- *Approval of NIOSH staff salary scheme 2025*

Recognition : Bronze Award Winner in the HR Best Practices Award category during the 24th Malaysia International HR Awards 2024 by the Malaysian Institute of Human Resource Management (MIHRM).

Aktiviti yang telah dilaksanakan:

- Perhimpunan bersama kakitangan dan wakil pengurusan NIOSH sebanyak tiga kali pada 5 Januari, 5 Ogos dan 19 Disember 2024
- Taklimat berkaitan penambahbaikan terma dan syarat kepada kakitangan NIOSH secara atas talian dijalankan sebanyak tiga kali sepanjang tahun 2024
- Lain-lain

Butiran adalah seperti berikut:

- 29/1/2024** : Taklimat Prosedur Latihan, Perubatan, Permohonan Kelengkapan Perlindungan Diri (PPE), tuntutan dan Makluman Pemansuhan
- 9/2/2024** : Perkongsian Pengurusan Kewangan dan Harta Pusaka oleh LTH Group Asia
- 13/3/2024** : Taklimat Khidmat Nasihat ASNB
- 28/8/2025** : Taklimat Perkhidmatan Insuran Kesihatan Kakitangan dan Keluarga dan Pelan Tambahan (opsyenal)
- 28/8/2024** : Taklimat Perkongsian Faedah Perubatan
- 15/11/2024** : Taklimat Pencegahan Kebakaran sempena Program 1RAPi dan Kempen Keselamatan Kebakaran

Activities implemented:

- Gatherings with NIOSH staff and management representatives a total of three times on 5 January, 5 August and 19 December 2024
- Briefings on improving terms and conditions to NIOSH staff was conducted online a total of three times throughout 2024
- Others

Details are listed below:

- 29/1/2024** : Briefing on Training Procedures, Medical, Personal Protective Equipment (PPE) Application, Claims and Notice of Cancellation (Encashment Leave)
- 9/2/2024** : Financial and Estate Management Partnership by LTH Group Asia
- 13/3/2024** : ASNB Advisory Services Briefing
- 28/8/2025** : Briefing on Employee and Family Health Insurance Services and Supplementary Plans (optional)
- 28/8/2024** : Briefing on Medical Benefits Partnership
- 15/11/2024** : Fire Prevention Briefing in conjunction with the 1RAPi Programme and Fire Safety Campaign

JAWATANKUASA KEAHLIAN

MEMBERSHIP COMMITTEE

Skop dan Tanggungjawab

- Bertindak sebagai jawatankuasa sokongan kepada Lembaga Pengarah
- Mengesahkan dan/atau mengesyorkan kepada Lembaga Pengarah sebarang perkara berkaitan keahlian NIOSH seperti kelulusan, pemberhentian, hilang kelayakan, penggantungan serta penamatan keahlian NIOSH
- Menerima pertanyaan yang dibangkitkan oleh ahli dan membentangkan perkara tersebut didalam Mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah NIOSH untuk penjelasan dan keputusan lain yang difikirkan sesuai oleh Lembaga Pengarah
- Bertanggungjawab untuk mencadangkan faedah dan kemudahan keahlian serta mengubal dasar dan prosedur kelulusan keahlian sekiranya perlu kepada Lembaga Pengarah

Laporan Jawatankuasa Keahlian NIOSH

Jawatankuasa Keahlian NIOSH berperanan untuk menilai dan menyokong permohonan keahlian yang menepati kriteria yang ditetapkan sebelum dibawa ke Lembaga Pengarah bagi proses kelulusan. Pembentangan kelulusan keahlian adalah seperti berikut:

Scope and Responsibilities

- *Act as a support committee to the Board of Directors*
- *Confirm and/or recommend to the Board of Directors any matters related to NIOSH membership such as approval, termination, disqualification, suspension and termination of NIOSH membership*
- *Receive inquiries raised by members and present such matters in the NIOSH Board of Directors Meeting for clarification and other decisions deemed appropriate by the Board of Directors*
- *Responsible for proposing membership benefits and facilities and formulating membership approval policies and procedures as and when necessary to the Board of Directors*

NIOSH Membership Committee Report

NIOSH Membership Committee is responsible for evaluating and supporting membership applications that meet the established criteria before they are presented to the Board of Directors for approval. The membership approval details is listed below:

Permohonan Baru Diterima New Applications

55

Individu
Individual

18

Korporat
Corporate

Permohonan Baru Yang Disokong oleh Jawatankuasa Keahlian NIOSH New Applications Supported by NIOSH Membership Committee

37

Individu
Individual

6

Korporat
Corporate

Permohonan Baru Yang Disokong oleh Lembaga Pengarah NIOSH New Applications Approved by NIOSH Board of Directors

37

Individu
Individual

6

Korporat
Corporate

Selain itu, antara aktiviti yang dilakukan oleh Jawatankuasa Keahlian NIOSH pada tahun 2024 adalah seperti berikut:
Additionally, activities carried out by NIOSH Membership Committee in 2024 are as follows:

Aktiviti 1 / Activity 1

Perjumpaan bersama ahli NIOSH selaras dengan Program NIOSH berdasarkan wilayah telah dilakukan pada 30 April 2024 dan 27 November 2024

Meetings with NIOSH members related to NIOSH Programmes based on regions were held on 30 April 2024 and 27 November 2024

Sasaran / *Target*

2

Selesai / *Completed*:

2

100%

Aktiviti 2 / Activity 2

Memastikan bayaran keahlian NIOSH dilakukan pada masa yang ditetapkan

To ensure NIOSH membership payments are received by the dateline

Sasaran / *Target*

40%

Sebenar / *Achieved*

52.44%

100%

Aktiviti 3 / Activity 3

Bilangan Mesyuarat
Number of Meetings

Sasaran / *Target*

4

Sebenar / *Achieved*

4

100%

JAWATANKUASA KEWANGAN DAN PELABURAN

FINANCIAL AND INVESTMENT COMMITTEE

SKOP DAN TANGGUNGJAWAB

Pelaporan Kewangan Korporat

- Mengkaji dan mengesyorkan penerimaan atau sebaliknya dasar-dasar perakaunan, prinsip dan amalan perakaunan
- Mengkaji dan mengulas laporan kewangan NIOSH setiap suku tahun NIOSH sebelum dibentangkan kepada Lembaga Pengarah NIOSH

Pengurusan Pelaburan

- Memberi nasihat tentang strategi pelaburan NIOSH

Pengurusan Belanjawan

- Mencadangkan belanjawan tahunan NIOSH berhubung dengan rancangan perniagaan tahunan
- Memberi nasihat tentang peruntukan dan penggunaan dana

Pengurusan Kredit

- Menilai risiko kredit dan menetapkan dasar hutang lapuk

Hal-hal Lain Yang Berkaitan

- Menasihati dan memberi maklum balas mengenai kertas kewangan yang lain
- Mengambil maklum berkenaan tender dengan nilai melebihi RM500,000
- Menjalankan tugas-tugas lain yang diberikan dan/atau diarahkan oleh Lembaga Pengarah NIOSH

SCOPE AND RESPONSIBILITIES

Corporate Financial Reporting

- Review and recommend acceptance or otherwise of accounting policies, principles and practices
- Review and comment on NIOSH quarterly financial reports prior to presenting to the Board of Directors

Investment Management

- Advising NIOSH on investment strategies

Budget Management

- Propose to NIOSH annual budget in relation to annual business plan
- Advise on the allocation and use of funds

Credit Management

- Assess credit risk and to set bad debt policies

Other Related Matters

- Advise and provide feedback on other financial documents
- Take note of tenders with a value exceeding RM500,000
- Fulfil other duties as assigned and/or directed by the NIOSH Board of Directors

AKTIVITI TAHUN 2024

ACTIVITIES FOR 2024

Menilai prestasi kewangan tahun 2024
Assess financial performance for 2024

Memberi nasihat tentang strategi pelaburan NIOSH
Provide advice on NIOSH investment strategy

Mencadangkan belanjawan tahun 2024
Propose budget for 2024

Menilai risiko dan polisi hutang lapuk
Assess risk and bad debt policy

BILANGAN MESYUARAT DIADAKAN BAGI TAHUN 2024

NUMBER OF MEETINGS HELD FOR YEAR 2024

Jawatankuasa Kewangan dan Pelaburan telah menjalankan sebanyak 5 kali mesyuarat sepanjang tahun 2024.
The Finance and Investment Committee held 5 meetings throughout the year 2024.

LAPORAN JAWATANKUASA PEMBANGUNAN PERNIAGAAN

BUSINESS DEVELOPMENT COMMITTEE REPORT

SKOP DAN TANGGUNGJAWAB :

1. Mencadangkan dasar dan strategi bagi mempertingkatkan kebolehpasaran produk perkhidmatan bagi mencapai sasaran yang ditetapkan oleh Lembaga Pengarah.
2. Membantu pengurusan merangka pelan perniagaan tahunan untuk dicadangkan kepada Lembaga Pengarah untuk kelulusan.
3. Memantau, menyemak dan menyusun semula pelan tindakan berdasarkan pencapaian, cabaran dan isu-isu semasa yang memberi kesan kepada program dan aktiviti yang telah dirancang.
4. Membantu pihak pengurusan di dalam pembangunan perniagaan khususnya dalam pemeraksanaan produk dan perkhidmatan yang dapat meningkatkan keyakinan dan kepercayaan industri.
5. Memberi pandangan dan cadangan penambahbaikan kepada pihak pengurusan di dalam menangani cabaran luar jangka atau trend baru yang berpotensi untuk memberi impak besar kepada operasi NIOSH.

SCOPE AND RESPONSIBILITIES:

1. *Propose policies and strategies to improve the marketability of service based products to achieve targets set by the Board of Directors.*
2. *Assist management in drafting an annual business plan to be proposed to the Board of Directors for approval.*
3. *Monitor, review and restructure action plans based on achievements, challenges and current issues that impact planned programmes and activities.*
4. *Assist management in business development, especially in the empowerment of products and services that will increase industry confidence and trust.*
5. *Provide insights and suggestions for improvement to the management in addressing unforeseen challenges or new trends that have the potential to have a major impact on NIOSH operations.*

Aktiviti, isu atau program yang telah dilaksanakan:

Activities, issues or programmes that were implemented:

01 NIOSH Kerteh sebagai Pusat Kecemerlangan (COE) dalam industri minyak dan gas <i>NIOSH Kerteh as a Centre of Excellence (COE) in the oil and gas industry</i>	02 Serahan tanah Bintulu kepada Kementerian Sumber Manusia (KESUMA) <i>Handover of Bintulu land to the Ministry of Human Resources (KESUMA)</i>	03 Pengkomersialan projek penyelidikan dan pembangunan NIOSH <i>Commercialisation of NIOSH research and development projects</i>
04 Peranan NIOSH dalam insiden letupan dan kebakaran di Samalaju, Bintulu (Sarawak) <i>NIOSH role in the explosion and fire incident in Samalaju, Bintulu (Sarawak)</i>	05 Cadangan untuk mewujudkan COE NIOSH di Sabah khusus untuk industri minyak sawit <i>Proposal to establish a NIOSH COE in Sabah specifically for the palm oil industry</i>	Lawatan kerja ke pejabat NIOSH: Working visit to NIOSH offices: NIOSH Kerteh 27 Mei 2024

JAWATANKUASA AUDIT DAN INTEGRITI DAN GOVERNANS

AUDIT COMMITTEE FOR INTEGRITY AND GOVERNANCE

SKOP DAN TANGGUNGJAWAB

- Menilai dan meningkatkan keberkesanan proses pengurusan risiko, kawalan dalaman, dan tadbir urus
- Memantau pelaksanaan 4 fungsi teras IGU (Unit Integriti dan Governans) iaitu pengurusan aduan, pengesanan dan pengesanan, pengukuhan integriti dan governans

SCOPE AND RESPONSIBILITIES

- Assess and improve the effectiveness of risk management processes, internal controls, and governance
- Monitor the implementation of the 4 core functions of the IGU (Integrity and Governance Unit), namely complaint management, detection and verification, strengthening integrity and governance

SEKSYEN A: LAPORAN AUDIT DALAMAN

Jawatankuasa Audit ditubuhkan sebagai platform untuk membincangkan isu-isu yang dibangkitkan sama ada oleh Unit Audit Dalaman NIOSH, audit luar, atau Jabatan Audit Negara.

Jawatankuasa Audit perlu memastikan tindakan pencegahan (preventive) dan pembetulan (corrective) yang diambil oleh pihak Pengurusan terhadap penemuan audit supaya kelemahan-kelemahan yang dibangkitkan dapat diperbetulkan dan tidak berulang. Pembentangan audit dan kelulusan Rancangan Audit Tahunan 2025 dan Laporan Tahunan Audit 2024 adalah seperti berikut:

SEKSYEN A: LAPORAN AUDIT DALAMAN

The Audit Committee was established as a platform to discuss issues raised by NIOSH Internal Audit Unit, external audits, or the National Audit Department.

The Audit Committee must ensure that preventive and corrective actions are taken by the Management on audit findings to ensure the concerns raised will be remedied and not recur. The audit presentation and approval of the 2025 Annual Audit Plan and 2024 Annual Audit Report are as follows:



SEKSYEN B: LAPORAN INTEGRITI DAN GOVERNANS

Selaras dengan peranan jawatankuasa iaitu dalam memastikan pelaksanaan empat (4) fungsi teras penubuhan Unit Integriti dan Governans sebagaimana yang telah digariskan dalam Arahan YAB Perdana Menteri No. 1 Tahun 2018 – Siri 1 No. 1 Tahun 2018, NIOSH telah melaksanakan program-program berdasarkan objektif seperti berikut:


SECTION B: INTEGRITY AND GOVERNANS REPORT

In accordance with the committee's role in ensuring the implementation of the four (4) core functions that support establishing of the Integrity and Governance Unit as outlined by the Prime Minister's Directive No. 1 of 2018 - Series 1 No. 1 of 2018, NIOSH had implemented programmes based on the following objectives:

OBJEKTIF 1 : MEMASTIKAN PEMATUHAN TERHADAP UNDANG-UNDANG DAN PROSEDUR KERJA OBJECTIVE 1 : TO ENSURE COMPLIANCE TO LAWS AND WORK PROCEDURES



OBJEKTIF 2 : MEMUPUK BUDAYA BEBAS RASUAH DAN SOGOKAN
OBJECTIVE 2 : TO DEVELOP A BRIBERY AND CORRUPTION FREE CULTURE



JAWATANKUASA PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN (JPP) 2024

RESEARCH AND DEVELOPMENT COMMITTEE 2024

SKOP DAN TANGGUNGJAWAB

1. Mengenalpasti dan mengesyorkan pembangunan kapasiti ke arah kecemerlangan penyelidikan dan pembangunan di NIOSH
2. Mengenalpasti bidang keutamaan penyelidikan dan pembangunan dalam keselamatan dan kesihatan pekerjaan (KKP)
3. Menilai dan mengesyorkan penglibatan pakar rujuk yang dapat membantu keupayaan dan mempromosi imej institut dalam penyelidikan KKP
4. Mengawal selia semua aktiviti dan dapatan penyelidikan dan pembangunan, mencadangkan belanjawan dan kawalan perbelanjaan penyelidikan dan pembangunan
5. Mempromosi dan meningkatkan kerjasama dan perkongsian dalam penyelidikan dan pembangunan dengan institusi penyelidikan yang lain
6. Mempromosi penyebaran hasil dapatan penyelidikan dan pembangunan
7. Mengenalpasti dan memantau semua indeks petunjuk prestasi berkaitan jawatankuasa kecil

SCOPE AND RESPONSIBILITIES


1. Identify and recommend capacity-building initiatives to enhance research and development excellence at NIOSH.
2. Identify priority areas in occupational safety and health (OSH) research and development.
3. Evaluate and recommend the involvement of subject matter experts to strengthen institutional capabilities and enhance the institute's image in OSH research.
4. Oversee all research and development activities and findings, and provide recommendations on budget allocation and expenditure control.
5. Promote and strengthen collaboration and partnerships in research and development with other research institutions.
6. Promote the dissemination of research and development outcomes.
7. Identify and monitor all performance indicators related to the sub-committee.

Projek Penyelidikan yang dinilai Tahun 2024

JPP bertanggungjawab menilai dan meluluskan permohonan geran penyelidikan NIOSH, yang selaras dengan 12 bidang fokus Inisiatif Penyelidikan Malaysia di bawah Agenda Nasional.

Research Projects Evaluated in 2024

The R&D Committee (JPP) is responsible for evaluating and approving NIOSH research grant applications, in alignment with the 12 focus areas of the Malaysian Research Initiative under the National Agenda.



JAWATANKUASA PENCALONAN

NOMINATION COMMITTEE

SKOP DAN TANGGUNGJAWAB

Objektif-objektif Jawatankuasa adalah untuk:

1. Membantu Lembaga dalam sebarang perkara yang berkaitan dengan pencalonan pengarah dan keanggotaan Jawatankuasa-Jawatankuasa yang ditubuhkan oleh Lembaga.
2. Membantu Lembaga dalam mengurus tadbir proses pemilihan anggota Lembaga dalam Mesyuarat Agung Tahunan Institut.
3. Membantu Lembaga dalam pelaksanaan praktis tadbir urus yang terbaik dan bersesuaian dengan keperluan dan keadaan Institut.
4. Jawatankuasa mempunyai semua kuasa dan lingkupan kuasa untuk menjalankan fungsinya dengan berkesan dan cekap untuk:
 - (i) membantu Lembaga menilai pengetahuan, kemahiran, pengalaman dan kualiti lain yang harus diterapkan kepada Pengarah-Pengarah untuk Lembaga menjadi badan yang cekap dan berkesan (efficient and effective).
 - (ii) Mengkaji dan menilai pada setiap tahun, keberkesanan fungsi Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa-Jawatankuasanya berdasarkan prinsip tadbir urus korporat dan amalan Lembaga Pengarah.
 - (iii) Mengkaji dan menilai sumbangan yang dibuat oleh setiap anggota Lembaga, jika diarahkan oleh Lembaga.
 - (iv) Untuk memastikan proses pemilihan anggota Lembaga Pengarah yang mematuhi kehendak Perlembagaan, telus dan teratur.
 - (v) Mengesyorkan terma rujukan yang sesuai untuk Jawatankuasa-Jawatankuasa.
 - (vi) Mengendalikan siasatan dalaman ("domestic inquiry") terhadap mana-mana Pengarah dan mengesyorkan tindakan untuk pertimbangan dan tindakan lanjut Lembaga.

SCOPE AND RESPONSIBILITIES

The objectives of the Committee are as follows:

1. *To assist the Board in all matters related to the nomination of directors and the membership of Committees established by the Board.*
2. *To support the Board in administering the process for the election of Board members during the Institute's Annual General Meeting.*
3. *To assist the Board in implementing best governance practices that are appropriate and relevant to the needs and context of the Institute.*
4. *The Committee shall have full authority and scope to carry out its functions effectively and efficiently in order to:*
 - (i) *assist the Board in assessing the knowledge, skills, experience, and other qualities that should be embodied by Directors to ensure the Board operates as an efficient and effective body;*
 - (ii) *review and evaluate, on an annual basis, the effectiveness of the Board and its Committees based on corporate governance principles and Board practices;*
 - (iii) *review and assess the contributions made by each Board member, if so directed by the Board;*
 - (iv) *ensure that the process for electing members of the Board of Directors is in accordance with the Constitution, and is conducted in a transparent and orderly manner;*
 - (v) *recommend appropriate terms of reference for the various Committees;*
 - (vi) *conduct domestic inquiries involving any Director and recommend further actions for the Board's consideration and decision;*

- (vii) Menyasiasat apa jua aktiviti dalam lingkupan Terma Rujukan ini, atau seperti yang diarahkan oleh Lembaga dari masa ke semasa.
- (viii) Mempunyai akses kepada sumber manusia, harta, hasil kerja, buku-buku, rekod dan maklumat lain dalam apa jua bentuk yang dimiliki oleh Institut dan subsidiarinya terhad kepada yang diperlukan untuk melaksanakan tanggungjawab dan tugasnya.

(vii) investigate any activities within the scope of these Terms of Reference or as directed by the Board from time to time;

(viii) access human resources, properties, deliverables, books, records, and any other information in any form owned by the Institute and its subsidiaries, to the extent necessary for fulfilling its responsibilities and duties.

AKTIVITI TAHUN 2024

- Menguruskan Mesyuarat Agung Tahunan 2024 bersama dengan Pejabat Setiausaha Eksekutif NIOSH, termasuk memberi taklimat kepada Ahli-Ahli sebelum tarikh Mesyuarat Agung Tahunan 2024
- Membantu Lembaga dalam mengurus tadbir proses pemilihan anggota Lembaga dalam Mesyuarat Agung Tahunan Institut, termasuk menapis pencalonan pengarah yang layak dipilih dalam Mesyuarat Agung Tahunan 2024
- Membantu Lembaga dalam pencalonan keanggotaan Jawatankuasa-Jawatankuasa yang ditubuhkan oleh Lembaga

2024 ACTIVITIES

- Coordinated the 2024 Annual General Meeting in collaboration with the NIOSH Executive Secretary's Office, including delivering briefings to members prior to the AGM.
- Assisted the Board in administering the election process for Board members during the AGM, including screening nominations for eligible directors to be elected in 2024.
- Supported the Board in nominating members for various Committees established by the Board.

BILANGAN MESYUARAT TAHUN 2024 NUMBER OF MEETINGS IN 2024

Jawatankuasa Pencalonan telah menjalankan sebanyak 4 kali mesyuarat sepanjang tahun 2024.
The Nomination Committee convened a total of four (4) meetings throughout 2024.

4

PENGURUSAN DAN PAKAR TEKNIKAL MANAGEMENT AND TECHNICAL EXPERTS

Pengarah Eksekutif <i>Executive Director</i>	Dato' Haji Ayop bin Salleh
Setiausaha Eksekutif <i>Executive Secretary</i>	Mejar (B) Haji Hanif bin Maidin

Bahagian Pengurusan Kualiti <i>Quality Management Division</i>	Shahir bin Addenan	Pengurus / <i>Manager</i>
Bahagian Peperiksaan dan Persijilan <i>Examination and Certification Division</i>	Siti Faranez binti Harun	Pengurus / <i>Manager</i>
Bahagian Perniagaan dan Pemasaran <i>Business and Marketing Division</i>	Mohd Hussin bin Abd Salam	Pengurus / <i>Manager</i>
Bahagian Pembangunan Program <i>Programme Development Division</i>	Mohamad Redzuan Shah bin Masri	Pengurus / <i>Manager</i>
Pusat Kecemerlangan Ergonomik <i>Ergonomic Excellence Centre</i>	kekosongan (<i>vacant</i>)	Ketua Unit / <i>Head of Unit</i>
Unit Integriti & Governans <i>Integrity & Governance Unit</i>	Nor Fazidah binti Abu Naim	Ketua Unit / <i>Head of Unit</i>
Unit Audit Dalam <i>Internal Audit Unit</i>	Salwati binti Abd Rahman	Ketua Unit / <i>Head of Unit</i>

Jabatan Perkhidmatan Korporat dan Sokongan <i>Corporate Services and Support Department</i>		
Jabatan Perkhidmatan Korporat dan Sokongan / Corporate Services and Support Department	Kekosongan (<i>vacant</i>)	Pengurus Besar / <i>General Manager</i>
	Kekosongan (<i>vacant</i>)	Pengurus Kanan / <i>Senior Manager</i>
Bahagian Sumber Manusia <i>Human Resource Division</i>	Noorliza Idawati binti Mat Nayan	Pengurus / Pemangku Pengurus Kanan <i>Manager / Acting Senior Manager</i>
Bahagian Kewangan <i>Finance Division</i>	Norismalina binti Ishak	Pengurus / <i>Manager</i>
Bahagian Pentadbiran dan Fasilitas <i>Administration and Facilities Division</i>	Kekosongan (<i>vacant</i>)	Pengurus / <i>Manager</i>

Jabatan Perkhidmatan Korporat dan Sokongan <i>Corporate Services and Support Department</i>		
Bahagian Teknologi Maklumat <i>Information Technology Division</i>	Mohd Rashidi bin Rohmad	Pengurus / <i>Manager</i>
Bahagian Pengurusan Projek <i>Project Management Division</i>	Haji Azmi bin Jamaludin @ Aman Shah	Pengurus / <i>Manager</i>
Bahagian Penyebaran Maklumat <i>Information Dissemination Division</i>	Siti Badariah binti Abu Bakar	Pengurus / <i>Manager</i>
Unit Perolehan <i>Procurement Unit</i>	Najhan Salwana binti Sanusi	Eksekutif / Pemangku Ketua <i>Executive / Acting Head</i>

Jabatan Operasi <i>Operation Department</i>		
Jabatan Perundingan, Penyelidikan, dan Pembangunan <i>Consultancy, Research and Development Department</i>	Siti Norshuhada binti Abdul Aziz	Sekretariat / Pemangku Ketua <i>Secretariat / Acting Head</i>
Jabatan Pendidikan dan Latihan, dan Pejabat Wilayah <i>Education and Training Department, and Regional Offices</i>	kekosongan (<i>vacant</i>)	Pengurus Besar / <i>General Manager</i>
	Saupi Nazri bin Mamat	Pengurus Kanan & Pemangku Pengurus Besar/ <i>Senior manager & Acting General Manager</i>
Bahagian Komunikasi Strategik Latihan <i>Training Strategic Communications Division</i>	Norazman bin Bakrun	Pengurus / <i>Manager</i>
Bahagian Pendidikan dan Kompetensi Perundangan <i>Education and Regulatory Competency Division</i>	Ts. Haji Shahronizam bin Noordin	Pengurus / <i>Manager</i>
Bahagian Kesedaran dan Kemahiran Keselamatan <i>Safety Awareness and Skills Division</i>	Siti Zainatul Arafah binti Mat Zin	Pengurus / <i>Manager</i>

PENGURUSAN DAN PAKAR TEKNIKAL

MANAGEMENT AND TECHNICAL EXPERTS

Pantai Timur <i>East Coast</i>		
Pantai Timur / <i>East Coast</i> - Kerteh, Kuantan, dan Kota Bharu	Hisyamuddin bin Mohamad	Pengurus / <i>Manager</i>
Pantai Timur / <i>East Coast</i> - Kuantan	Adly Azmin bin Junet	Ketua Pejabat / <i>Head of Office</i>
Pantai Timur / <i>East Coast</i> - Kota Bharu	Mohd Norzaide bin Ahmad Nordin	Ketua Pejabat / <i>Head of Office</i>
Utara / <i>North</i>		
Utara / <i>Northern</i> - Penang, Manjung, dan Alor Setar	Rosliza binti Osman	Pengurus / <i>Manager</i>
Utara / <i>Northern</i> - Manjung	Muhd Amin Alamin bin Salam	Ketua Pejabat / <i>Head of Office</i>
Utara / <i>Northern</i> - Alor Setar	Asrul Amri bin Ismail	Ketua Pejabat / <i>Head of Office</i>
Selatan / <i>South</i>		
Selatan / <i>Southern</i> - Johor Bahru, Melaka, dan Pengerang	Ismail bin Abdul Rahman	Eksekutif / Pemangku <i>Executive / Acting Head</i>
Selatan / <i>Southern</i> - Melaka	Ts. Abdullah Monsi bin Ahmad Sarbini	Ketua Pejabat / <i>Head of Office</i>
Selatan / <i>Southern</i> - Pengerang	Nurzuhairah binti Jamil	Ketua Pejabat / <i>Head of Office</i>
Sabah		
Sabah - Kota Kinabalu, W.P. Labuan, Sandakan, dan Tawau	Wan Sarman @ Wan Salman bin Sakan	Pengurus / <i>Manager</i>
Sabah - W.P. Labuan	Mohd Fazrin bin Jurnain @ Joronain	Ketua Pejabat / <i>Head of Office</i>

Sabah - Sandakan	Muhamad Almansari bin Albari	Ketua Pejabat / <i>Head of Office</i>
Sabah - Tawau	Abd Hamid bin Hasan	Juruteknik Kanan / Pemangku Ketua Pejabat <i>Sr. Technician / Acting Head of Office</i>
Sarawak		
Sarawak - Kuching, Bintulu, Miri, dan Kapit	Normiza binti Suhaili	Pengurus / <i>Manager</i>
Sarawak – Bintulu	Maziah binti Yusof	Juruteknik Kanan / Pemangku Ketua Pejabat <i>Sr. Technician / Acting Head of Office</i>
Sarawak – Miri	Nuraida binti Waslee	Ketua Pejabat / <i>Head of Office</i>
Sarawak – Kapit	Edi Anak Ganai	Juruteknik / Pemangku Ketua Pejabat <i>Technician / Acting Head</i>
Pakar Teknikal <i>Technical Expert</i>		
Bahagian Perniagaan dan Pemasaran <i>Business and Marketing Division</i>	M. Hamzah bin Jamaludin	Pakar Teknikal III <i>Technical Expert III</i>
Bahagian Pembangunan Program <i>Programme Development Division</i>	Ts. Muazan bin Mohamad	Pakar Teknikal III <i>Technical Expert III</i>
Pejabat Perundingan, Penyelidikan, dan Pembangunan <i>Consultancy, Research, and Development Office</i>	Haji Muhammad Zaeem bin Mokhtar	Pakar Teknikal III <i>Technical Expert III</i>
	Ts. Shahrulnizam bin Jamen	Pakar Teknikal III <i>Technical Expert III</i>
Pematuhan Regulatori <i>Compliance Regulatory</i>	Yuzainie bin Yusof	Pakar Teknikal II <i>Technical Expert II</i>
	Ts. Nor Mohd Razif bin Noraini	Pakar Teknikal III <i>Technical Expert III</i>
	Dr. Haji Muhamad Ariff bin Muhamad Noordin	Pakar Teknikal III <i>Technical Expert III</i>
Penyelesaian KKP <i>OSH Solutions</i>	Ts. Haji Mohd Esa bin Baruji	Pakar Teknikal I <i>Technical Expert I</i>
	Azhar bin Ahmad	Pakar Teknikal III <i>Technical Expert III</i>

PENGURUSAN DAN PAKAR TEKNIKAL

MANAGEMENT AND TECHNICAL EXPERTS

Pakar Teknikal <i>Technical Expert</i>		
Perkhidmatan Penasihat <i>Advisory Services</i>	Haji Khairunnizam bin Mustapa	Pakar Teknikal I <i>Technical Expert I</i>
	Raemy bin Md Zein	Pakar Teknikal III <i>Technical Expert III</i>
	Siti Nurani binti Haji Hassan	Pakar Teknikal III <i>Technical Expert III</i>
	Ruzita binti Mohd Shariff	Pakar Teknikal III <i>Technical Expert III</i>
Perkhidmatan Teknikal <i>Technical Services</i>	ChM. Mohd Norhafsam bin Maghpor	Pakar Teknikal III <i>Technical Expert III</i>
Penyelidikan Gunaan <i>Applied Research</i>	Ts. Baderin bin Osman	Pakar Teknikal III <i>Technical Expert III</i>
Pejabat Pendidikan dan Latihan, dan Pejabat Wilayah <i>Education and Training Office, and Regional Office</i>	Haji Amirrudin bin Abdul Aziz	Pakar Teknikal II <i>Technical Expert II</i>
	Mohamad Anizan bin Mohammed Amin	Pakar Teknikal III <i>Technical Expert III</i>
	Paramesvaran a/I Mariappan	Pakar Teknikal III <i>Technical Expert III</i>

Tenaga Pengajar Dalaman <i>Resident Trainer</i>		
Bahagian Pembangunan Program <i>Programme Development Division</i>	Mohd Asri bin Ridzwan	Tenaga Pengajar Dalaman <i>Resident Trainer</i>
Pejabat Pendidikan dan Latihan, dan Pejabat Wilayah <i>Education and Training Office, and Regional Office</i>	Dinie Iqbal bin Minhat	Tenaga Pengajar Dalaman <i>Resident Trainer</i>
	Mohd Razman bin Ismail	Tenaga Pengajar Dalaman <i>Resident Trainer</i>
	Ahmad Aizuddin bin Ahmad Ridzwan	Tenaga Pengajar Dalaman <i>Resident Trainer</i>
	Mohamad Hairi bin Mustapa	Tenaga Pengajar Dalaman <i>Resident Trainer</i>

Tenaga Pengajar Dalam <i>Resident Trainer</i>		
Pejabat Wilayah Pantai Timur - Kerteh <i>East Coast Regional Office - Kerteh</i>	Mohamad Shariff bin Ismail	Tenaga Pengajar Dalam <i>Resident Trainer</i>
Pejabat Wilayah Utara - Penang <i>Northern Regional Office - Penang</i>	Mohd Badrul Azifudin bin Abd Mutalib	Tenaga Pengajar Dalam <i>Resident Trainer</i>
	Mohamad Fahkrul Razi bin Hasan	Tenaga Pengajar Dalam <i>Resident Trainer</i>
Pejabat Wilayah Selatan - Johor Bahru <i>Southern Regional Office - Johor Bahru</i>	Ts. Mohamed Rizwan bin Haji Anis	Tenaga Pengajar Dalam <i>Resident Trainer</i>
Pejabat Wilayah Sabah - Kota Kinabalu <i>Sabah Regional Office - Kota Kinabalu</i>	Ts. Indra bin Imus	Tenaga Pengajar Dalam <i>Resident Trainer</i>
Pejabat Wilayah Sarawak - Bintulu <i>Sarawak Regional Office - Bintulu</i>	Azri bin Rani	Tenaga Pengajar Dalam <i>Resident Trainer</i>

Anak Syarikat <i>Subsidiary</i>		
NIOSH Certification Sdn. Bhd. (NCSB)	Syamsul Zahrin bin Zainuddin	Ketua Pengarah Eksekutif <i>Chief Executive Director</i>





2024

LAPORAN TAHUNAN
ANNUAL REPORT

ALAM SEKITAR, SOSIAL DAN TADBIR URUS

**ENVIRONMENTAL, SOCIAL
AND GOVERNANCE**

INISIATIF ESG

ESG INITIATIVES

Pendahuluan

Dalam era globalisasi yang semakin mencabar, aspek Alam Sekitar, Sosial, dan Governans (ESG) menjadi elemen penting dalam menjamin kelestarian organisasi. Keberkesanan ESG tidak hanya diukur melalui pematuhan terhadap undang-undang dan dasar, tetapi juga menerusi tindakan yang memberi impak positif kepada alam sekitar, kesejahteraan pekerja, serta amalan tadbir urus yang telus dan berintegriti.

Sebagai organisasi di bawah Kementerian Sumber Manusia (KESUMA), NIOSH komited dalam menjayakan agenda ESG dengan menerapkan amalan hijau, memperkukuh kebajikan pekerja serta mengekalkan sistem tadbir urus yang profesional dan berakauntabiliti tinggi. Laporan ini memperincikan pencapaian utama NIOSH sepanjang tahun 2024 dalam menerapkan prinsip ESG secara menyeluruh.

Introduction

In an increasingly challenging era of globalisation, aspects relevant to Environmental, Social and Governance (ESG) have become an important attribute in ensuring organisational sustainability. The effectiveness of ESG is not solely defined by compliance with laws and policies, but also by meaningful actions that generate positive impact on the environment, enhance employee well-being and promote transparent and principled governance practices.

As an agency under the Ministry of Human Resources (KESUMA), NIOSH is firmly committed to advancing the ESG agenda by embedding green practices, strengthening employee welfare, and upholding a professional and highly accountable governance system. This report outlines NIOSH's key achievements throughout 2024 in the comprehensive implementation of ESG principles.





Komitmen NIOSH terhadap SDG

NIOSH kekal komited untuk menyokong kesemua 17 Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) melalui usaha bersepadu dalam bidang keselamatan dan kesihatan pekerjaan. Sejak 2023, penyediaan Laporan ESG tahunan mencerminkan langkah strategik NIOSH untuk mengarusperdanakan kelestarian dalam operasi teras dengan menggabungkan kesejahteraan pekerja, inovasi dan tanggungjawab alam sekitar. Komitmen ini memperkukuhkan peranan NIOSH dalam memacu kemajuan mampan merentasi pelbagai sektor.

NIOSH's Commitment to the SDGs

NIOSH remains committed to advancing all 17 Sustainable Development Goals (SDGs) through integrated efforts in occupational safety and health. Since 2023, the publication of NIOSH's annual ESG Report reflects a strategic move to embed sustainability into core operations that link worker well-being, innovation and environmental responsibility. This commitment affirms NIOSH's role in driving sustainable progress across sectors.

1. ALAM SEKITAR

Menjaga Alam Sekitar Menjamin Kelangsungan Alam Dunia

Kelestarian alam sekitar bukan lagi sekadar pilihan atau sesuatu yang boleh diambil ringan. Ia kini menjadi satu keperluan mendesak dalam menghadapi cabaran perubahan iklim dan eksploitasi sumber alam semula jadi. NIOSH memainkan peranan aktif dalam mengurangkan kesan negatif terhadap alam sekitar melalui pelbagai inisiatif hijau, pemantauan penggunaan tenaga, serta usaha mengurangkan sisa.

1. ENVIRONMENT

Protecting the Environment Assures Future Continuity of the Natural World

Environmental sustainability can no longer be taken for granted. It is now an urgent need in the wake of environmental challenges such as climate change and exploitation of natural resources. NIOSH plays an active role in reducing negative environmental impacts through various green initiatives, monitoring energy consumption, and waste reduction.

Pengurangan Jejak Karbon dan Pelepasan Gas Rumah Hijau (GHG) *Reduction of Carbon Footprint and Green House Gas Emission (GHG)*

Bagi menyokong usaha global mengurangkan pelepasan karbon, NIOSH telah melaksanakan pelbagai program berimpak tinggi, termasuk:

In an effort to support global actions to reduce carbon emission, NIOSH has implemented a variety of high-impact programmes, including:

Penanaman **140 pokok** menghasilkan lebih **730 kg** oksigen bagi meningkatkan kualiti udara

Planting 140 trees produced over 730 kg of oxygen to improve air quality

Kompos sisa makanan dari kafeteria berjaya mengurangkan **684 kg karbon dioksida setara (CO₂e)** setahun

Composting food waste from cafeterias successfully reduced 684 kg carbon dioxide equivalent (CO₂e) per year

Aktiviti CSR pembersihan pantai menyumbang kepada **39.27 tCO₂e** pengurangan karbon


CSR beach cleanup activities contributed to 39.27 tCO₂e of carbon reduction

Penggunaan kenderaan elektrik (EV) membantu mengurangkan **692.83 kg CO₂** sepanjang tahun

Use of electric vehicles (EVs) helped to reduce 692.83 kg of CO₂ throughout the year

Pemantauan dan pengurangan penggunaan bahan api berjaya mengurangkan **20.2 tCO₂e** bersamaan dengan penanaman **505 pokok**

Monitoring and reducing fuel consumption successfully reduced 20.2 tCO₂e equivalent to planting 505 trees





Kecekapan Tenaga dan Pengurangan Pelepasan Karbon

Pada tahun 2024, NIOSH berjaya mengurangkan penggunaan tenaga elektrik sebanyak 263,097 kWh, menjadikan jumlah penggunaan 3,236,903 kWh. Penurunan ini turut menyumbang kepada pengurangan pelepasan karbon sebanyak 177 tCO₂e daripada 2,700 tCO₂e pada 2023 kepada 2,523 tCO₂e pada 2024.

Penjimatan ini dicapai melalui inisiatif kecekapan tenaga, termasuk penggunaan sistem pencahayaan dan penghawa dingin cekap tenaga, pemantauan penggunaan elektrik secara berkala, serta peningkatan kesedaran pekerja dalam mengamalkan penjimatan tenaga.

Energy Efficiency and Reduction of Carbon Emission

In 2024, NIOSH successfully reduced its electricity consumption by 263,097 kWh bringing its total consumption to 3,236,903 kWh. This reduction also contributed to a reduction in carbon emission of 177 tCO₂e from 2,700 tCO₂e in 2023 to 2,523 tCO₂e in 2024.

This energy saving effort was achieved through energy efficiency initiatives including the use of energy-efficient lighting and air conditioning systems, regular monitoring of electricity consumption, and an increase in employee awareness by practicing energy conservation.

Tahun 2023
Year 2023

2,700
tCO₂e

Tahun 2024
Year 2024

2,523
tCO₂e



Kecekapan Penggunaan Air

Bagi memastikan pengurusan air yang lebih lestari, NIOSH telah mengurangkan penggunaan air sebanyak 2,382 m³ daripada 51,000 m³ pada 2023 kepada 48,618 m³ pada 2024.

Penjimatan ini dicapai melalui pelan tindakan berikut:

- Pemantauan kebocoran air secara berkala di setiap premis
- Penggunaan semula air hujan untuk penyiraman tanaman dan kerja pembersihan
- Pemasangan peralatan jimat air di semua tandas dan kawasan basuhan

Water Consumption Efficiency

To ensure a more sustainable water management effort, NIOSH had reduced water consumption by 2,382 m³ from 51,000 m³ in 2023 to 48,618 m³ in 2024.

The water consumption saving was achieved through the following action plans:

- Regular monitoring of water leaks in each premises
- Reuse of rainwater for watering plants and cleaning work
- Installation of water-saving equipment in all toilets and washing areas

Tahun 2023
Year 2023

M³ 51,000

Tahun 2024
Year 2024

M³ 48,618



Pengurusan Sisa dan Bahan Mesra Alam

Sisa yang tidak diurus dengan baik boleh memberi kesan negatif kepada alam sekitar. Oleh itu, NIOSH telah mengorak langkah dalam menguruskan sisa secara sistematik dengan pencapaian berikut:

- Sasaran 40% sisa dikitar semula menjelang 2025
- RM6,599.09 diperoleh hasil kitar semula dari 2022 hingga 2024
- Penggunaan e-nota berjaya menjimatkan 6.27 juta helai kertas pada 2024, bersamaan 11.68 ekar kawasan hutan yang terpelihara
- Larangan penggunaan plastik di premis NIOSH. Barangan ini digantikan dengan bekas makanan dan minuman eko-mesra

Waste Management and Eco-friendly Material

Carelessly managed waste can result in a negative impact on the environment. Given this, NIOSH took steps in systematically managing waste and achieved the following:

- *Targeted 40% of waste was recycled by 2025*
- *RM6,599.09 was earned from recycling efforts from 2022 to 2024*
- *The implementation of e-notes in 2024 resulted in the conservation of approximately 6.27 million sheets of paper, equivalent to preserving 11.68 acres of forested land."*
- *Ban on the use of food and beverage plastic ware at NIOSH premises. These items were replaced with eco-friendly containers*

Sasaran
Targeted

40%

sisa dikitar semula menjelang 2025
of waste was recycled by 2025

RM6,599.09

diperoleh hasil kitar semula
dari 2022 hingga 2024
*was earned from recycling efforts
from 2022 to 2024*

Penggunaan e-nota berjaya menjimatkan 6.27 juta helai kertas


The implementation of e-notes

6.27

 juta helai / *sheets of paper*

pada 2024, bersamaan 11.68 ekar kawasan hutan yang terpelihara
in 2024, equivalent to preserving 11.68 acres of forested land."

Larangan penggunaan plastik di premis NIOSH. Barangan ini digantikan dengan bekas makanan dan minuman eko-mesra
Ban on the use of food and beverage plastic ware at NIOSH premises. These items were replaced with eco-friendly containers



2. SOSIAL

Kesejahteraan Pekerja dan Tanggungjawab Sosial Keutamaan NIOSH

Kejayaan NIOSH bergantung kepada kesejahteraan dan kepuasan pekerjaanya. Institusi ini komited dalam memastikan persekitaran kerja selamat, adil, serta menyokong pembangunan sosial masyarakat.

2. SOCIAL

Employee Well-being and Social Responsibility is NIOSH Priority

The success of NIOSH depends on the well-being and satisfaction of its employees. The Institute is committed to maintaining a safe and equitable work environment while also supporting the social development of the wider community.



Terlibat dengan Program Kutip Sampah Riadah (KUDAH)
Participated in the Riadah (KUDAH) Garbage Collection Programme



Mengemaskini aspek impak yang melibatkan kakitangan NIOSH
Updating Impactful Aspects Involving NIOSH Staff



Penjimatan Air dan Elektrik di Pejabat NIOSH
Water and Electricity Use Reduction in NIOSH offices



Menjalankan mesyuarat NOSHERTCOM
Conducting NOSHERTCOM Meetings

Keselamatan dan Kesehatan Pekerjaan

Keselamatan dan kesehatan pekerjaan (KKP) adalah keutamaan NIOSH dalam memastikan kesejahteraan kakitangan serta individu yang berurusan dengan organisasi. Tahun 2024 menyaksikan peningkatan kes kemalangan (7 kes berbanding 5 kes pada 2023) serta peningkatan kes penyakit pekerjaan (211 kes). Penambahan kes mencerminkan keperluan untuk kawalan risiko yang lebih ketat.

Sebagai tindak balas, NIOSH telah memperketatkan prosedur keselamatan, meningkatkan pemantauan tempat kerja, serta melaksanakan penilaian risiko berkala bagi mengurangkan kenaikan insiden sebegini.

Occupational Safety and Health

Occupational safety and health (OSH) is a top priority for NIOSH in ensuring the well-being of its staff as well as individuals who engage with the organisation. The year 2024 recorded an increase in accident cases, with seven cases reported compared to five in 2023, along with a rise in occupational disease cases, reaching 211. This increase highlights the need for tighter risk control measures.

In response, NIOSH has reinforced safety procedures, enhanced workplace monitoring, and implemented periodic risk assessments to help reduce the occurrence of such incidents.



3. GOVERNANS

Kecemerlangan Governans, Kunci Kepercayaan, dan Keberkesanan Tadbir Urus

Berdasarkan amalan tadbir urus yang teguh, nilai baik ini memastikan sesebuah organisasi beroperasi dengan ketelusan, akauntabiliti dan integriti. NIOSH komited untuk memastikan sifat tadbir urus yang baik diperkukuh melalui pematuhan kepada piawaian pengurusan korporat yang tinggi.

3. GOVERNANCE

Governance Excellence, the Key to Trust and Effective Administration

Based on strong governance practices, these positive values ensure that an organisation operates with transparency, accountability, and integrity. NIOSH is committed to reinforcing good governance principles through compliance with high corporate management standards.

Strategi Pembanterasan Rasuah NIOSH 2024 – 2026 NIOSH Anti-Corruption Strategy 2024 – 2026

Strategi Utama/ Main Strategies:

Sistem dan
Prosedur Kerja.
*Systems and Work
Procedures*

Nilai-Nilai Murni
dan Kod Etika.
*Noble Values and
Code of Ethics*

Kawalan Dalam
Internal Controls

Peratus Pencapaian: Achievement Percentage:

2024
94%

Ketelusan Kewangan Financial Transparency

Pembayaran cukai 2024 berjumlah
tax payments amounting to

RM8.67 juta / million

menyumbang kepada ekonomi negara
was contributed to the national economy

Audit tahunan dijalankan oleh firma
Annual audit conducted by the firm

Idris & Co

memastikan pematuhan kepada piawaian
perakaunan yang ketat
*ensured compliance with strict accounting
standards*



KESIMPULAN

Penerapan ESG di NIOSH adalah pelan tindakan dwi-tujuan yang memenuhi keperluan perundangan dan strategi jangka panjang. Perancangan ini menjamin kelestarian organisasi, kesejahteraan pekerja dan tanggungjawab sosial ke masa hadapan. Dengan implementasi inisiatif komprehensif dan operasi strategik yang berterusan, NIOSH mengekalkan peranan utama sebagai peneraju kemampanan keselamatan dan kesihatan pekerjaan di Malaysia.

SUMMARY

The implementation of ESG at NIOSH serves a dual purpose: fulfilling legal requirements while supporting long-term strategies that safeguard organisational sustainability, employee well-being and social responsibility into the future. Through the application of comprehensive initiatives and ongoing strategic efforts, NIOSH continues to play a leading role in advancing sustainable occupational safety and health in Malaysia.





2024

LAPORAN TAHUNAN
ANNUAL REPORT

LATIHAN

TRAINING

LATIHAN

KOMITMEN KE ARAH KECEMERLANGAN

Latihan merupakan komponen utama dalam membangunkan tenaga kerja yang kompeten, cekap dan selamat. Melalui latihan berterusan, pekerja dapat meningkatkan pengetahuan, kemahiran serta kesedaran mengenai kepentingan aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan (KKP). NIOSH terus memainkan peranan penting dalam memperkasakan KKP dengan menawarkan pelbagai program latihan yang direka khas untuk memenuhi keperluan industri dan tenaga kerja di Malaysia. Sepanjang tahun 2024, NIOSH telah berjaya melaksanakan 11,908 program latihan, melibatkan 227,651 peserta dari pelbagai sektor dan industri.

JABATAN PENDIDIKAN DAN LATIHAN & PEJABAT WILAYAH

Bagi memastikan keberkesanan pelaksanaan program latihan KKP, Jabatan Pendidikan dan Latihan dan pejabat Wilayah (ETDRO) berperanan mengendalikan dan menyelaras pelbagai program melalui tiga bahagian utama:

- Bahagian Pendidikan dan Kompetensi Perundangan (ERCD)
- Bahagian Kesedaran Keselamatan dan Kemahiran (SASD)
- Bahagian Komunikasi Strategik Latihan (TSCD)

Selain itu, ETDRO turut bertanggungjawab dalam menyelaras operasi 5 Pejabat Wilayah dan 12 Pejabat Satelit di seluruh negara bagi memastikan latihan dapat diakses secara meluas oleh pelbagai industri dan tenaga kerja di seluruh Malaysia.

TRAINING

A COMMITMENT TOWARDS EXCELLENCE

Training is a key component in developing a competent, efficient and safe workforce. Through continuous training, employees can improve their knowledge, skills and awareness of the importance of occupational safety and health (OSH). NIOSH continues to play a key role in strengthening OSH by offering various training programmes especially designed to meet the needs of the industry and workforce in Malaysia. Throughout 2024, NIOSH successfully implemented 11,908 training programmes, involving 227,651 participants from various sectors and industries.

EDUCATION AND TRAINING DEPARTMENT & REGIONAL OFFICE

To ensure the effectiveness of implementing OSH training programmes, the Education and Training Department and Regional Offices (ETDRO) play an important role in handling and coordinating various programmes. This is conducted through three main divisions:

- Education and Regulatory Competency Division (ERCD)
- Safety Awareness and Skills Department (SASD)
- Training Strategic Communications Division (TSCD)

Furthermore, ETDRO is additionally responsible for coordinating the operations of 5 Regional Offices and 12 Satellite Offices nationwide, to ensure that training is widely accessible to various industries and the workforce throughout Malaysia.

PENCAPAIAN LATIHAN NIOSH 2024
NIOSH 2024 TRAINING ACHIEVEMENTS



Program Kesedaran:
Awareness Programmes:

283

Program
Programmes

4,759

Peserta
Candidates



Program Kompetensi
Perundangan:
Regulatory Competency:

3,099

Program
Programmes

46,950

Peserta
Candidates



Program Kompetensi
Kemahiran:
Skills Competency:

708

Program
Programmes

8,924

Peserta
Candidates




Program Jurulatih:
Trainer Programmes:

79

Program
Programmes

897

Peserta
Candidates



Program Induksi
Keselamatan:
*Safety Induction
Programmes:*

7,225

Program
Programmes

153,317

Peserta
Candidates



Seminar/Persidangan:
Conference/Seminar:

55

Program
Programmes

2,637

Peserta
Candidates

1. BAHAGIAN PENDIDIKAN DAN KOMPETENSI PERUNDANGAN (ERCD)

- 753 program kompetensi perundangan telah dilaksanakan, melibatkan 13,649 peserta
- Program latihan merangkumi kursus-kursus utama seperti SHO, SSS, OSHC, BSC, AESP, AGTES, CHRA, NRA, IH, ERA, OHD dan OHN
- Kursus latihan dijalankan secara mingguan di NIOSH Bandar Baru Bangi, serta lokasi-lokasi lain seperti Mewah Oils Sdn. Bhd. Pulau Indah dan GIAT MARA

2. BAHAGIAN KESEDARAN KESELAMATAN DAN KEMAHIRAN SASD)

- Kursus latihan Bekerja Selamat di Tempat Tinggi untuk Wanita (WSHW) diadakan pada 13-14 Mei 2024 dan 16-17 Oktober 2024 di NIOSH Bandar Baru Bangi
- Kerjasama strategik dengan ILKEM dan CGSO di Jabatan Perdana Menteri: 13 sesi program kesedaran KKP telah dijalankan dengan 931 peserta
- Program Latihan Certifikasi Pengawal Keselamatan (CSG): 12,743 peserta dilatih di 6 zon seluruh Malaysia
- Modul latihan merangkumi pertolongan cemas; pencegahan kebakaran; disiplin dan integrity; komunikasi berkesan; pengendalian senjata api asas serta latihan mempertahankan diri.

1. EDUCATION AND REGULATORY COMPETENCY DIVISION (ERCD)

- 753 regulatory competency programmes were conducted involving 13,649 participants
- Training programmes included main courses such as SHO, SSS, OSHC, BSC, AESP, AGTES, CHRA, NRA, IH, ERA OHD and OHN
- Training courses were conducted on a weekly basis at NIOSH Bandar Baru Bangi, and at other locations including Mewah Oils Sdn. Bhd. Pulau Indah, and GIAT MARA

2. SAFETY AWARENESS AND SKILLS DIVISION (SASD)

- Working Safely at Height for Women (WSHW) training courses were conducted on 13-14 May 2024 and 16-17 October 2024 at NIOSH Bandar Baru Bangi
- Strategic cooperation with ILKEM and CGSO in the Prime Minister's Department: 13 sessions of OSH awareness programme were conducted in which, 931 participants attended
- Training programme for Certified Security Guard (CSG): 12,743 participants from 6 zones across Malaysia were trained
- Training modules include first aid; fire prevention; discipline and integrity; effective communication; basic firearms handling, including self-defence training.

3. BAHAGIAN KOMUNIKASI STRATEGIK LATIHAN

■ Program Seminar:

52 seminar dianjurkan dengan pendaftaran 3,394 peserta

- 17 seminar bersemuka
- 35 seminar dalam talian

■ Program Pasport Keselamatan - Pembelajaran Jarak Jauh:

- 340 kursus dianjurkan dengan pendaftaran 7,779 peserta

Kursus utama: Pasport Keselamatan Minyak dan Gas (OGSP), Pasport Keselamatan Operasi Lebuhraya (EOSP), Pasport Keselamatan Sistem Kontraktor (CSPS)

■ Program Kesedaran dan Jurulatih - Pembelajaran Jarak Jauh:

- 31 kursus dianjurkan dan menerima pendaftaran 451 peserta

Merangkumi Kursus Kesedaran dan Kursus Jurulatih

Pencapaian sepanjang tahun 2024 amat memberangsangkan. Kejayaan ini menunjukkan peningkatan ketara dalam penyertaan dan keberkesanan program yang dijalankan. NIOSH terus memainkan peranan utama dalam memperkasakan tenaga kerja Malaysia dengan kemahiran dan kesedaran keselamatan yang tinggi.

Melalui kerjasama strategik dengan agensi kerajaan, industri dan institusi latihan, NIOSH komited untuk memperkukuhkan budaya keselamatan dan kesihatan pekerjaan di Malaysia sejajar dengan objektif untuk mewujudkan persekitaran kerja yang lebih selamat, produktif dan mampan.

3. TRAINING STRATEGIC COMMUNICATIONS DIVISION (TSCD)

■ Seminar Programmes:

52 seminars were organised that garnered 3,394 participants

- 17 in-person seminars
- 35 online seminars

■ Safety Passport Programme – Distance Learning:

- 340 courses were organised with a registration of 7,779 participants

Main courses: Oil and Gas Safety Passport (OGSP), Expressway Operation Safety Passport (EOSP), Contractor Safety Passport System (CSPS)

■ Awareness and Trainer Programmes – Distance Learning:

- 31 training courses were organised and garnered 451 registered participants

Training courses comprised of Awareness Courses and Trainer Courses

The achievements attained throughout 2024 are very encouraging. This success represents a significant increase in participation and effectiveness of the many programmes organised and offered by NIOSH. The Institute continues to play a key role in empowering the Malaysian workforce with proficient safety skills and high awareness.

Through strategic collaborations with government agencies, industry and training institutions, NIOSH is committed to its mission in strengthening the culture of occupational safety and health in Malaysia by aligning with the objective of creating a safer, more productive and sustainable work environment.

Bahagian Pendidikan dan Kompetensi Perundangan (ERCD)

Bahagian Pendidikan dan Kompetensi Perundangan (ERCD) merupakan salah satu komponen utama di bawah Jabatan Pendidikan dan Latihan NIOSH. Bahagian ini bertanggungjawab dalam merancang dan melaksanakan kursus-kursus kompetensi berasaskan perundangan yang berkaitan dengan keselamatan dan kesihatan pekerjaan (KKP).

Sepanjang tahun 2024, ERCD telah melaksanakan sebanyak 753 program latihan melibatkan seramai 13,649 orang peserta dari pelbagai sektor dan industri. Kursus-kursus ini dijalankan secara berterusan setiap minggu dan bertempat di NIOSH Ibu Pejabat Bandar Baru Bangi serta beberapa lokasi luar yang dikenalpasti bersesuaian.

Antara kursus-kursus kompetensi yang ditawarkan oleh ERCD adalah seperti berikut:

- Pegawai Keselamatan dan Kesihatan (SHO)
- Penyelia Keselamatan Tapak (SSS)
- Koordinator Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (OSHC)
- Asas Kompetensi Perancah (BSC)
- Orang Dibenarkan dan Orang Bersedia Masuk Ruang Terkurung (AESP)
- Penguji Gas Bertauliah Ruang Terkurung (AGTES)
- Penaksiran Risiko Bahan Kimia Bahaya Kepada Kesihatan (CHRA)
- Penaksiran Risiko Bunyi (NRA)
- Higen Industri (IH)
- Penaksiran Risiko Ergonomik (ERA)
- Doktor Kesihatan Pekerjaan (OHD)
- Jururawat Kesihatan Pekerjaan (OHN)

Selain pelaksanaan kursus di kampus utama NIOSH di Bandar Baru Bangi, Bahagian Pendidikan dan Kompetensi Perundangan (ERCD) turut mengadakan kursus di lokasi luar seperti:

- Kursus Orang Dibenarkan dan Orang Bersedia Masuk Ruang Terkurung (AESP) di Mewah Oils Sdn. Bhd. Pulau Indah
- Kursus Koordinator Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (OSHC) untuk peserta GIAT MARA

Kejayaan ini membuktikan komitmen berterusan oleh NIOSH dalam memperkasakan tenaga kerja negara dengan kompetensi perundangan yang selaras dengan kehendak perundangan KKP semasa.

Education and Regulatory Competency Division(ERCD)

The Education and Regulatory Competency Department (ERCD) is a key component of NIOSH Education and Training Department. This division is responsible for planning and implementing regulatory competency courses related to occupational safety and health (OSH).

Throughout the year 2024, ERCD implemented 753 training programmes involving 13,649 participants from various sectors and industries. These courses were conducted continuously every week at NIOSH Headquarters Bandar Baru Bangi as well as several external locations identified as suitable and appropriate.

Among the competency courses that were offered by ERCD are as listed below:

- Safety and Health Officer (SHO)
- Site Safety Supervisor (SSS)
- Occupational Safety and Health Coordinator (OSHC)
- Basic Scaffolding Competency (BSC)
- Authorised Entrant and Standby Person (AESP)
- Authorised Gas Tester for Confined Space (AGTES)
- Chemical Health Risk Assessment (CHRA)
- Noise Risk Assessment (NRA)
- Industrial Hygiene (IH)
- Ergonomic Risk Assessment (ERA)
- Occupational Health Doctor (OHD)
- Occupational Health Nurse (OHN)

Besides conducting courses at NIOSH main campus in Bandar Baru Bangi, the Education and Regulatory Compliance Department (ERCD) also held courses at external locations. These include:

- Authorised Entrant and Standby Person (AESP) course at Mewah Oils Sdn. Bhd. Pulau Indah
- Occupational Safety and Health Coordinator (OSHC) course for GIAT MARA participants

This success reflects NIOSH's continued commitment to empowering the national workforce with regulatory competencies that are aligned with current occupational safety and health (OSH) legislative requirements.



Gambar 1 : Kursus Orang Dibenarkan dan Orang Bersedia Masuk Ruang Terkurung (AESP) di Mewah Oils Sdn. Bhd. Pulau Indah

Image 1 : Authorised Entrant and Standby Person (AESP) course at Mewah Oils Sdn. Bhd. Pulau Indah



Gambar 2 : Kursus Koordinator Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (OSHC) untuk peserta GIAT MARA

Image 2 : Occupational Safety and Health Coordinator (OSHC) course for GIAT MARA participants

Bahagian Kesedaran dan Kemahiran Keselamatan (SASD)

Bahagian Kesedaran dan Kemahiran Keselamatan (SASD) memainkan peranan penting dalam memupuk budaya keselamatan melalui program latihan yang bersifat praktikal, menyeluruh dan inklusif.

Fokus utama SASD adalah memperkasakan pengetahuan dan kemahiran asas KKP kepada kumpulan sasaran seperti wanita, pengawal keselamatan, penjawat awam, serta pekerja industri berisiko. Latihan yang ditawarkan merangkumi aspek kesedaran, advokasi, dan kemahiran teknikal selaras dengan objektif NIOSH untuk membudayakan keselamatan pekerjaan di semua lapisan bidang tenaga kerja.

Safety Awareness and Skills Division (SASD)

The Safety Awareness and Skills Division (SASD) plays an important role in fostering a safety culture through practical, comprehensive, and inclusive training programmes.

The main focus of SASD is to empower basic OSH knowledge and skills to target groups such as women, security guards, civil servants, and workers in high risk industries. The training offered includes aspects of awareness, advocacy, and technical skills aligned with NIOSH objective to inculcate a culture of work safety in all levels of employment.

KURSUS BEKERJA SELAMAT DITEMPAT TINGGI UNTUK WANITA (WSHW)

Kursus Bekerja Selamat ditempat Tinggi untuk Wanita (WSHW) dianjurkan oleh Bahagian Kesedaran dan Kemahiran Keselamatan (SASD) dan Jabatan Pendidikan dan Latihan (ETD) sebagai inisiatif memperkasakan peranan wanita dalam pekerjaan berkaitan tempat tinggi. Kandungan kursus ini memberi pendedahan kepada kefahaman dan pengetahuan tentang aspek keselamatan bekerja di tempat tinggi.

Kursus ini telah diadakan di NIOSH Bandar Baru Bangi pada 13 - 14 Mei 2024 dan 16 - 17 Oktober 2024.

WORKING SAFELY AT HEIGHT FOR WOMEN COURSE (WSHW)

The Working Safely at Height for Women (WSHW) Course is organised by the SASD and the Education and Training Department (ETD) as an initiative to empower women in jobs related to heights. The content of this course provided exposure to knowledge and understanding about safety aspects of working at heights.

This course was conducted at NIOSH Bandar Baru Bangi on 13 - 14 May 2024, and 16 - 17 October 2024.



Gambar 3 : Para peserta kursus Bekerja Selamat ditempat Tinggi untuk Wanita (WSHW) di hangar NIOSH Bandar Baru Bangi

Image 3 : Participants attending the course Working Safely at Heights for Women (WSHW) in the hanger of NIOSH Bandar Baru Bangi

KERJASAMA STRATEGIK NIOSH DAN ILKEM MELALUI PEJABAT CGSO di JABATAN PERDANA MENTERI Malaysia

Sepanjang tahun 2024, sebanyak 13 sesi program kesedaran KKP telah dijalankan di Institut Latihan Keselamatan Perlindungan Malaysia (ILKEM) dan melibatkan 931 peserta dari Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia (CGSO). Para peserta telah menjalani kursus pengurusan keselamatan dan kesihatan di tempat kerja.

NIOSH and ILKEM Strategic Cooperation through CGSO Office in the Prime Minister's Department Malaysia

During the year 2024, a total of 13 OSH awareness programme sessions were conducted at the Malaysian Protection Security Training Institute (ILKEM). It involved 931 participants from the Malaysia Office of the Chief Government Security Officer (CGSO). The participants underwent a workplace safety and health management course.



Gambar 4 : Para peserta Program Kesedaran KKP yang telah dijalankan di Institut Latihan Keselamatan Perlindungan Malaysia (ILKEM)

Image 4 : Participants attending the OSH Awareness Programme conducted at the Malaysian Protection Security Training Institute (ILKEM)

PROGRAM LATIHAN CERTIFIED SECURITY GUARD (CSG)

Program Latihan Pengawal Keselamatan Bertauliah (CSG) disediakan khusus untuk pengawal keselamatan di bawah kelolaan bersama Kementerian Dalam Negeri, Polis Diraja Malaysia, dan Persatuan Perkhidmatan Kawalan Keselamatan Malaysia (PPKKM). Seiring dengan komitmen Kementerian Dalam Negeri untuk memantapkan lagi kualiti perkhidmatan syarikat keselamatan di Malaysia, NIOSH telah membentuk kerjasama strategik dengan pihak terbabit bagi melaksanakan kursus asas pengurusan KKP kepada peserta CSG yang terlibat. Program latihan CSG merangkumi modul yang mengandungi topik-topik penting berkaitan KKP seperti pertolongan cemas, pencegahan kebakaran, disiplin dan integriti kakitangan, komunikasi berkesan, pengendalian senjata api asas dan cota serta dan latihan mempertahankan diri.

Sepanjang tahun 2024 NIOSH telah berjaya melatih seramai 12,743 orang peserta CSG di enam zon di seluruh Malaysia iaitu di wilayah Utara, Timur, Tengah, Selatan serta Sabah dan Sarawak.

Certified Security Guard Training Programme (CSG)

The Certified Security Guard (CSG) Training Programme is specifically designed for security guards under a joint management platform with the Ministry of Home Affairs, the Royal Malaysian Police, and the Malaysian Security Safety Services Association (PPKKM). In line with the Ministry of Home Affairs commitment to further enhance the quality of security company services in Malaysia, NIOSH formed a strategic partnership with the parties involved to implement a basic OSH management course for any CSG participants involved. The CSG training programme includes modules related to important OSH-related topics such as first aid, fire prevention, staff discipline and integrity, effective communication, basic firearms and baton handling, and self-defense training.

For the year 2024, NIOSH succeeded in training 12,743 participants registered for CSG in six zones across Malaysia namely, in the northern, eastern, central, southern regions including Sabah and Sarawak.



Gambar 5 dan 6 : Para peserta program latihan Pengawal Keselamatan Bertauliah (CSG) yang diadakan di enam zon seluruh negara.

Image 5 and 6 : Participants attending a Certified Security Guard training programme held in six zones across the country

Bahagian Komunikasi Strategik Latihan (TSCD)


Bahagian Latihan dan Komunikasi Strategik (TSCD) berperanan sebagai pemacu utama dalam menyampaikan latihan dan maklumat KKP melalui pendekatan strategik, digital, dan berfokuskan keperluan pelanggan. Tumpuan utama TSCD adalah pelaksanaan seminar, kursus pasport keselamatan, serta program kesedaran dan pembangunan jurulatih secara bersemuka dan dalam talian.

1. Program Seminar KKP

Sepanjang tahun 2024, sebanyak 52 program seminar telah dilaksanakan oleh TSCD yang melibatkan pelbagai tajuk berkaitan KKP. Seminar ini disampaikan melalui dua mod iaitu:

- Bersemuka: 17 program (1,070 peserta)
- Dalam Talian: 35 program (2,324 peserta)

Jumlah keseluruhan peserta bagi semua seminar ini adalah seramai 3,394 orang.



Gambar 7 : Program seminar dalam talian
Image 7 : Online seminar

Training Strategic Communications Division (TSCD)

The Training and Strategic Communications Division (TSCD) plays a key role in delivering training and information related to OSH through strategic, digital, and customer-focused approach. The main focus of TSCD is to implement seminars, safety passport courses, as well as awareness and trainer development programmes in-person and online.

1. OSH Seminar

For the year 2024, a total of 52 seminars were organised by TSCD. These seminars covered a wide variety of topics related to OSH. They were delivered in two modes:

- *In-person: 17 programmes (1,070 participants)*
- *Distance Learning: 35 programmes (2,324 participants)*

Total number of participants for all seminars is 3,394 persons.



Gambar 8 : Program seminar secara bersemuka
Image 8 : In-person seminar


2. Program Pasport Keselamatan – Pembelajaran Jarak Jauh

Bagi memperluas latihan asas keselamatan kepada lebih ramai pekerja, TSCD telah melaksanakan 340 program pasport keselamatan secara dalam talian. Ke semua program melibatkan 7,779 peserta. Butiran penganjuran kursus adalah seperti berikut:

2. Safety Passport Programme – Remote Learning

In order to expand basic safety training to more employees, TSCD implemented 340 online safety passport programmes. All programmes involved 7,779 participants. Details of the course organisation are listed below:

No	Kursus / Course	Bil. Program No. Programmes	Jumlah Peserta Total Participants
1.	Pasport Keselamatan Minyak dan Gas - Pembelajaran Jarak Jauh <i>Oil and Gas Safety Passport - Distance Learning</i>	157	3,823
2.	Ulangkaji Pasport Keselamatan Minyak dan Gas - Pembelajaran Jarak Jauh <i>Oil and Gas Safety Passport Refresher - Distance Learning</i>	151	3,316
3.	Pasport Keselamatan Operasi Lebuhraya -Pembelajaran Jarak Jauh <i>Expressway Operations Safety Passport - Distance Learning</i>	13	263
4.	Sistem Pasport Keselamatan Kontraktor - Pembelajaran Jarak Jauh <i>Contractor Safety Passport System - Distance Learning</i>	19	377
Jumlah Total		340	7,779



Gambar 9 : Kursus Pasport Keselamatan dijalankan secara pembelajaran jarak jauh 2024

Image 9 : Safety Passport Course conducted through remote learning 2024

3. Program Kesedaran dan Jurulatih – Distance Learning

Bagi memperkasa kesedaran dan pengupayaan penyampaian latihan KKP, TSCD turut melaksanakan 31 program kursus melibatkan 451 peserta dengan pecahan seperti berikut:

3. Awareness and Trainer Programme – Distance Learning

In order to empower awareness and the ability to deliver OSH training, the TSCD conducted 31 course programmes that involved 451 participants. The breakdown is listed below:

No	Kursus / Course	Bil. Program No. Programmes	Jumlah Peserta Total Participants
1.	Kursus Kesedaran (Pembelajaran Jarak Jauh) <i>Awareness Course (Remote Learning)</i>	21	304
2.	Kursus Jurulatih (Pembelajaran Jarak Jauh) <i>Trainer Course (Remote Learning)</i>	10	147
Jumlah Total		31	451



Gambar 10 : Program Kesedaran dan Program Jurulatih dilaksanakan secara pembelajaran jarak jauh 2024

Image 10 : Awareness and Trainer Programmes conducted through remote learning 2024



2024
LAPORAN TAHUNAN
ANNUAL REPORT

KERJASAMA
COLLABORATION

KERJASAMA

Selaras dengan visi dan misi NIOSH yang ditetapkan oleh Kerajaan menerusi Kementerian Sumber Manusia, Institut ini aktif menjalin kerjasama dengan organisasi, agensi kerajaan serta institusi pengajian tinggi awam dan swasta. Selain itu, NIOSH turut bekerjasama dengan beberapa organisasi antarabangsa bagi meningkatkan amalan keselamatan dan kesihatan pekerjaan (KKP) yang cekap.

Secara keseluruhan, dari tahun 2020 hingga 2024 sebanyak 179 kerjasama telah dimeterai melalui Memorandum Persefahaman, Memorandum Perjanjian dan dokumen perjanjian lain. Berikut adalah pecahan bilangan kerjasama dari tahun 2020 hingga 2024:



Antara organisasi dan agensi Kerajaan yang menjalin kerjasama dengan NIOSH termasuk:

- Usaha Niaga Teknologi Petronas Sdn Bhd
- Pusat Pembangunan Kemahiran Pahang
- Telekom Malaysia Berhad
- Perdagangan Shell Malaysia Sdn Bhd
- Bahan Api Petron Antarabangsa Sdn Bhd
- MSTs Asia Sdn Bhd
- INPEN (SELANGOR) Sdn Bhd (STDC)
- 3M Malaysia Sdn Bhd
- JZ Industri Sdn Bhd
- TVET Telco Sdn Bhd
- Penjualan Perodua Sdn Bhd
- Koperasi Pembangunan Minyak Johor Berhad
- Elcorp Teknologi Sdn Bhd
- Miffa Perkhidmatan Perundingan dan Latihan Sdn Bhd
- Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM)
- Majlis Perbandaran Kemaman, Terengganu

COLLABORATION

Aligned with the vision and mission of NIOSH set by the Government through the Ministry of Human Resources, the Institute actively collaborates with organisations, government agencies, and public and private higher education institutions. Additionally, NIOSH also cooperates with several international organisations to improve efficiency of occupational safety and health (OSH) practices.

From 2020 to 2024, a total of 179 collaborations were signed through Memorandum of Understanding, Memorandum of Agreement and other agreement documents. The following is a breakdown of the number of collaborations from 2020 to 2024:

Government organisations and agencies that collaborated with NIOSH are as follows:

- Petronas Technology Ventures Sdn Bhd
- Pahang Skills Development Centre
- Telekom Malaysia Berhad
- Shell Malaysia Trading Sdn Bhd
- Petron Fuel International Sdn Bhd
- MSTs Asia Sdn Bhd
- INPEN (SELANGOR) Sdn Bhd (STDC)
- 3M Malaysia Sdn Bhd
- JZ Industry Sdn Bhd
- TVET Telco Sdn Bhd
- Perodua Sales Sdn Bhd
- Johor Petroleum Development Corporation Berhad
- Elcorp Technology Sdn Bhd
- Miffa Consultancy and Training Services Sdn Bhd
- Fire and Rescue Department Malaysia (JBPM)
- Kemaman City Council Terengganu

Institut Pengajian Tinggi Awam dan Swasta yang terlibat dalam usaha kerjasama termasuk:

- Universiti Kuala Lumpur (UniKL)
- Universiti Sultan Zainal Abidin (UNISZA)
- Universiti Malaysia Kelantan
- Universiti Kebangsaan Malaysia
- Universiti Teknikal Malaysia Melaka
- Universiti Tun Hussein Onn Malaysia
- Politeknik Merlimau
- Universiti Tenaga Nasional
- Mahsa University
- University of Cyberjaya

Kerjasama yang melibatkan organisasi dari luar negara pula adalah seperti berikut:

- Pusat Kawalan dan Pencegahan Penyakit (CDC) NIOSH US
- Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara, Jepun (JNIOOSH)
- Agensi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Korea (KOSHA) Republik Korea Kumpulan NOCN
- Lembaga Latihan Industri Pembinaan Kejuruteraan (ECITB)
- Institut Persijilan Kecekapan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (ICCOOSH)
- Forum Keselamatan Kesihatan Persekitaran Berkualiti Untuk Perusahaan Pembinaan Negeri (FQHSE Kontruksi BUMN)

Kerjasama dengan pihak luar merangkumi aktiviti latihan, penyelidikan, dan perkhidmatan perundingan dalam bidang KKP. Kedua-dua pihak turut berkongsi kepakaran serta pengalaman, di samping mempromosi dan menyebarkan maklumat melalui seminar dan bengkel. Tambahan pula, NIOSH juga bekerjasama dengan pihak luar untuk menghasilkan pembangunan modul serta menjalankan penyelidikan bersama universiti terbabit.

Public and Private Higher Education Institutions involved in collaborative efforts with NIOSH include:

- *University of Kuala Lumpur (UniKL)*
- *University of Sultan Zainal Abidin (UNISZA)*
- *University of Malaysia Kelantan*
- *National University of Malaysia*
- *Technical University of Malaysia Melaka*
- *Tun Hussein Onn University of Malaysia*
- *Merlimau Polytechnic*
- *National Energy University*
- *Mahsa University*
- *University of Cyberjaya*

Cooperation involving organisations from abroad are as follows:

- *Centre of Disease Control and Prevention (CDC) NIOSH US*
- *National Institute of Occupational Safety and Health, Japan (JNIOOSH)*
- *Korea Occupational Safety and Health Agency (KOSHA) Republic of Korea NOCN Group*
- *Engineering Construction Industry Training Board (ECITB)*
- *Institute Certification of Competence on Occupational Safety and Health (ICCOOSH)*
- *Quality Health Safety Environment Forum for Construction State Owned Enterprise (FQHSE Kontruksi BUMN)*

Collaboration with external parties include training activities, research, and consultancy services in the field of OSH. Both parties engage in sharing expertise and experience while promoting and disseminating information through seminars and workshops. In addition to these activities, NIOSH also collaborates with the said entities in developing modules and conducting research with participating universities.

Gambar dan kapsyen:

Images and caption:



Gambar 1: Timbalan Menteri Sumber Manusia YB Dato' Sri Abdul Rahman Bin Mohamad menyaksikan pertukaran Memorandum Persefahaman (MoU) antara NIOSH dan Pusat Pembangunan Kemahiran Pahang (PSDC). Upacara ini diadakan di pejabat beliau di Kementerian Sumber Manusia pada 16 Mei 2024. NIOSH diwakili oleh Pengarah Eksekutifnya Dato' Haji Ayop Salleh (kiri) manakala Pengarah Eksekutif PSDC, En Yusri bin Mohd Nor mewakili PSDC (kanan).

Image 1: Deputy Minister of Human Resources YB Dato' Sri Abdul Rahman Bin Mohamad witnessed the exchange of a Memorandum of Understanding (MoU) between NIOSH and Pahang Skills Development Centre (PSDC). The ceremony was held at his office in the Ministry of Human Resources on 16 May 2024. NIOSH was represented by its Executive Director Dato' Haji Ayop Salleh (left) while PSDC Executive Director, En Yusri bin Mohd Nor represented PSDC (left).



Gambar 2: Pada 25 Julai 2024, termeterailah satu kolaborasi antara NIOSH dan Universiti Sultan Zainal Abidin (UnisZA). Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman tersebut telah diadakan di NIOSH Bandar Baru Bangi, Selangor. Pengarah Eksekutif Dato' Haji Ayop Salleh (kanan) mewakili NIOSH, dan wakil UnisZA adalah Naib Canselor Profesor Dato' Dr. Fadzli Bin Adam (kiri).

Image 2: On 25 July 2024, a collaboration between NIOSH and University Sultan Zainal Abidin (UnisZA) was signed. The Memorandum of Understanding Signing Ceremony was held at NIOSH Bandar Baru Bangi, Selangor. Executive Director Dato' Haji Ayop Salleh (right) represented NIOSH, and representing UnisZA was Vice-Chancellor Professor Dato' Dr. Fadzli Bin Adam (left).



Gambar 3: NIOSH dan Kolej UNIKOP telah menjalinkan kerjasama melalui Memorandum Persefahaman yang telah ditandatangani pada 18 Mac 2024 di ibu pejabat NIOSH Bandar Baru Bangi, Selangor. NIOSH diwakili oleh Setiausaha Eksekutifnya, Mejar (B) Haji Hanif Maidin (kanan) manakala Kolej UNIKOP diwakili oleh Pendaftar Universiti Puan Habibah binti Abdul Aziz (kiri).

***Image 3:** NIOSH and UNIKOP College established a collaboration through a Memorandum of Understanding which was signed on 18 March 2024 at the NIOSH headquarters in Bandar Baru Bangi, Selangor. NIOSH was represented by its Executive Secretary, Major (Rtd) Haji Hanif Maidin (right) while UNIKOP College was represented by the University Registrar Puan Habibah binti Abdul Aziz (left).*





2024

LAPORAN TAHUNAN
ANNUAL REPORT

**JABATAN PERUNDINGAN
PENYELIDIKAN &
PEMBANGUNAN (CRDD)**

***CONSULTANCY, RESEARCH &
DEVELOPMENT DEPARTMENT***

AKTIVITI KHIDMAT RUNDINGAN

Pengenalan

Aktiviti khidmat rundingan merupakan salah satu fungsi utama NIOSH dalam memberikan penyelesaian yang lebih optimum dan praktikal terhadap isu Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP) terutamanya kepada industri dan juga sektor awam seperti yang termaktub di dalam objektif penubuhan NIOSH.

Jabatan Perundingan, Penyelidikan dan Pembangunan (CRDD) telah beroperasi sejak 2008 bagi menjalankan salah satu aktiviti teras NIOSH iaitu aktiviti khidmat rundingan. Aktiviti yang dinyatakan ini berkaitan KKP kepada untuk industri untuk bagi penambahbaikan yang efisien di tempat kerja. Berikut adalah kategori khidmat rundingan yang disediakan:

- Pematuhan Perundangan – Khidmat rundingan berkaitan pematuhan perundangan oleh pihak majikan dalam memastikan keselamatan dan kesihatan di tempat kerja berdasarkan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (AKKP) 1994.
- Khidmat Nasihat – Khidmat rundingan berkaitan pelaksanaan aktiviti-aktiviti dalam menyediakan tempat kerja yang selamat dan sihat mengikut keperluan sesuatu organisasi.
- Perkhidmatan Teknikal - Khidmat rundingan berkaitan analisis dan ujian dalam menyediakan pembuktian saintifik bagi sampel-sampel yang dihantar ke makmal OSHECT NIOSH.
- Penyelesaian KKP – Khidmat rundingan berkaitan pembangunan sistem pengurusan dan pemantauan status prestasi keselamatan dan kesihatan pekerjaan.

Ini selaras dengan misi NIOSH dalam membantu industri melaksanakan KKP yang efisien di tempat kerja. Dengan menyediakan lebih daripada 50 jenis perkhidmatan, aktiviti khidmat rundingan KKP di NIOSH dikategorikan seperti Rajah 1 di bawah.

CONSULTANCY SERVICE ACTIVITIES

Introduction

Consultancy services are one of NIOSH main functions in providing optimum and practical solutions related to Occupational Safety and Health (OSH) issues, especially for industries and the public sector as specified in the objectives of NIOSH when it was established.

The Consultancy, Research and Development Department (CRDD) has been operating since 2008. As stated above, the department carries out one of NIOSH core activities namely, OSH-related consultancy services to industries for the purpose of efficient workplace improvements. The following are categories of consultancy services provided:

- *Regulatory Compliance – Consultancy services related to legal compliance by employers in ensuring safety and health in the workplace based on the Occupational Safety and Health Act (OSHA) 1994.*
- *Advisory Services – Consultancy services relevant to implementation of activities that provide a safe and healthy workplace according to the needs of an organisation.*
- *Technical Services - Consultancy services relevant to analysis and testing that provide scientific evidence for samples which are sent to NIOSH OSHECT laboratory.*
- *OSH Solutions – Consultancy services relevant to development of management systems and that of monitoring status of occupational safety and health performance.*

The services provided by CRDD is aligned with NIOSH mission to help industries implement OSH efficiently in the workplace. By providing more than 50 types of services, OSH consultancy services at NIOSH are categorised as shown in Figure 1 below.




Kategori Khidmat Rundingan NIOSH.
Categories of NIOSH Consultancy Services

PEMATUHAN PERUNDANGAN (RC) REGULATORY COMPLIANCE

Aktiviti Pematuhan Perundangan yang dijalankan untuk membantu majikan menyelesaikan masalah di tempat kerja dan menyediakan laporan perundangan berdasarkan kepada pematuhan terhadap Peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan.

- Penilaian Risiko Kimia Kesihatan (CHRA)
- Penaksiran Risiko Bising (NRA)
- Analisis Ujian Audiometri (ATA)
- Pengawasan Perubatan (MS)
- Pemantauan Pendedahan Bahan Kimia (CEM)
- Kualiti Udara Dalam (IAQ)
- Inspeksi dan Pengujian Sistem Ventilasi Ekzos Lokal (LEV)



Regulatory Compliance activities that are conducted to assist employers resolve workplace issues and also prepare Regulatory Reports based on compliance towards OSH Procedures.

- Chemical Health Risk Assessment (CHRA)
- Noise Risk Assessment (NRA)
- Audiometric Testing Analysis (ATA)
- Medical Surveillance (MS)
- Chemical Exposure Monitoring (CEM)
- Indoor Air Quality (IAQ)
- Inspection And Testing Of Local Exhaust Ventilation System (LEV)

PENYELESAIAN KKP (OS) OSH SOLUTIONS (OS)

Aktiviti yang dijalankan untuk membantu majikan menyelesaikan masalah di tempat kerja dan menyediakan laporan penyelesaian KKP untuk penambahbaikan tempat kerja.

Activities that are conducted to assist employers identify workplace solutions, and also prepare OSH Solution Report that will deliver effective improvements in the workplace.

Penilaian Risiko Ergonomik (ERA) *Ergonomic Risk Assessment (ERA)*

- Penilaian Risiko Ruang Terkurung (CSRA) / *Confined Space Risk Assessment (CSRA)*
- Sistem Pengurusan KKP (OSHMS) / *OSH Management System (OSHMS)*



OS



- Kajian Penilaian Garis Dasar (BAS) / *Baseline Assessment Study (BAS)*
- Analisis Bahaya Pekerjaan (JHA/ HIRARC) / *Job Hazard Analysis (JHA) / HIRARC*
- Keselamatan Berasaskan Perilaku (BBS) / *Behavior Base Safety (BBS)*

Audit Keselamatan *Safety Audit (SA)*

KHIDMAT NASIHAT KKP (AS) ADVISORY SOLUTIONS (AS)

Aktiviti perkhidmatan perundingan yang dijalankan untuk membantu majikan menyelesaikan masalah KKP di tempat kerja.

Consultancy services that are conducted to assist employers determine OSH solutions in the workplace.



Promosi Kesejahteraan Kesihatan
Menyeluruh (TWHP)
*Total Wellness Health
Promotion (TWHP)*



Pengenalpastian Bahaya, Penilaian Risiko, dan
Kawalan Risiko (HIRARC)
*Hazard Identification, Risk Assessment, and Risk
Control (HIRARC)*



Penyesuaian Latihan (CT)
Customise Training (CT)

PERKHIDMATAN TEKNIKAL (TS) TECHNICAL SERVICES (TS)

Aktiviti yang dijalankan untuk menganalisis sampel dalaman dan luaran bagi parameter alam bina yang telah diakreditasi.

Activities that are conducted to analyse indoor and outdoor samples within accredited parameters of a built environment.

- Menjalankan analisis terhadap sampel alam sekitar, biokimia dan mikrobiologi / *To conduct analysis on samples collected from the natural surrounding environment, biochemical elements, and microbiological matter*
- Membangunkan Kaedah Ujian dan Pengesahan (Validasi) Ujian / *To develop Methods for Testing and Validating Tests*
- Makmal Analisis Kebersihan Industri (IHAL) - contohnya: Mikrobiologi, Kimia / *Industrial Hygiene and Analysis Laboratory (IHAL) – example: microbiology, chemical*



Laporan Aktiviti

Walaupun pelbagai cabaran yang dihadapi selepas pandemik COVID-19, situasi ini tidak menghalang Jabatan Perundingan, Penyelidikan dan Pembangunan (CRDD) untuk kembali berada di landasan yang kukuh. Sepanjang tahun 2024, CRDD merekodkan prestasi yang agak membanggakan apabila berjaya mencapai 67% daripada 750 projek yang disasarkan melalui pelaksanaan 507 projek. Khidmat Nasihat KKP mencatatkan pencapaian tertinggi iaitu 91%, diikuti Pematuhan Perundangan KKP (89%) dan Penyelesaian KKP (48%).

NIOSH turut memberikan perkhidmatan kepada 379 pelanggan yang menghantar sampel kajian dari seluruh negara bagi menganalisis kandungan asbestos dan pelarut organik. Sampel pelitup muka pula menjadi penyumbang terbesar untuk perkhidmatan di CRDD. Di samping itu, pensijilan sistem kualiti makmal (ISO 17025) NIOSH turut membuahkan hasil apabila ada sebilangan daripada makmal CRDD telah menerima pengiktirafan sebagai makmal cemerlang selama lebih 10 tahun berturut-turut.

Pencapaian aktiviti khidmat rundingan berdasarkan kepada kategori dan jumlah sampel analisis makmal yang dicapai bagi tahun 2024 secara terperinci adalah seperti berikut:

Activity Report

Regardless of various challenges faced during the post-COVID-19 pandemic, it did not deter the Consulting, Research and Development Department (CRDD) from maintaining its long standing high performance record. In 2024, CRDD recorded a commendable performance when it successfully achieved 67% of the 750 targeted projects. In its efforts, CRDD implemented 507 projects in total. OSH Advisory Services recorded the highest achievement of 91%, followed by OSH Regulatory Compliance (89%), and OSH Solutions (48%).

NIOSH also provided services to 379 clients. These clients had sent study samples from all over the country to analyse asbestos and organic solvent substances. Face mask samples were the largest contributor to services at CRDD. In addition, NIOSH laboratory quality system certification (ISO 17025) also achieved commendable outcomes. A number of these laboratories obtained recognition as excellent laboratory performance consecutively for over 10 years.

The details and achievement of consultancy service activities based on category and number of laboratory analysis samples achieved for the year 2024 are as follows:

Bilangan Aktiviti Khidmat Rundingan Tahun 2024

The Total Number of Consultancy Service Activities for the Year 2024

Kategori Category	Sasaran (Projek) Target (Project)	CRDD					SBRO	SWRO	Jumlah Keseluruhan Project Selesai Total Completed Projects (Jan-Dic)	Peratus Project Selesai Jan-Dic Total Percentage Completed Projects (Jan-Dec)	Jumlah Diselesaikan (Jan-Nov) Total Completed (Jan-Nov)	Jumlah Diselesaikan (Dis) Total Completed (Dec)
		HQ	KTH	KTN	PNG	JBU						
Pematuhan Perundangan Regulatory Compliance (RC)	150	51	14	16	1	27	20	4	133	89%	123	10
Penyelesaian KKP OSH Solution (OS)	65	10	12	1	7	0	0	1	31	48%	29	2
Khidmat Nasihat Advisory Services (AS)	35	12	2	0	0	16	0	2	32	91%	25	7
Perkhidmatan Teknikal (TS) Technical Services (TS)	500	311							311	62%	305	5
Jumlah Projek Total Projects	750	384	28	17	8	43	20	7	507	67%	482	25
Jumlah OSHECT TOTAL OSHECT CLIENTS	60	379							379	632%	361	18

** Bilangan aktiviti mengikut kategori khidmat rundingan dan konsultasi NIOSH yang beroperasi dan telah dijalankan di Ibu Pejabat NIOSH Bandar Baru Bangi, Pejabat NIOSH Negeri Pulau Pinang, Pejabat NIOSH Negeri Terengganu, Pejabat NIOSH Negeri Pahang, Pejabat NIOSH Negeri Johor, Pejabat NIOSH Negeri Sarawak, dan Pejabat NIOSH Negeri Sabah.

** Total number of activities as categorised by NIOSH consultancy and advisory services in operation, and were conducted at NIOSH Bandar Baru Bangi Headquarters, NIOSH Penang Regional Office, NIOSH Terengganu Regional Office, NIOSH Pahang Regional Office, NIOSH Johor Regional Office, NIOSH Sarawak Regional Office, and NIOSH Sabah Regional Office.

Projek Khidmat Rundingan bagi Pematuhan Perundangan (RC):


- Kualiti Udara Dalam (IAQ)
- Penaksiran Risiko Bising (NRA)
- Pemeriksaan dan Pengujian Sistem Pengalihan Udara Ekzos Setempat (LEV)
- Penilaian Risiko Bahan Kimia Terhadap Kesihatan (CHRA)
- Pengawasan Perubatan (MS)
- Pemantauan Pendedahan Bahan Kimia (CEM)

Projek Pematuhan Perundangan (RC) telah dijalankan oleh NIOSH menerusi jaringan kerjasama dengan pelbagai pihak syarikat dan agensi. Aktiviti ini melibatkan Pakar Teknikal NIOSH dan Orang yang Kompeten (OYK) NIOSH. Projek ini berlangsung sepanjang tahun 2024.

Consultancy Service Projects for Regulatory Compliance (RC):

- Indoor Air Quality (IAQ)
- Noise Risk Assessment (NRA)
- Inspection and Testing of Local Exhaust Ventilation System (LEV)
- Chemical Health Risk Assessment (CHRA)
- Medical Surveillance (MS)
- Chemical Exposure Monitoring (CEM)

The Regulatory Compliance (RC) project was conducted by NIOSH through a collaborative network of various companies and agencies. This activity involved NIOSH Technical Experts and NIOSH Competent Persons (OYK). The project was operated throughout the year 2024.



07 Okt 2024 | Projek Kualiti Udara Dalam (IAQ), Menara Kerja Raya, JKR Kuala Lumpur

07 Oct 2024 | Indoor Air Quality (IAQ) Project, Menara Kerja Raya, JKR Kuala Lumpur




02/07/2024 | Projek Kualiti Udara Dalam (IAQ), dalam Kapal Keyfield Commander, Tapak Bekalan Pelabuhan Kemaman

02/07/2024 | Indoor Air Quality (IAQ) Project in the Keyfield Commander Ship Pelabuhan Kemaman Supply Base, Terengganu



11 -13 Okt 2024 | Penaksiran Risiko Bising (NRA) untuk Newwin Engineering (M) Sdn Bhd di Petronas Chemicals Ethylene Sdn Bhd

11-13 Oct 2024 | Noise Risk Assessment (NRA) for Newwin Engineering (M) Sdn Bhd at Petronas Chemicals Ethylene Sdn Bhd



06 May 2024 | Pemeriksaan dan Ujian Sistem LEV di Pusat Porsche Johor Bahru, Johor

06 May 2024 | Inspection and Testing of LEV System at Porsche Centre Johor Bahru, Johor



04 – 05 Nov 2024 | Penaksiran Risiko Bising (NRA) di University Perubatan Newcastle Kampus Malaysia

04 - 05 Nov 2024 | Noise Risk Assessment (NRA) At Newcastle University of Medicine Malaysia Campus



03 Jun 2024 | Pemeriksaan dan Ujian Sistem LEV di Mayshowa Manufacturing, Shah Alam, Selangor

03 Jun 2024 | *Inspection and Testing of LEV System at Mayshowa Manufacturing, Shah Alam, Selangor*



30 – 31 Julai 2024 | Penilaian Risiko Bahan Kimia Terhadap Kesihatan (CHRA) di Transwater API Sdn Bhd, Blok C & Block D, Glenmarie, Shah Alam, Selangor

30 - 31 July 2024 | *Chemical Health Risk Assessment (CHRA) at Transwater API Sdn Bhd, Block C & Block D, Glenmarie, Shah Alam, Selangor*



26 Sept 2024 | Penilaian Risiko Bahan Kimia Terhadap Kesihatan (CHRA) di Chin Giap Plantation Group Berhad, Tongkang Pechah, Batu Pahat, Johor

26 Sept 2024 | *Chemical Health Risk Assessment (CHRA) at Chin Giap Plantation Group Berhad, Tongkang Pechah, Batu Pahat, Johor*



07 - 08 Ogos 2024 | Pengawasan Perubatan (MS) di Pusat Penyelidikan Agrobiodiversiti dan Persekitaran, MARDI, Serdang, Selangor

07 - 08 Aug 2024 | *Medical Surveillance (MS) at Center for Agrobiodiversity and Environmental Research, MARDI, Serdang, Selangor*



13 Ogos 2024 | Pengawasan Perubatan (MS) di San Miguel Yamamura Packaging & Printing Sdn Bhd, Shah Alam, Selangor

13 Aug 2024 | *Medical Surveillance (MS) at San Miguel Yamamura Packaging & Printing Sdn Bhd, Shah Alam, Selangor*



27 Ogos 2024 | Program Pemantauan Pendedahan Bahan Kimia (CEM) di Mayshowa Manufacturing Sdn Bhd, Shah Alam, Selangor

27 Aug 2024 | *Chemical Exposure Monitoring (CEM) at Mayshowa Manufacturing Sdn Bhd, Shah Alam, Selangor*



11 - 13 Jun 2024 | Program Pemantauan Pendedahan Bahan Kimia (CEM) di KVDT PS Pipeline Sdn Bhd, Dengkil, Selangor

11 - 13 Aug 2024 | *Chemical Exposure Monitoring at KVDT PS Pipeline Sdn Bhd, Dengkil, Selangor*

Projek Khidmat Rundingan bagi Penyelesaian KKP (OS):

- Penilaian Risiko Ergonomik (ERA)
- Audit Keselamatan




15-16 Ogos 2024 | Penilaian Risiko Ergonomik (ERA) di Sri Nona Food Manufacturing Sdn Bhd, Sungai Buloh, Kuala Lumpur

15 – 16 Aug 2024 | *Ergonomics Risk Assessment (ERA) at Sri Nona Food Manufacturing Sdn Bhd, Sungai Buloh, Kuala Lumpur*

Consultancy Services for OSH Solutions (OS)

- Ergonomic Risk Assessment (ERA)*
- Safety Audit*



19 Dis 2024 | Penilaian Lanjutan Risiko Ergonomik (ERA) di Polymerlatex Sdn Bhd, Pasir Gudang, Johor

19 Dec 2024 | *Advanced Ergonomics Risk Assessment (ERA) at Polymerlatex Sdn Bhd, Pasir Gudang, Johor*



20 Ogos 2024 | Penyesuaian Audit KKP Gimnasium di Pusat Kecemerlangan Sukan Westland, Pulau Pinang

20 Aug 2024 | *Customized OSH Audit Gymnasium at Westlands Sport Excellent Centre, Pulau Pinang*

Rundangan bagi Khidmat Nasihat KKP (AS): Consultancy for OSH Advisory Service (AS):



05 – 07 Mac 2024 | Semakan Dokumen & Penilaian Tapak untuk Penilaian Risiko Ruang Terkurung (CSRA) Projek TNB Janamanjung, Seri Manjung, Perak

05 - 07 Mac 2024 | Document Review & Site Assessment for Confined Space Risk Assessment (CSRA) Project TNB Janamanjung, Seri Manjung, Perak



30 Januari 2024 | Analisis Keperluan Penambahbaikan Tempat Kerja (WINA) di Waterfield Sdn Bhd, Shah Alam, Selangor

30 January 2024 | Workplace Improvement Need Analysis (WINA) at Waterfield Sdn Bhd, Shah Alam, Selangor



11 Jun 2024 | Analisis Keperluan Penambahbaikan Tempat Kerja (WINA) at KIAN Bersatu Sdn Bhd, Sungai Buloh, Selangor

11 Jun 2024 | Workplace Improvement Needs Analysis (WINA) at KIAN Bersatu Sdn Bhd, Sungai Buloh, Selangor



01 - 02 Julai 2024 | Bengkel Mengenalpasti Hazard, Penilaian Risiko dan Kawalan Risiko (HIRARC) di Bank Pembangunan Sarawak (DBOs), Kuching, Sarawak

01 - 02 Jul 2024 | Hazard Identification, Risk Assessment, and Risk Control Workshop (HIRARC) at Development Bank of Sarawak, Kuching, Sarawak



04 Mac 2024 | Promosi Kesihatan Menyeluruh (TWHP) di Uda Land (North) Sdn Bhd, Kepala Batas, Pulau Pinang

04 Mac 2024 | Total Wellness and Health Promotion (TWHP) at Uda Land (North) Sdn Bhd, Kepala Batas, Pulau Pinang

OCCUPATIONAL PSYCHOLOGICAL FIRST AID

Peserta akan menghadiri kursus berikut:
- Mental Health Awareness
- Occupational Psychological First Aid

PERCUMA
10,000
PESERTA

Sesi kursus akan dijalankan secara ATAS TALIAN menggunakan Aplikasi

https://info@niosh.net.my/moodle

www.niosh.com.my

PROGRAM CSR PERTOLONGAN KECEMASAN PSIKOLOGI PEKERJAAN (OPFA)

Kursus Pertolongan Kecemasan Psikologi Pekerjaan (OPFA) mula dilaksanakan pada 12 Mac 2024 sebagai sebahagian daripada inisiatif tanggungjawab sosial korporat (CSR) NIOSH. Program ini telah diumumkan oleh Menteri Sumber Manusia, YB Encik Steven Sim Chee Keong semasa majlis perasmian Persidangan dan Pameran Keselamatan dan Kesihatan Pekerja Kali ke-24 (COSH) dan Persidangan Saintifik Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Kali ke-6 (SciCOSH) di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur pada 19 Februari 2024.

Walaupun sasaran pendaftaran awal yang ditetapkan adalah 10,000 peserta, NIOSH berjaya melatih 11,935 peserta sepanjang tahun 2024. Kejayaan ini membuktikan sambutan luar biasa serta kepentingan program ini dalam membantu pekerja menguruskan isu psikososial di tempat kerja. Peserta diberikan fleksibiliti untuk memilih tarikh kursus berdasarkan jadual yang telah ditetapkan bagi memastikan penyertaan yang lebih mudah dan efektif.

Program OPFA ini dibangunkan berdasarkan latihan Pertolongan Kecemasan Psikologi (PFA) yang disarankan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

Program ini bertujuan membantu majikan dan pekerja dalam menguruskan hazard kecemasan psikososial di tempat kerja. Ianya ditawarkan kepada sesiapa sahaja di tempat kerja yang mengalami reaksi stres akut ataupun untuk individu yang berisiko tinggi mengalami kemerosotan fungsi bekerja serta terharu dengan masalah kesihatan mental.

Objektif Kursus OPFA adalah untuk:

- Membekalkan pengetahuan dan kemahiran dalam menguruskan hazard kecemasan psikososial di tempat kerja
- Membantu peserta merancang dan melaksanakan intervensi kesihatan mental
- Memberikan sokongan kepada individu yang mengalami tekanan stres di tempat kerja
- Memupuk pemahaman tentang konsep kesihatan mental di tempat kerja

OCCUPATIONAL PSYCHOLOGICAL FIRST AID (OPFA) CSR PROGRAMME

The Occupational Psychological First Aid Course (OPFA) began on March 12, 2024 as part of the NIOSH Corporate Social Responsibility (CSR) initiative. The programme was announced by Human Resource Minister YB Steven Sim Chee Keong during the opening ceremony of the 24th Workers' Safety and Health Exhibition (COSH), and the 6th Occupational Safety and Health Conference (SciCOSH) at the Kuala Lumpur Convention Centre on February 19, 2024.

Although the initial registration target was 10,000 participants, NIOSH succeeded to train 11,935 participants throughout the year 2024. The achievement proves that the remarkable response from employees, and the importance of the programme in helping employees manage psychosocial issues at work. Participants were given the flexibility to select the course date based on the set schedule to ensure convenient and effective participation.

The OPFA Programme was developed based on the Psychological First Aid (PFA) training recommended by the World Health Organisation (WHO) and the Ministry of Health Malaysia (MOH).

The programme aims to assist employers and employees in managing psychosocial emergency hazard at work. It is offered to anyone in a workplace experiencing acute stress or for high-risk individuals suffering from deterioration of work functions and facing mental health problems.

The objective of the OPFA Course is:

- *To provide knowledge and expertise in managing psychosocial hazard in the workplace*
- *To assist participants in planning and implementing mental health interventions*
- *To extend support to individuals experiencing stress in the workplace*
- *To cultivate understanding regarding mental health concepts in the workplace*

Kursus OPFA terdiri daripada dua fasa pembelajaran secara dalam talian:

Fasa 1 – Kesedaran Kesihatan Mental (MHA) Pembelajaran Jarak Jauh dalam talian

Fasa 2 – Pertolongan Kecemasan Psikologi Pekerjaan (OPFA) Pembelajaran Jarak Jauh dalam talian

Bagi memastikan keberkesanan program, peserta mestilah memenuhi syarat berikut:

- Warganegara Malaysia
- Mampu membaca, menulis dan berkomunikasi dalam Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris
- Mempunyai fasiliti pembelajaran dalam talian seperti komputer riba dan akses internet

Sebagai pengiktirafan terhadap penyertaan peserta, mereka akan menerima dua sijil kursus iaitu, Sijil MHA dan Sijil OPFA. Penyelarasan serta pelaksanaan kursus ini dikendalikan oleh CRDD yang turut bertanggungjawab memastikan kelancaran program serta pematuhan kepada piawaian latihan yang telah ditetapkan.

The OPFA Course consists of two online learning phases:

Phase 1 – Mental Health Awareness (MHA) Online Distant Learning

Phase 2 - Occupational Psychological First Aid (OPFA) Online Distant Learning


To ensure the effectiveness of the programme, participants need to fulfill the following terms:

- Malaysian citizen
- Able to read, write and communicate in Bahasa Melayu or English
- Possess online learning facilities such as a computer and internet access


In recognition of the participants involvement they will receive two course certificates namely, the MHA Certificate and OPFA Certificate. The coordination and implementation of this course is conducted by CRDD in which, they are also responsible for ensuring the smooth operation of the programme and its compliance with prescribed training standards.

STATISTIK PROGRAM OPFA SEHINGGA DISEMBER 2024 OPFA PROGRAMME STATISTICS UNTIL DECEMBER 2024


BIL ITEM	PERKARA SUBJECT	JUMLAH PESERTA TOTAL PARTICIPANTS
1	JUMLAH PENDAFTARAN <i>TOTAL REGISTRATION</i>	38,123
2	JUMLAH PENDAFTARAN TARIKH KURSUS MHA <i>TOTAL REGISTRATION OF SCHEDULED MHA COURSE</i>	29,468
3	JUMLAH PENDAFTARAN TARIKH KURSUS OPFA <i>TOTAL REGISTRATION OF SCHEDULED OPFA COURSE</i>	19,423
4	JUMLAH KEHADIRAN KURSUS MHA <i>TOTAL ATTENDED MHA COURSE</i>	18,156
5	JUMLAH KEHADIRAN KURSUS OPFA <i>TOTAL ATTENDED OPFA COURSE</i>	11,935



01 April 2024 | Kesedaran Kesihatan Mental (MHA-RL)
 Jurulatih : Pn. Siti Nuraini Hassan
01 April 2024 | Mental Health Awareness (MHA-RL)
 Trainer : Pn. Siti Nurani Hassan



09 Okt 2024 | OPFA
 Jurulatih : Pn. Siti Nasyrah Ibrahim
09 Oct 2024 | OPFA
 Trainer: Pn. Siti Nasyrah Ibrahim



04 September 2024 | OPFA
 Jurulatih : Pn. Ruzita Mohd Shariff
04 September 2024 | OPFA
 Trainer : Pn. Ruzita Mohd Shariff





2024

LAPORAN TAHUNAN
ANNUAL REPORT

**PENYELIDIKAN DAN
PEMBANGUNAN (R&D)**
RESEARCH AND DEVELOPMENT (R&D)

PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN (R&D) RESEARCH AND DEVELOPMENT (R&D)

Penyelidikan dan Pembangunan sebagai Fungsi Teras NIOSH


NIOSH berdedikasi terhadap aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D) sebagai proses penyelesaian jangka panjang bagi setiap isu keselamatan dan kesihatan pekerjaan (KKP) yang dihadapi industri. Penyelidikan dan pembangunan (R&D) juga selaras dengan objektif penubuhan NIOSH seperti yang dinyatakan di dalam Memorandum dan Artikel Persekutuan. Kandungan memorandum ini menyatakan bahawa Institusi NIOSH akan menjalankan aktiviti R&D dalam bidang KKP. Hasil dari aktiviti R&D akan memberi manfaat kepada pembangunan negara. Oleh yang demikian, NIOSH telah memperkenalkan aktiviti R&D sebagai salah satu fungsi teras seiring dengan program latihan, khidmat rundingan, dan aktiviti penyebaran maklumat KKP.

Secara prinsip, dasar penyelidikan di NIOSH yang telah dirancang untuk menyelesaikan pelbagai isu-isu yang dihadapi adalah seperti berikut:

Research and Development Core Function of NIOSH

NIOSH is dedicated to research and development (R&D) activities and believes that R&D is a long-term solution to every occupational safety and health issue. It is aligned with the objective of establishing NIOSH as stated in the Memorandum and Articles of Association in which, the institution is to carry out R&D in the field of OSH. These R&D activities will be beneficial for the growth of the country. As such, NIOSH introduced R&D activities as one of its core function having it consistent with training programmes, consultancy services, and dissemination of OSH information.

In principle, the research policy at NIOSH was designed to rectify various issues and is as follows:



Kerangka Aktiviti Penyelidikan NIOSH
NIOSH Research Activity Framework

Aktiviti R&D di NIOSH telah bermula sejak tahun 2002 bagi membudayakan inisiatif ini dalam organisasi. Walau bagaimanapun, Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC) hanya ditubuhkan secara rasmi pada tahun 2011 sebagai entiti utama yang memacu usaha NIOSH dalam menerokai bidang penyelidikan dan pembangunan secara lebih berstruktur.

Dengan penubuhan RMC, NIOSH telah menzahirkan beberapa hasrat utama, termasuk:

- i. Melaksanakan penyelidikan KKP sebagai penyelesaian isu di industri;
- ii. Memangkin penyelidikan berimpak tinggi menerusi kolaborasi strategik;
- iii. Mengoptimumkan penggunaan sumber sedia ada dalam menjalankan penyelidikan;
- iv. Menyelaraskan pelaksanaan penyelidikan menerusi pendekatan pemantauan yang berkesan; dan
- v. Menyebarkan hasil penyelidikan kepada semua pihak berkepentingan melalui platform dan medium yang bersesuaian.

R&D activities at NIOSH began in 2002. Its objective was to instill research and development initiatives within the organisation. However, the Research Management Centre (RMC) was only formally established in 2011 as the primary entity driving NIOSH efforts to explore R&D in a more structured manner.

Having established the RMC, NIOSH had expressed several key intents, including:

- i. Conducting OSH research as a solution to industry issues;*
- ii. Facilitating high-impact research through strategic collaborations;*
- iii. Optimising the use of existing resources in conducting research;*
- iv. Coordinating the implementation of research through effective monitoring approaches; and*
- v. Disseminating research results to all stakeholders through appropriate platforms and mediums.*



NIOSH telah membentuk dua (2) jawatankuasa iaitu Jawatankuasa Penyelidikan dan Pembangunan (JPP) di peringkat Lembaga Pengarah, dan Jawatankuasa Teknikal, Perundingan dan Penyelidikan (JTTP) di peringkat Pengurusan NIOSH. Kedua-dua jawatankuasa bertanggungjawab untuk melaksanakan usaha wajar untuk menentukan dan menjamin kualiti penyelidikan yang sedang dijalankan.

NIOSH formed two (2) committees namely, the Research and Development Committee (RDC) at the Board of Directors level, and the Technical, Consultancy and Research Committee (TCRC) at the NIOSH Management level. Both committees are responsible to perform a due diligence to determine the quality of the research being conducted.

Bidang penyelidikan yang dijalankan oleh NIOSH meliputi pelbagai bidang termasuk:
The domain of research conducted by NIOSH encompasses multiple fields including:





Aktiviti Penyelidikan di NIOSH *Research Activity at NIOSH*

Selain itu, rekod prestasi NIOSH membuktikan pelbagai projek penyelidikan yang berkaitan dengan OSH telah dijalankan manakala banyak lagi dalam proses seperti berikut:

In addition, NIOSH track record evidences multiple research projects relevant to OSH have been carried out while many more are in-progress as follows:

Bil. Item	Status Projek Penyelidikan Research Project Status	Keseluruhan Total
1	Projek Siap (<i>Completed</i>)	77
2	Projek Sedang Berjalan (<i>On-going</i>)	22
Jumlah Keseluruhan / Total		99

Berikut adalah senarai projek penyelidikan yang berjaya diselesaikan untuk tahun 2024:

1. Penggelek Hos Anggota Bomba: Penilaian Ergonomik dan Fabrikasi
2. Pengesahan, Kebolehlaksanaan dan Penilaian Prestasi Alat Penilaian Risiko Biologi Kesihatan (BHRA) dalam Sektor Perindustrian di Malaysia
3. Pembangunan Pengetahuan Asas mengenai Pengenalpastian Hazard, Penilaian Risiko dan Kawalan Risiko (HIRARC) dengan Penggunaan Aplikasi Web dan Papan Pemuka Analitik Deskriptif/ Prediktif untuk Industri Pembuatan - Fasa 1
4. Penilaian Metagenomik Mikrobiologi Udara Dalam sebagai Sumber Potensi Jangkitan Nosokomial di Kalangan Pekerja Perawatan Kesihatan
5. Pendedahan Dermal Racun Perosak Organofosfat ke atas Pekerja Ladang Kelapa Sawit

Inisiatif Penyelidikan Malaysia untuk Agenda Nasional (MaRINA 2.0), 2022-2025

NIOSH komited dalam objektifnya untuk memperkasakan OSH melalui aktiviti R&D. Dengan sokongan yang sedia ada dan berterusan daripada Lembaga Pengarahnya (BOD), NIOSH memastikan usaha penyelidikan diselaraskan dengan keperluan industri dan dasar negara.

Dalam tiga tahun kebelakangan ini, NIOSH telah memperuntukkan tidak kurang daripada RM500,000 setiap tahun untuk R&D. Dalam rangka kerja MaRINA 2.0 (2022 hingga Februari 2025), sebanyak 26 projek penyelidikan telah diluluskan dengan jumlah peruntukan RM2.0 juta.

Menuju ke hadapan, NIOSH berkomited untuk meneruskan inisiatif penyelidikan ini secara berterusan dengan kerjasama pelbagai pihak berkepentingan. Bagi memastikan penyelidikan yang lebih strategik dan selari dengan dasar KKP peringkat nasional, NIOSH sedang merangka halatuju baharu penyelidikan melalui MaRINA 3.0 (2026-2030). Pelan ini akan diselaraskan dengan Pelan Induk Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara (OSHMP 30) bagi memastikan penyelidikan yang dijalankan terus relevan dan memberi impak positif kepada pembangunan sektor pekerjaan di Malaysia.

Below is a list of successfully completed research projects for the year 2024:

1. *Firefighter Hose Roller: Ergonomics Assessment and Fabrication*
2. *Validation, Feasibility and Performance Evaluation of Biological Health Risk Assessment (BHRA) Tool in Industrial Sectors in Malaysia*
3. *Development of Knowledge Base Hazard Identification, Risk Assessment and Risk Control (HIRARC) with Web-Based Application and Descriptive/ Predictive Analytic Dashboard for Manufacturing Industry - Phase 1*
4. *Metagenomic Assessment of Indoor Air Microbiome as Potential Source of Nosocomial Infections among Healthcare Workers*
5. *Dermal Exposure of Organophosphate Pesticides on Oil Palm Plantation Workers*

Malaysian Research Initiative for National Agenda (MaRINA 2.0), 2022-2025

NIOSH is committed in its objective to empower OSH through R&D activities. With a readily available and continuous support from its Board of Directors (BOD), NIOSH ensures that research efforts are synchronised with industry needs and national policies.

In the recent three years, NIOSH has allocated no less than RM500,000 annually for R&D. Within the MaRINA 2.0 framework (2022 to February 2025), a total of 26 research projects have been approved having a total allocation of RM2.0 million.

Moving forward, NIOSH is committed to continue research initiatives that collaborate with various stakeholders. To ensure research is more strategic and aligned with national OSH policies, NIOSH is currently formulating a new direction for research through MaRINA 3.0 (2026-2030). This plan will correspond with the National Occupational Safety and Health Master Plan (OSHMP 30 for the purpose of assuring that research conducted maintains relevance and has a positive impact on the development of the employment sector in Malaysia.



Objektif MaRINA 2.0 dirujuk seperti berikut:

- Mengenal pasti isu dan keperluan semasa KKP semasa dalam industri di peringkat nasional sebagai sebahagian daripada agenda strategik
- Menangani isu dan keperluan KKP melalui platform kerjasama strategik dalam penyelidikan serta perkongsian maklumat dalam antara kalangan pemegang taruh
- Mensasarkan keberhasilan utama penyelidikan bagi menyediakan penyelesaian yang optima dan selaras dengan keperluan industri
- Menilai semula pendekatan yang telah diambil bagi memastikan penambahbaikan yang berterusan

The objectives of MaRINA 2.0 is referred to below:

- *To identify current OSH issues and needs in the industry at the national level as part of a strategic agenda*
- *To address OSH issues and needs through strategic collaboration platforms in research and information sharing among stakeholders*
- *Targeting key research outcomes that will provide optimal solutions which are aligned with industry needs*
- *To reevaluate approaches that were previously undertaken to ascertain continuous improvement*

MaRINA 2.0 memperkenalkan 12 bidang fokus penyelidikan KKP terbaharu untuk diutamakan pada tahun 2022 – 2025 seperti berikut:

MaRINA 2.0 introduced 12 areas to focus on for the latest OSH research plan spanning the duration 2022 – 2025:

M1

Pengurusan Penuaan Tenaga Kerja Dalam Sektor Kerajaan
Managing the aging workforce in the government sector

M7

Pengurusan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit di Tempat Kerja
Managing and controlling communicable diseases at the workplace

M2

Peningkatan KKP berdasarkan Kualiti Alam Sekitar Dalam
OSH improvements related to indoor environmental quality (IEQ)

M8

Menangani isu psikososial pekerjaan
Addressing psychosocial issues at the workplace

M3

Pencegahan Melalui Seni Reka Ergonomik
Prevention through ergonomic design

M9

Memperkasakan Higien dan Toksikologi Pekerjaan
Empowerment of hygiene and toxicology at the workplace

M4

Peningkatan Pengurusan Risiko KKP
Enhancement of OSH Risk Management

M10

Merangsangkan Budaya KKP dalam Perniagaan SME
Inculcating OSH culture for small and medium size enterprises (SME)

M5

Analisis Elemen Kos Faedah dalam KKP
Cost benefit analysis elements in OSH

M11

Inovasi Teknologi KKP
Technological innovation in OSH

M6

Peningkatan Kapasiti Kemudahan Latihan Dan Penyelidikan KKP
Capacity enhancement of OSH trainings and research facilities

M12

Keselamatan Jalanraya Berkaitan Pekerjaan (WRRS)
OSH work related road safety (WRRS)

NIOSH Geran Penyelidikan Berasaskan Hasil

NIOSH telah memperkenalkan Geran Penyelidikan Berasaskan Hasil atau NIOSH Outcome-Based Research Grant sebagai inisiatif untuk menggalakkan penyelidikan dalam bidang KKP. Geran ini dibuka untuk permohonan sepanjang tahun dan ditawarkan kepada institusi pengajian tinggi serta institut penyelidikan tempatan yang berminat

Selain berpandukan 12 bidang fokus MaRINA 2.0, geran ini menetapkan beberapa kriteria utama untuk pemohon: termasuk:

- Hasil kajian dapat menyediakan penyelesaian muktamad kepada isu berkaitan KKP
- Hasil kajian menyokong secara profesional fungsi teras NIOSH
- Hasil kajian mempunyai potensi tinggi untuk dikomersialkan
- Kajian memanfaatkan kemudahan, makmal dan instrumen saintifik sedia ada di NIOSH

Di samping itu, beberapa Program Pemindaan Ilmu (ToK) telah dilaksanakan hasil daripada kajian yang dijalankan oleh NIOSH dengan kerjasama pelbagai bahagian dan jabatan berkaitan.

NIOSH Outcome-Based Research Grant

NIOSH introduced the NIOSH Outcome-Based Research Grant as an initiative to encourage research in the field of OSH. The grant is open for applications throughout the year and is offered to institutions of higher learning including local research institutes who are keen on contributing.

Other than being based on the 12 focus areas in MaRINA 2.0, this research grant has key criteria for applicants:

- The results of the study will be able to provide conclusive solutions to OSH-related issues
- The results of the study will be able to professionally support the core functions of NIOSH
- The results of the study will have high potential for commercialisation
- The study leverages on existing facilities, laboratories, and scientific instruments at NIOSH

Furthermore, several Transfer of Knowledge (ToK) programmes have been implemented as a result of studies conducted by NIOSH in collaboration with various divisions and departments related to the grant.

TRANSFER OF KNOWLEDGE SEMINAR ON NOISE-INDUCED HEARING LOSS (NIHL): WHAT THE BRAIN CAN TELL YOU? AND METAGENOMIC ANALYSIS

28 JULY 2024 (THURSDAY) 8.30 AM - 5.00 PM

THEATER HALL, NIOSH BANDAR BARU BANGI (PHYSICAL SESSION)
ZOOM MEETING (ONLINE SESSION)

Fee: FREE

WHO SHOULD ATTEND: OSH PRACTITIONERS, RESEARCHERS, LECTURERS, & STUDENTS

Speakers: Dr. David Azzam, Dr. Muhammad Asif, Dr. Nabilah Zahara, Dr. Nabilah Zahara, Dr. Nabilah Zahara, Dr. Nabilah Zahara

For More Info, Contact Us: 019-231 6608 | dl.tand@niosh.com.my

ONLINE REGISTRATION: <https://esdinar.niosh.net.my>

TRANSFER OF KNOWLEDGE SEMINAR ON ERGONOMICS INTERVENTION AND BEST PRACTICES

22 JULY 2024 (MONDAY) 8.30 AM - 5.00 PM

THEATER HALL, NIOSH BANDAR BARU BANGI (PHYSICAL SESSION)
ZOOM MEETING (ONLINE SESSION)

Fee: FREE

WHO SHOULD ATTEND: OSH PRACTITIONERS, RESEARCHERS, LECTURERS, ERGONOMICS TRAINED PERSON (ETP) & STUDENTS

Speakers: Dr. Salwa Mahmood, Dr. Muhammad Asif, Dr. Nabilah Zahara, Dr. Nabilah Zahara, Dr. Nabilah Zahara, Dr. Nabilah Zahara

For More Info, Contact Us: 019-231 6608 | dl.tand@niosh.com.my

ONLINE REGISTRATION: <https://esdinar.niosh.net.my>

SEMINAR ON THE OSH WRITER'S TOOLBOX: Honing Your Skills For Effective Communication Beyond Writing and Beyond

16 DECEMBER 2024 (MONDAY) 8.30 AM - 5.00 PM

THEATER HALL, NIOSH BANDAR BARU BANGI (PHYSICAL SESSION)
ZOOM MEETING (ONLINE SESSION)

CERTIFICATE OF PARTICIPATION PROVIDED

CEP POINT IS ONLY FOR PARTICIPANTS WHO ATTEND PHYSICALLY (AS PER DOSH GUIDELINES)

WHO SHOULD ATTEND: SHO, OSH-C, OSH Competent Person, OSH Practitioners, Researcher, Lecturers & Students

For More Info, Contact Us: 019-231 6608 | dl.tand@niosh.com.my

ONLINE REGISTRATION: <https://esdinar.niosh.net.my>

SEMINAR THE MANAGEMENT OF INFECTIOUS DISEASES IN THE WORKPLACE

21 JANUARY 2025 (TUESDAY) 8.30AM - 5.30PM

THEATRE HALL, NIOSH BANDAR BARU BANGI

CERTIFICATE OF PARTICIPATION PROVIDED


CEP & POINTS

CEP POINTS AS PER DOSH GUIDELINES



Pengenalan geran ini telah memainkan peranan penting dalam membantu NIOSH mempromosi dan memperkukuhkan KKP melalui penyelidikan di Malaysia. Sehingga tahun 2024, sebanyak 26 projek penyelidikan telah dianugerahkan geran ini. Permohonan baharu dibuka sepanjang tahun dan boleh dikemukakan kepada Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC) NIOSH melalui rmc@niosh.com.my. Untuk maklumat lanjut, pemohon boleh melayari laman sesawang rasmi NIOSH di <http://www.niosh.com.my>.

The establishing of this grant has played a significant role in supporting NIOSH promote and strengthen OSH through research in Malaysia. As of 2024, a total of 26 research projects have been awarded this grant. New applications are open throughout the year and can be submitted to NIOSH Research Management Centre (RMC) via rmc@niosh.com.my. For more information, applicants can visit the official NIOSH website at <http://www.niosh.com.my>.



Penyelidikan melalui SCICOSH 2024

Syamsul Zahrin Bin Zainudin

Ketua Pegawai Eksekutif
Chief Executive Officer

Amirthasamy Mahalingam

Pengurus Besar
General Manager

Bahtiar Bin Basari

Pengurus Korporat
Corporate Manager

Wilhelmina Ngelambai

Pengurus Teknikal Perniagaan
Business Technical Manager

Khairul Faris Bin Syamsurial

Pengurus Akreditasi dan Teknikal
Accreditation and Technical Manager

Aisa Haris Pang

Pengurus Pengesahan dan Penentusahan
Validation and Verification Manager

Navin Baskram

Pengurus Audit dan Pensijilan
Audit and Certification Manager

Ahmad Shafiq Mohamad

Pengurus Kelestarian / *Sustainability Manager*
(Bermula April 2024 / *Commenced April 2024*)

Mohd Fadhil Bin Abu Bakar

Pengurus Wilayah Sabah / *Sabah Regional Manager*

Lawrence Caesar Chau

Pengurus Wilayah Sarawak / *Sarawak Regional Manager*
(Sehingga Jun 2024 / *Until June 2024*)

Roy Tan Wei Sern

Pengurus Wilayah Utara / *Northern Regional Manager*

Nor Liza Binti Sadrek

Pengurus Wilayah Selatan / *Southern Regional Manager*
(Bermula September 2023 / *Commenced September 2023*)

NIOSH CERTIFICATION

NIOSH Certification (NIOSHCert) adalah sebuah badan pensijilan di bawah Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH), Kementerian Sumber Manusia, Malaysia. Ditubuhkan pada 4 Februari 2004, NIOSHCert memainkan peranan utama dalam menyediakan perkhidmatan pengauditan dan pensijilan bagi sistem pengurusan yang mematuhi standard, kod amalan, garis panduan, serta peraturan industri di Malaysia.

Dalam menghadapi cabaran ekonomi dan perniagaan yang semakin kompleks, NIOSHCert terus komited untuk mencapai pertumbuhan mampan serta merealisasikan visi dan misi organisasi melalui pengoptimuman sumber yang dimiliki.

SINERGI KE ARAH KECEMERLANGAN PERTUMBUHAN PERNIAGAAN MELALUI PENAMBAHAN SKIM AKREDITASI

Tahun 2024 terus menjadi tahun yang mencabar dalam landskap perniagaan. Sehubungan itu, NIOSHCert mengambil langkah strategik dengan mempelbagaikan produk dan perkhidmatan bagi memastikan daya saing yang berterusan. Antara pencapaian terbaharu ialah kejayaan memperoleh akreditasi bagi Skim Sistem Pengurusan Keselamatan Pelancongan Kembara (SPKPK) daripada Jabatan Standard Malaysia (JSM) dan pengiktirafan sebagai Badan Pensijilan yang Bekerjasama untuk Pensijilan Kelestarian dan Karbon Antarabangsa (ISCC).

SPKPK merupakan skim akreditasi terbaharu yang diperkenalkan oleh JSM, dan NIOSHCert menjadi badan pensijilan pertama di Malaysia yang mendapat akreditasi ini. Kejayaan ini membuktikan komitmen NIOSHCert dalam menerajui inisiatif keselamatan dan kesihatan bagi industri pelancongan kembara di negara ini.

Selain itu, NIOSHCert telah giat meneroka perkhidmatan baharu dalam bidang Pengesahan dan Penentusahan (*Validation and Verification*). Sebagai Badan Pengesahan dan Penentusahan (BPP), NIOSHCert kini menawarkan perkhidmatan Pengesahan Laporan Pelepasan bagi Skim Pengimbangan dan Pengurangan Karbon untuk Penerbangan Antarabangsa (CORSIA). Di bawah inisiatif baru ini, NIOSHCert turut menyediakan perkhidmatan seperti Analisis Jurang (*Gap Analysis*) untuk ESG, Pengesahan/Penentusahan Gas Rumah Hijau (GHG) serta latihan berkaitan ESG bagi membantu industri memenuhi keperluan pematuhan global.

NIOSH Certification (NIOSHCert) is a certification body under the National Institute of Occupational Safety and Health (NIOSH) of the Ministry of Human Resources, Malaysia. Established on 4th February 2004, NIOSHCert plays a key role in providing auditing and certification services for management systems to comply with industry standards, codes of practice, guidelines, and industry regulations in Malaysia.

In the wake of increasingly complex economic and business challenges, NIOSHCert remains committed to achieving sustainable growth while realising the organisation's vision and mission through the optimisation of its resources.

SYNERGY TOWARDS EXCELLENCE IN BUSINESS GROWTH THROUGH THE INCLUSION OF ACCREDITATION SCHEMES

The year 2024 was a challenging year in the landscape of business settings and situations. In this regard, NIOSHCert was engaged in strategic steps to diversify its products and services to ensure continued competitiveness. Among the latest achievements is the success of obtaining accreditation for the Adventure Tourism Safety Management System Scheme (ATSMS) from the Department of Standards Malaysia (DSM), and recognition as a Collaborating Certification Body for International Sustainability and Carbon Certification (ISCC).

It is noted that ATSMS is the latest accreditation scheme introduced by DSM, and NIOSHCert is the first certification body in Malaysia to receive this accreditation. An achievement as this demonstrates NIOSHCert commitment to lead safety and health initiatives for the adventure tourism industry in the country.

Additionally, NIOSHCert had actively explored new services in the field of Validation and Verification. As a Validation and Verification Body (VVB), NIOSHCert now offers Verification of Emissions Reports for Carbon Offsetting and Reduction Scheme for International Aviation (CORSIA). To champion this new initiative, NIOSHCert also provided services such as Gap Analysis for ESG, Greenhouse Gas (GHG) Validation and Verification, and ESG-related training to support local industries in meeting global compliance requirements.

PERKHIDMATAN YANG DITAWARKAN

Pada tahun 2024, NIOSHCert terus mengukuhkan kedudukannya dengan memperluaskan skop perkhidmatan termasuk dalam bidang Pensijilan Sistem Pengurusan serta Pengesahan dan Penentusahan bagi memenuhi keperluan pelbagai industri di Malaysia.

Antara skim pensijilan utama yang ditawarkan ialah:

- Sistem Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan (ISO 45001)
- Sistem Pengurusan Alam Sekitar (ISO 14001)
- Sistem Pengurusan Kualiti (ISO 9001)
- Sistem Pengurusan Keselamatan Makanan (ISO 22000)
- Sistem Pengurusan Kelapa Sawit Mampan (MS 2530)
- Sistem Pengurusan Keselamatan Lalu Lintas Jalan Raya (ISO 39001)
- Sistem Pengurusan Keselamatan Pelancongan Kembara (ISO 21101)
- Sistem Pengurusan Anti-Rasuah (ISO 37001)
- Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISO 27001)
- Sistem Pengurusan Tenaga (ISO 50001)
- Sistem Pengurusan Kesyukuran Perniagaan (ISO 22301)
- Sistem Pengurusan Aset (ISO 55000)
- Sistem Pengurusan Fasilitas (ISO 41001)
- Sistem Pengurusan Kualiti - Peranti Perubatan (ISO 13485)
- Amalan Baik Pengedaran Peranti Perubatan (GDPMD)
- Pengimbangan dan Pengurangan Karbon untuk Penerbangan Antarabangsa (CORSIA)
- Pensijilan Kelestarian dan Karbon Antarabangsa (ISCC)
- Alam Sekitar, Sosial, dan Governans (ESG)

Sebagai sebuah badan pensijilan yang berdaya saing, NIOSHCert terus berusaha untuk mengekalkan kualiti perkhidmatan yang cemerlang kepada semua pelanggan serta memastikan penambahbaikan berterusan bagi memenuhi keperluan industri yang sentiasa berkembang. Dengan kepelbagaian skim pensijilan yang ditawarkan, NIOSHCert kekal komited dalam menyumbang kepada peningkatan standard keselamatan, kesihatan, dan kelestarian industri di Malaysia.

SERVICES OFFERED

During the year 2024, NIOSHCert continued to strengthen its position as a certification body by expanding its scope of services in the areas of Management System Certification as well as Verification and Validation. This undertaking was initiated to meet the needs of various industries in Malaysia. Among the main certification schemes offered are as listed below:

- Occupational Health and Safety Management Systems (ISO 45001)
- Environmental Management Systems (ISO 14001)
- Quality Management Systems (ISO 9001)
- Food Safety Management Systems (ISO 22000)
- Malaysian Sustainable Palm Oil (MS 2530)
- Road Traffic Safety Management Systems (ISO 39001)
- Adventure Tourism Safety Management Systems (ISO 21101)
- Anti-Bribery Management Systems (ISO 37001)
- Information Security Management Systems (ISO 27001)
- Energy Management Systems (ISO 50001)
- Business Continuity Management Systems (ISO 22301)
- Asset Management Systems (ISO 55000)
- Facility Management Systems (ISO 41001)
- Medical Devices Quality Management Systems (ISO 13485)
- Good Distribution Practices for Medical Devices (GDPMD)
- Carbon Offsetting and Reduction for International Aviation (CORSIA)
- International Sustainability and Carbon Certification (ISCC)
- Environmental, Social, and Governance (ESG)

As a certification body that has a competitive edge in the market, NIOSHCert continues to strive in maintaining excellent quality service to all clients while ensuring that it continues to progress and meet the ever-evolving needs of local industries. With multiple categories of certification schemes offered, NIOSHCert remains committed to contributing to the enhancement of safety, health and sustainability standards across industries in Malaysia.

Jadual 1: Jumlah Pensijilan Sistem Pengurusan

Table 1 : Total Number of Management System Certification

No	SEKTOR / KATEGORI SECTOR/ CATEGORY	OSHMS ISO 45001	QMS ISO 9001	EMS ISO 14001	FSMS ISO 22000	HACCP MS 1480	ABMS ISO 37001	RTSMS ISO 39001	ATSMS ISO 21101	ISMS ISO/IEC 27001	FMS ISO 40001	BCMS ISO 22301	MSPO PART 2,3,4	MSPO SCCS
1	Pertanian, perhutanan dan perikanan <i>Agriculture, forestry and fishing</i>	3	3	1										
2	Perlombongan dan pengaliran <i>Mining and quarrying</i>	5	1	2				1						
3	Produk makanan, minuman dan tembakau <i>Food products, beverages and tobacco</i>	17	4	8			1							
4	Tekstil dan produk tekstil <i>Textiles and textile products</i>													
5	Kulit haiwan and produk kulit haiwan <i>Leather and leather products</i>													
6	Kayu dan produk kayu <i>Wood and wood products</i>													
7	Terhad kepada "Produk kertas" <i>Limited to "Paper products"</i>													
8	Syarikat penerbitan <i>Publishing companies</i>	1												
9	Syarikat pencetakan <i>Printing companies</i>	2	1	1										
10	Pembuatan minuman Coke dan produk petroleum ditapis <i>Manufacture of Coke and refined petroleum products</i>													
11	Bahan api nuklear <i>Nuclear fuel</i>													
12	Bahan kimia, produk bahan kimia dan gentian <i>Chemicals, chemical products and fibres</i>	6	6	3										
13	Farmaseutikal <i>Pharmaceuticals</i>													
14	Produk getah dan plastic <i>Rubber and plastic products</i>	8	5	1										
15	Produk galian bukan logam <i>Non-metallic mineral products</i>	4	4	2										

No	SEKTOR / KATEGORI SECTOR/ CATEGORY	OSHMS ISO 45001	QMS ISO 9001	EMS ISO 14001	FSMS ISO 22000	HACCP MS 1480	ABMS ISO 37001	RTSMS ISO 39001	ATSMS ISO 21101	ISMS ISO/IEC 27001	FMS ISO 40001	BCMS ISO 22301	MSP0 PART 2,3,4	MSP0 SCCS
16	Konkrit, simen, kapur, plaster, dll <i>Concrete, cement, lime, plaster, etc</i>	1	1	1										
17	Terhadap kepada "Pengeluaran logam asas" <i>Limited to "Base metals production"</i>	3	3	1										
18	Logam asas dan produk logam fabrikasi <i>Basic metals and fabricated metal products</i>													
19	Jentera dan peralatan <i>Machinery and equipment</i>	7	5	1										
20	Peralatan elektrik dan optik <i>Electrical and optical equipment</i>	4	7	3										
21	Pembinaan kapal <i>Shipbuilding</i>		1											
22	Aeroangkasa <i>Aerospace</i>													
23	Peralatan pengangkutan lain <i>Other transport equipment</i>	1		1				1						
24	Pembuatan tidak dikelaskan di lain-lain kategori <i>Manufacturing not elsewhere classified</i>	3	1	1										
25	Kitar semula <i>Recycling</i>	1	1	1										
26	Bekalan Elektrik <i>Electricity supply</i>	17	4	4						3				
27	Bekalan gas <i>Gas supply</i>	2												
28	Bekalan air <i>Water supply</i>		1				2							
29	Pembinaan <i>Construction</i>	15	21	9			2	1						

No	SEKTOR / KATEGORI SECTOR/ CATEGORY	OSHMS	QMS	EMS	FSMS	HACCP	ABMS	RTSMS	ATSMS	ISMS ISO/IEC 27001	FMS ISO 40001	BCMS ISO 22301	MSPO PART 2,3,4	MSPO SCCS
		ISO 45001	ISO 9001	ISO 14001	ISO 22000	MS 1480	ISO 37001	ISO 39001	ISO 21101					
30	Perdagangan borong dan runcit: Pembaikan kenderaan bermotor, motosikal dan barangan peribadi dan isi rumah <i>Wholesale and retail trade: Repair of motor vehicles, motorcycles, and personal and household goods</i>		4				1							
31	Hotel dan restoran <i>Hotels and restaurants</i>	3	2						2					
32	Pengangkutan, penyimpanan dan komunikasi <i>Transport, storage and communication</i>	31	18	18			4	18						
33	Pengantaraan kewangan, hartanah dan penyewaan <i>Financial intermediation, real estate, and renting</i>	2	1	2										
34	Teknologi maklumat <i>Information technology</i>	3	6							1				
35	Perkhidmatan kejuruteraan <i>Engineering services</i>	17	27	9			4			2		2		
36	Lain-lain perkhidmatan <i>Other services</i>	14	21	2			5			1	1			
37	Pentadbiran awam <i>Public administration</i>	8	5				10	5						
38	Pendidikan <i>Education</i>	21	11	2										
39	Kesihatan dan pekhidmatan kerja sosial <i>Health and social work service</i>		1	1				4						
40	Perkhidmatan kerja sosial lain <i>Other social work services</i>	5	24	3			1		3					
41	Pemprosesan produk haiwan yang mudah reput <i>Processing of perishable animal products</i>				2	2								

No	SEKTOR / KATEGORI SECTOR/ CATEGORY	OSHMS ISO 45001	QMS ISO 9001	EMS ISO 14001	FSMS ISO 22000	HACCP MS 1480	ABMS ISO 37001	RTSMS ISO 39001	ATSMS ISO 21101	ISMS ISO/IEC 27001	FMS ISO 40001	BCMS ISO 22301	MSP0 PART 2,3,4	MSP0 SCCS
42	Katering dan perkhidmatan makanan <i>Catering and food services</i>				1	1								
43	Pengeluaran Bahan Pembungkusan <i>Production of Packaging Material</i>					1								
44	Ladang Kelapa Sawit <i>Oil Palm Plantation</i>												320	
45	Kilang Kelapa Sawit <i>Oil Palm Mill</i>												53	
JUMLAH/ TOTAL		210	189	77	3	4	30	30	5	7	1	2	373	

Jadual 2: Jumlah Pensijilan Yang melibatkan Peranti Perubatan
Table 2 : Total Number of Certifications Involving Medical Devices

Skim Scheme	Bilangan Total
Sistem Pengurusan Kualiti - Peranti Perubatan (ISO 13485) <i>Medical Devices Quality Management System (ISO 13485)</i>	2
Amalan Baik Pengedaran Peranti Perubatan (GDPMD) <i>Good Distribution Practices for Medical Devices (GDPMD)</i>	4
Penilaian Keseluruhan <i>Full Assessment</i>	-
Verifikasi Produk <i>Product Verification</i>	32

PEMBANGUNAN MODAL INSAN KOMPETEN DAN BERILMU BAGI TAHUN 2024

Selaras dengan keperluan sebuah organisasi dalam melaksanakan sistem pengurusan serta mendapatkan pensijilan, NIOSHCert menyediakan pelbagai program latihan khususnya berkaitan dengan sistem pengurusan.

Latihan yang ditawarkan memainkan peranan penting dalam memastikan objektif dan matlamat organisasi dapat dicapai dengan berkesan. Selain itu, latihan juga berfungsi sebagai medium penyampaian maklumat serta platform bagi membangunkan modal insan yang kompeten dan tenaga kerja yang bersedia menghadapi cabaran industri.

Struktur Latihan NIOSHCert menawarkan tiga fasa utama dalam program latihannya:

- Latihan Kesedaran – merangkumi seminar dan program pengenalan
- Latihan Lanjutan – mendalami konsep dan pelaksanaan sistem pengurusan
- Latihan Juruaudit / Ketua Juruaudit – bagi membentuk juruaudit yang berkelayakan

Semua latihan ini disediakan bagi skim berikut:

- Sistem Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan (ISO 45001)
- Sistem Pengurusan Alam Sekitar (ISO 14001)
- Sistem Pengurusan Kualiti (ISO 9001)
- Sistem Pengurusan Keselamatan Makanan (ISO 22000)
- Sistem Pengurusan Kelapa Sawit Mampan (MS 2530)
- Sistem Pengurusan Keselamatan Lalu Lintas Jalan Raya (ISO 39001)
- Sistem Pengurusan Keselamatan Pelancongan Kembara (ISO 21101)
- Sistem Pengurusan Anti-Rasuah (ISO 37001)
- Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISO 27001)
- Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG)

DEVELOPING COMPETENT AND KNOWLEDGEABLE HUMAN CAPITAL FOR THE YEAR 2024

Based on the needs of external organisations in implementing management systems and obtaining relevant certifications, NIOSHCert offers a wide range of training programmes, particularly those related to management systems. These training initiatives play a vital role in helping organisations achieve their objectives and targets effectively.

In addition to serving as a medium for information dissemination, the training also acts as a platform for developing competent human capital and cultivating a workforce that is well-prepared to meet evolving industry challenges.

NIOSHCert Training Structure offers three main phases in its training programmes:

- Awareness Training – includes seminars and introductory programmes
- Advanced Training – in-depth study of concepts and implementation of management systems
- Auditor / Lead Auditor Training – to develop qualified auditors

These trainings are provided for the schemes listed below:

- Occupational Health and Safety Management Systems (ISO 45001)
- Environmental Management Systems (ISO 14001)
- Quality Management Systems (ISO 9001)
- Food Safety Management Systems (ISO 22000)
- Malaysian Sustainable Palm Oil (MS 2530)
- Road Traffic Safety Management Systems (ISO 39001)
- Adventure Tourism Safety Management Systems (ISO 21101)
- Anti-Bribery Management Systems (ISO 37001)
- Security Information Management Systems (ISO 27001)
- Environment, Social, and Governance (ESG)

PENCAPAIAN LATIHAN TAHUN 2024

Sepanjang tahun 2024, NIOSHCert telah berjaya melaksanakan sebanyak 265 program latihan yang terdiri daripada:

- 108 program latihan kesedaran
- 135 program latihan lanjutan
- 26 program latihan juruaudit / ketua juruaudit

Program latihan ini dijalankan dalam bentuk sesi berjadual serta latihan dalaman bagi organisasi yang mengambil bahagian. Seramai 4,512 peserta telah mengikuti dan mendapat manfaat daripada program yang dilaksanakan.

Latihan bagi juruaudit / ketua juruaudit melibatkan pelbagai sistem pengurusan, termasuk:

- Sistem Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (ISO 45001)
- Sistem Pengurusan Kualiti (ISO 9001)
- Sistem Pengurusan Alam Sekitar (ISO 14001)
- Sistem Pengurusan Anti-Rasuah (ISO 37001)
- Sistem Pengurusan Keselamatan Lalu Lintas Jalan Raya (ISO 39001)
- Sistem Pengurusan Keselamatan Pelancongan Kembara (ISO 21101)
- Sistem Pengurusan Bersepadu (ISO 9001, ISO 14001, ISO 45001)

Program latihan ini diiktiraf oleh badan pengiktirafan antarabangsa Exemplar Global akan menambah nilai kepada kualiti latihan serta kebolehpasaran peserta dalam bidang berkaitan.

NIOSHCert terus komited dalam membangunkan modal insan yang kompeten, berpengetahuan dan bersedia menghadapi cabaran industri melalui program latihan yang berkualiti dan diiktiraf di peringkat antarabangsa.

TRAINING ACHIEVEMENTS 2024

For the year 2024, NIOSHCert succeeded in implementing 265 training programmes that are listed as follows:

- 108 awareness training programmes
- 135 advance training programmes
- 26 Auditor / Lead Auditor training programmes

Training programmes were conducted in the form of scheduled sessions as well as internal trainings for participating organisations. A total of 4,512 participants joined the programmes offered and have benefited from them.

Training for auditors / lead auditors involved several management systems, including:

- Occupational Health and Safety Management System (ISO 45001)
- Quality Management Systems (ISO 9001)
- Environmental Management Systems (ISO 14001)
- Anti-Corruption Management Systems (ISO 37001)
- Road Traffic Safety Management Systems (ISO 39001)
- Adventure Tourism Safety Management Systems (ISO 21101)
- Integrated Management Systems (ISO 9001, ISO 14001, ISO 45001)

These training programmes are recognised by the international accreditation body, Exemplar Global, which in turn enhances the quality of the training and increases the marketability of participants in their respective fields.

NIOSHCert remains committed in its goal to develop human capital that is competent, knowledgeable and prepared to tackle industry challenges through quality training programmes that are internationally recognised.

Jadual 3: Jumlah Program Latihan dan Bilangan Peserta
Table 3: Total Number of Training Programmes Participants

Jadual 2: Jumlah Latihan Sistem Pengurusan Table 2 : Total Number of Management System Trainings			
No	Jenis Program Type of Programme	Jumlah Program Total Programmes	Jumlah Peserta Total Participants
1.	Program Kesedaran Sistem Pengurusan <i>Awareness Programme Management System</i>	108	1992
2.	Program Lanjutan Sistem Pengurusan <i>Advance Programme Management System</i>	135	2281
3.	Program Ketua Juru Audit <i>Lead Auditor Programme</i>	26	239
JUMLAH / TOTAL		265	4,512

AKTIVITI NIOSHCERT 2024

NIOSH CERT ACTIVITIES 2024

Aktiviti : Majlis Penyerahan Sijil Sistem Pengurusan kepada lima (5) organisasi yang berjaya mendapatkan pensijilan pada tahun 2024
Activity : *Certificate Presentation Ceremony for Management Systems to five (5) organisations that successfully obtained certification in 2024*

Tarikh : 19 Februari 2024
Date : *19 February 2024*

Tempat : Pusat Konvensyen Kuala Lumpur
Venue : *Kuala Lumpur Convention Centre*

Majlis Penyerahan Sijil Sistem Pengurusan telah diadakan dengan tujuan memberikan penganugerahan sijil kepada lima (5) organisasi di atas pencapaian mereka dalam memenuhi standard sistem pengurusan tersebut iaitu:

- Limocab (M) Sdn. Bhd. – Pensijilan ISO 39001:2013 Sistem Pengurusan Keselamatan Lalu Lintas Jalan Raya
- Gadang Engineering (M) Sdn. Bhd. - Pensijilan ISO 39001:2012 Sistem Pengurusan Keselamatan Lalu Lintas Jalan Raya
- Percetakan Tenaga Sdn. Bhd. – Pensijilan ISO 45001:2018 Sistem Pengurusan Kesihatan dan Keselamatan Pekerjaan
- Faazmiar Technology Sdn. Bhd. - Pensijilan ISO 45001:2018 Sistem Pengurusan Kesihatan dan Keselamatan Pekerjaan
- Fonterra Brands Malaysia Sdn. Bhd. - Pensijilan ISO 45001:2018 Sistem Pengurusan Kesihatan dan Keselamatan Pekerjaan

Majlis penyerahan sijil tersebut merupakan anjuran NIOSH Malaysia bersempena Program COSH dan penyerahan sijil disampaikan oleh Menteri Sumber Manusia, YB Steven Sim Chee Keong. Beliau juga merasmikan majlis tersebut.

The Management Systems Certification Award Ceremony was held to present certificates to five (5) organisations in recognition of their achievement in meeting the required management system standards. The recipients are:

- *Limocab (M) Sdn. Bhd. – ISO 39001:2013 Certification for Road Traffic Safety Management Systems*
- *Gadang Engineering (M) Sdn. Bhd. - ISO 39001:2012 Certification for Road Traffic Safety Management Systems*
- *Percetakan Tenaga Sdn. Bhd. – ISO 45001:2018 Certification for Occupational Health and Safety Management Systems*
- *Faazmiar Technology Sdn. Bhd. - ISO 45001:2018 Certification for Occupational Health and Safety Management Systems*
- *Fonterra Brands Malaysia Sdn. Bhd. - ISO 45001:2018 Certification for Occupational Health and Safety Management Systems*

The certificate award ceremony was organised by NIOSH Malaysia in conjunction with the COSH Programme. Minister of Human Resources, YB Steven Sim Chee Keong presented the certificates after officiating at the ceremony.



Gambar 1: Majlis Penyerahan Sijil Sistem Pengurusan kepada lima (5) syarikat yang berjaya mendapatkan pensijilan pada tahun 2024

Image 1: Five (5) companies that successfully obtain certification in 2024 are recognised during the Management System Certificate Award Ceremony.



Gambar 2: Penyerahan Sijil Sistem Pengurusan kepada Limocab (M) Sdn. Bhd. bagi Pensijilan ISO 39001:2013 Sistem Pengurusan Keselamatan Lalu Lintas Jalan Raya

Picture 2: Limocab (M) Sdn. Bhd. receives the ISO 39001:2013 certification for its Road Traffic Safety Management Systems during the Management System Certificate Award Ceremony.



Gambar 3: Penyerahan Sijil Sistem Pengurusan kepada Gadang Engineering (M) Sdn. Bhd. bagi Pensijilan ISO 39001:2012 Sistem Pengurusan Keselamatan Lalu Lintas Jalan Raya

Image 3: Gadang Engineering (M) Sdn. Bhd. receives the ISO 39001:2012 certification for its Road Traffic Safety Management Systems during the Management System Certificate Award Ceremony.



Gambar 4: Penyerahan Sijil Sistem Pengurusan kepada Percetakan Tenaga Sdn. Bhd. bagi Pensijilan ISO 45001:2018 Sistem Pengurusan Kesihatan dan Keselamatan Pekerjaan
Picture 4: Percetakan Tenaga Sdn. Bhd. receives the ISO 45001:2018 certification for its Occupational Health and Safety Management Systems during the Management System Certificate Award Ceremony.



Gambar 5: Penyerahan Sijil Sistem Pengurusan kepada Faazmiar Technology Sdn. Bhd. bagi Pensijilan ISO 45001:2018 Sistem Pengurusan Kesihatan dan Keselamatan Pekerjaan
Picture 5: Faazmiar Technology Sdn. Bhd. receives the ISO 45001:2018 certification for its Occupational Health and Safety Management Systems during the Management System Certificate Award Ceremony.



Gambar 6: Penyerahan Sijil Sistem Pengurusan kepada Fonterra Brands Malaysia Sdn. Bhd. bagi Pensijilan ISO 45001:2018 Sistem Pengurusan Kesihatan dan Keselamatan Pekerjaan
Picture 6: Fonterra Brands Malaysia Sdn. Bhd. receives the ISO 45001:2018 certification for its Occupational Health and Safety Management Systems.

Aktiviti Activity	: Majlis Penyerahan Sijil Sistem Pengurusan Bersepadu (IMS) bagi Sistem Pengurusan Kualiti (ISO 9001), Alam Sekitar (ISO 14001), Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (ISO 45001), dan Sistem Pengurusan Anti-Rasuah (ISO 37001) kepada Penang Port Sdn. Bhd. <i>Certificate handover to Penang Port Sdn. Bhd. for Achievement in Integrated Management Systems (IMS) in Quality (ISO 9001), Environmental (ISO 14001), Occupational Health and Safety (ISO 45001), and Anti-Bribery (ISO 37001)</i>
Tarikh Date	: 23 Ogos 2024 <i>23 August 2024</i>
Tempat Venue	: Hotel Iconic, Pulau Pinang

Majlis Penyerahan Sijil Sistem Pengurusan Bersepadu (IMS) bagi Sistem Pengurusan Kualiti (ISO 9001), Alam sekitar (ISO 14001), Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (ISO 45001), dan Sistem Pengurusan Anti-Rasuah (ISO 37001) telah diadakan dengan tujuan memberikan penganugerahan sijil kepada Penang Port Sdn. Bhd. di atas pencapaian mereka dalam memenuhi standard bagi keempat-empat sistem pengurusan tersebut.

Majlis penyerahan sijil tersebut merupakan anjuran NIOSH Malaysia dan sijil telah disampaikan oleh Menteri Sumber Manusia, YB Steven Sim Chee. Beliau juga merasmikan majlis tersebut.

The The ceremony of Integrated Management Systems (IMS) in Quality (ISO 9001), Environmental (ISO 14001), Occupational Health and Safety (ISO 45001), and Anti-Bribery (ISO 37001) certificate handover was held with the aim of presenting the certifications to Penang Port Sdn. Bhd. for their achievements in meeting the standards for all four management systems.

The Certificate Award Ceremony was organised by NIOSH Malaysia and officiated by the Minister of Human Resources, YB Steven Sim Chee Keong, who also presented the certificates to the recipients.



Gambar 1: Majlis Penyerahan Sijil Sistem Pengurusan Bersepadu (IMS) bagi Sistem Pengurusan Kualiti (ISO 9001), Alam sekitar (ISO 14001), Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (ISO 45001), dan Sistem Pengurusan Anti-Rasuah (ISO 37001) kepada Penang Port Sdn. Bhd.

Picture 1: *Certificate handover to Penang Port Sdn. Bhd. for Achievement in Integrated Management Systems (IMS) in Quality (ISO 9001), Environmental (ISO 14001), Occupational Health and Safety (ISO 45001), and Anti-Bribery (ISO 37001)*

Aktiviti Activity	: Majlis Penyerahan Sijil ISO 9001:2015 bagi Sistem Pengurusan Kualiti kepada Program SAINSeD, Universiti Sains Malaysia <i>ISO 9001:2015 Certificate Award Ceremony for Quality Management Systems to SAINSeD Programme, University Science Malaysia</i>
Tarikh Date	: 23 Ogos 2024 <i>23 August 2024</i>
Tempat Venue	: Hotel Iconic, Pulau Pinang

Majlis Penyerahan Sijil ISO 9001:2015 bagi Sistem Pengurusan Kualiti telah diadakan bagi meraikan kejayaan Program SAINSeD, Universiti Sains Malaysia dalam memenuhi piawaian sistem pengurusan tersebut.

Majlis anjuran NIOSH Malaysia ini telah disempurnakan oleh Menteri Sumber Manusia, YB Steven Sim Chee Keong, yang turut menyampaikan sijil serta merasmikan majlis berkenaan.

The ISO 9001:2015 Certificate Presentation Ceremony for the Quality Management System was held to celebrate the achievement of the SAINSeD Programme, Universiti Sains Malaysia, in meeting the required management system standards.

Organised by NIOSH Malaysia, the ceremony was officiated by the Minister of Human Resources, YB Steven Sim Chee Keong, who also presented the certificate to the recipient.



Gambar 1: Majlis Penyerahan Sijil ISO 9001:2015 bagi Sistem Pengurusan Kualiti kepada Program SAINSeD, Universiti Sains Malaysia

Picture 1: ISO 9001:2015 Certificate Award Ceremony for Quality Management Systems to SAINSeD Programme, Universiti Sains Malaysia

Aktiviti Activity	: Majlis Penyerahan Sijil ISO 45001:2018 Sistem Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerja kepada Pusat Pengurusan Risiko, Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (ROSH UKM) <i>ISO 45001:2018 Certificate for Safety and Health Management Systems Award Ceremony to the The Security Division and Centre for Risk Management, Occupational Safety and Health (ROSH UKM)</i>
Tarikh Date	: 10 Julai 2024 <i>10 July 2024</i>
Tempat Venue	: Universiti Kebangsaan Malaysia

Majlis Penyerahan Sijil ISO 45001:2018 bagi Sistem Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan telah diadakan bagi meraikan kejayaan Pusat Pengurusan Risiko, Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan UKM (ROSH-UKM) dalam memenuhi piawaian yang ditetapkan di bawah sistem pengurusan tersebut.

Penyerahan sijil telah disampaikan oleh Pengerusi NIOSHCert Dato' Haji Ayop bin Salleh.

ISO 45001:2018 Certificate for Occupational Health and Safety Management Systems Award Ceremony was held with the aim of presenting the certificate to the Security Division and Centre for Risk Management, Occupational Safety and Health UKM (ROSH-UKM) for their achievement in meeting the standards for the said management system.

The certificate was presented by the Chairman of NIOSHCert Dato' Haji Ayop bin Salleh.



Gambar 1: Majlis Penyerahan Sijil ISO 45001:2018 Sistem Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan kepada Pusat Pengurusan Risiko, Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan UKM (ROSH-UKM)

Picture 1: *The ISO 45001:2018 Occupational Health and Safety Management Systems Certificate Award Ceremony to the Centre for Risk Management, Occupational Safety and Health UKM (ROSH-UKM)*

Aktiviti : Majlis Penyerahan Sijil Pengurusan ISO 45003:2021 Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerja untuk Kesihatan dan Keselamatan Psikologi di Tempat Kerja bergabung dengan Garis Panduan untuk Pengurusan Risiko Psikososial kepada CelcomDigi Berhad
Activity : *ISO 45003:2021 Occupational Health and Safety Management Systems Certificate Award Ceremony to CelcomDigi Berhad for Psychological Health and Safety at Work combined with Guidelines for Psychosocial Risk Management*

Tarikh : 19 November 2024
Date

Tempat : Ibu Pejabat CelcomDigi, Kuala Lumpur
Venue : *CelcomDigi Headquarters, Kuala Lumpur*

Majlis Penyerahan Sijil ISO 45003:2021 bagi Sistem Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerja telah diadakan bagi meraikan kejayaan CelcomDigi Berhad dalam memenuhi piawaian pengurusan berkaitan Kesihatan dan Keselamatan Psikologi di Tempat Kerja, selaras dengan Garis Panduan Pengurusan Risiko Psikososial.

Penyerahan sijil telah dilakukan oleh Pengerusi NIOSHCert Dato' Haji Ayop bin Salleh.

Certificate Presentation Ceremony for ISO 45003:2021 Occupational Health and Safety Management – Psychological Health and Safety at Work – Guidelines for Managing Psychosocial Risks to CelcomDigi Berhad was held to recognise CelcomDigi Berhad's achievement in fulfilling the standards for managing psychological health and safety in the workplace, in accordance with the Psychosocial Risk Management Guidelines.

The certificate was handed over by the Chairman of NIOSHCert Dato' Haji Ayop bin Salleh.



Gambar 1: Majlis Penyerahan Sijil Pengurusan ISO 45003:2021 Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerja - Kesihatan dan Keselamatan Psikologi di Tempat Kerja - Garis Panduan untuk Pengurusan Risiko Psikososial kepada CelcomDigi Berhad

Picture 1: *Certificate Presentation Ceremony for ISO 45003:2021 Occupational Health and Safety Management – Psychological Health and Safety at Work – Guidelines for Managing Psychosocial Risks to CelcomDigi Berhad*

Aktiviti : Majlis Penyerahan Sijil ISO 37001:2016 bagi Sistem Pengurusan Anti-Rasuah kepada Deleum Berhad
Activity : *ISO 37001:2016 Certificate Award Ceremony for Anti-Bribery Management Systems to Deleum Berhad*

Tarikh : 07 Mac 2024
Date : *07 March 2024*

Tempat : The Majestic Hotel, Kuala Lumpur
Venue

The ISO 37001:2016 Certificate Award Ceremony for the Anti-Corruption Management System was held to present the certificate to Deleum Berhad in recognition of its achievement in meeting the standards of the system.

Sijil telah disampaikan oleh Ahli Lembaga Pengarah NIOSHCert Tuan Haji Nik Hasbi Fathi bin Nik Hussain Fathi.

The ISO 37001:2016 Certificate Award Ceremony for the Anti-Bribery Management Systems was held to present the certificate to Deleum Berhad in recognition of its achievement in meeting the standards of the system.

The certificate was handed over by a Board Member of NIOSHCert Tuan Haji Nik Hasbi Fathi bin Nik Hussain Fathi.

Aktiviti Activity	: Siri Seminar NIOSHCert - Membudayakan Kelestarian: Strategi untuk Keselamatan Tempat Kerja, Kesihatan Mental dan Integriti <i>NIOSHCert Seminar Series - Cultivating Sustainability: Strategies for Workplace Safety, Mental Health and Integrity</i>
Tarikh Date	: 30 April, 14 Mei, 16 Julai, dan 04 Disember 2024 <i>30 April, 14 May, 16 July, and 04 December 2024</i>
Tempat Venue	: NIOSH

NIOSHCert telah menjalankan Siri Seminar NIOSHCert - Membudayakan Kelestarian: Strategi untuk Keselamatan Tempat Kerja, Kesihatan Mental dan Integriti di seluruh Malaysia. Siri seminar bermula di negeri Terengganu dan seterusnya ke Sarawak, Johor, dan berakhir di Ibu Pejabat NIOSH Bandar Baru Bangi, Selangor.

Seminar ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran dan pemahaman mengenai kepentingan keselamatan dan kesihatan pekerjaan (KKP), kesihatan mental, pencegahan penyakit berjangkit, serta prinsip integriti di tempat kerja. Melalui pendekatan holistik, peserta didedahkan kepada strategi praktikal untuk mengintegrasikan elemen-elemen ini ke dalam sistem pengurusan organisasi secara berkesan.

Selain itu, seminar ini turut membincangkan teknik pengurusan risiko yang merangkumi aspek fizikal dan mental bagi memastikan kesejahteraan pekerja serta kelangsungan operasi perniagaan. Peserta juga diberikan pendedahan terhadap keperluan perundangan dan pematuhan regulatori yang berkaitan untuk membolehkan organisasi mengurangkan liabiliti serta membina budaya kerja yang lebih selamat, sihat, dan beretika.

Dengan gabungan ilmu, amalan terbaik, dan perbincangan interaktif, seminar ini bakal menjadi platform yang efektif dalam memperkasakan tenaga kerja dan meningkatkan daya saing organisasi dalam menghadapi cabaran industri masa kini.

Siri seminar ini telah dirasmikan oleh Ahli Lembaga Pengarah NIOSHCert negeri yang terlibat serta turut dijemput beberapa agensi lain iaitu Jabatan Standard Malaysia (JSM), Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP), Institut Integriti Malaysia (IIM), dan juga rakan industri.

NIOSH Cert Seminar Series - Cultivating Sustainability: Strategies for Workplace Safety, Mental Health and Integrity was conducted throughout Malaysia. The seminar series began in Terengganu and continued to Sarawak, Johor, and concluded at the NIOSH Headquarters Bandar Baru Bangi, Selangor.

This seminar aims to increase awareness and understanding regarding the importance of occupational safety and health (OSH), mental health, prevention of infectious diseases, and principles of integrity in the workplace. Through a holistic approach, participants were exposed to practical strategies to effectively integrate these elements into the organisation's management system.

Furthermore, the seminars also discussed risk management techniques that encompass both physical and mental aspects to ensure employee well-being and business continuity. Participants were also informed about relevant legal and regulatory compliance requirements that enable organisations to reduce liabilities and build a safer, healthier, and more ethical work culture.

Combining knowledge, best practices, and interactive discussions, this seminar will be an effective platform that would empower the workforce and increase competitiveness of organisations to tackle current industry challenges.

These seminar series were officiated by the respective state NIOSH Cert Board of Directors and also several invited agencies namely, the Malaysian Standards Department (JSM), the Occupational Safety and Health Department (JKKP), the Malaysian Integrity Institute (IIM), and industry partners.



Gambar 1: Siri Seminar NIOSHCert di Raia Hotel dan Pusat Konvention, Kuala Terengganu pada 30 April 2024.

Picture 1: NIOSHCert Seminar Series at Raia Hotel and Convention Centre, Kuala Terengganu on 30 April 2024.



Gambar 2: Siri Seminar NIOSHCert di Hotel Impiana, Johor pada 14 Mei 2024

Picture 2: NIOSHCert Seminar Series at Hotel Impiana, Johor on 14 May 2024



Gambar 3: Siri Seminar NIOSHCert - Membudayakan Kelestarian: Strategi untuk Keselamatan, Kesihatan Mental dan Integriti Tempat Kerja di Raia Hotel dan Pusat Konvention, Sarawak pada 16 Julai 2024.

Picture 3: NIOSHCert Seminar Series at Raia Hotel and Convention Centre, Sarawak on 16 July 2024.



Gambar 4: Siri Seminar di NIOSH Certification Bandar Baru Bangi, Selangor pada 04 Disember 2024.

Picture 4: NIOSHCert Seminar Series at NIOSH Certification Bandar Baru Bangi, Selangor on 04 December 2024





2024

LAPORAN TAHUNAN
ANNUAL REPORT

BAHAGIAN
PENGURUSAN
KUALITI (QMD)
QUALITY MANAGEMENT
DEPARTMENT (QMD)

SISTEM PENGURUSAN BERSEPADU

SISTEM PENGURUSAN

Sesi Audit Dalam Tahn 2024

NIOSH telah melaksanakan Audit Dalam bagi Sistem Pengurusan Kualiti (QMS), Sistem Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (OSHMS), Sistem Pengurusan Alam Sekitar (EMS), Sistem Pengurusan Anti Rasuah (ABMS), dan Sistem Pengurusan Keselamatan Lalu Lintas Jalan Raya (RTSMS). Audit Dalam telah diadakan pada 15 Julai hingga 25 Julai 2024 di tujuh belas (17) Pejabat Wilayah (RO), dan 31 Julai hingga 2 Ogos 2024 di Ibu Pejabat (HQ) Bandar Baru Bangi. Sesi Audit bagi tahun 2024 telah dijalankan bersama NIOSH Certification Sdn Bhd selaku juruaudit untuk NIOSH. Semua pihak yang terlibat telah menunjukkan komitmen yang tinggi semasa proses audit dijalankan. Berdasarkan analisa penemuan audit, tahap keakuran dan keberkesanan pelaksanaan Sistem Pengurusan di NIOSH adalah baik dan memenuhi keperluan minimum Standard yang telah ditetapkan.

Jadual 1 : Pelaksanaan Audit Dalam NIOSH Tahun 2024
Table 1 : Implementation of NIOSH Internal Audit 2024

SIRI AUDIT AUDIT SERIES	TARIKH DATE	LOKASI LOCATION
Siri 1/2024 Series 1/2024	15 & 16 Julai 2024 15 & 16 July 2024	Pejabat Wilayah Pantai Timur Kerteh (ECRO-KTH) <i>East Coast Regional Office Kerteh (ECRO-KTH)</i>
	17 Julai 2024 17 July 2024	Pejabat Wilayah Pantai Timur Kuantan (ECRO-KTN) <i>East Coast Regional Office Kuantan (ECRO-KTN)</i>
	18 Julai 2024 18 July 2024	Pejabat Wilayah Pantai Timur Kota Bharu (ECRO-KBH) <i>East Coast Regional Office Kota Bharu (ECRO-KBH)</i>
	15 & 18 Julai 2024 15 & 18 July 2024	Pejabat Wilayah Selatan Johor Bahru (SRO-JBU) <i>Southern Regional Office Johor Bahru (SRO-JBU)</i>
	17 Julai 2024 17 July 2024	Pejabat Wilayah Selatan Pengerang (SRO-PRG) <i>Southern Regional Office Pengerang (SRO-PRG)</i>
	16 Julai 2024 16 July 2024	Pejabat Wilayah Selatan Melaka (SRO-MLK) <i>Southern Regional Office Melaka (SRO-MLK)</i>

INTEGRATED MANAGEMENT SYSTEM

MANAGEMENT SYSTEM

Internal Audit Session 2024

NIOSH implemented an Internal Audit for the Quality Management System (QMS), Occupational Health and Safety Management System (OSHMS), Environment Management System (EMS), Anti-Bribery Management System (ABMS), and Road Traffic Safety Management System (RTSMS). The Internal Audit was held from 15 July to 25 July 2024 at seventeen (17) Regional Offices (RO), and from 31 July to 2 August 2024 at the Headquarters (HQ) in Bandar Baru Bangi. The Audit Session for 2024 was conducted by NIOSH Certification Sdn Bhd as the auditor. All parties involved showed high commitment during the audit process. Substantiated by the analysis of the audit findings, the level of compliance and effectiveness in implementing all Management Systems at NIOSH is good and meets the minimum requirements of the Standards that were set.

SIRI AUDIT AUDIT SERIES	TARIKH DATE	LOKASI LOCATION
Siri 1/2024 Series 1/2024	22 & 23 Julai 2024 22 & 23 July 2024	Pejabat Wilayah Utara Penang (NRO-PNG) <i>Northern Regional Office Penang (NRO-PNG)</i>
	24 Julai 2024 24 July 2024	Pejabat Wilayah Utara Alor Setar (NRO-AOR) <i>Northern Regional Office Alor Setar (NRO-AOR)</i>
	25 Julai 2024 25 July 2024	Pejabat Wilayah Utara Manjung (NRO-MJG) <i>Northern Regional Office Manjung (NRO-MJG)</i>
	15 Julai 2024 15 July 2024	Pejabat Wilayah Sabah Kota Kinabalu (SBRO-KK) <i>Sabah Regional Office Kota Kinabalu (SBRO-KK)</i>
	16 Julai 2024 16 July 2024	Pejabat Wilayah Sabah Tawau (SBRO-TWU) <i>Sabah Regional Office Tawau (SBRO-TWU)</i>
	17 Julai 2024 17 July 2024	Pejabat Wilayah Sabah Sandakan (SBRO-SDK) <i>Sabah Regional Office Sandakan (SBRO-SDK)</i>
	18 Julai 2024 18 July 2024	Pejabat Wilayah Sabah Labuan (SBRO-LBN) <i>Sabah Regional Office Labuan (SBRO-LBN)</i>
	15 & 16 Julai 2024 15 & 16 July 2024	Pejabat Wilayah Sarawak Bintulu (SWRO-BTU) <i>Sarawak Regional Office Bintulu (SWRO-BTU)</i>
	18 Julai 2024 18 July 2024	Pejabat Wilayah Sarawak Miri (SWRO-MRI) <i>Sarawak Regional Office Miri (SWRO-MRI)</i>
	24 Julai 2024 24 July 2024	Pejabat Wilayah Sarawak Kuching (SWRO-KCH) <i>Sarawak Regional Office Kuching (SWRO-KCH)</i>
	23 Julai 2024 23 July 2024	Pejabat Wilayah Sarawak Kapit (SWRO-KPT) <i>Sarawak Regional Office Kapit (SWRO-KPT)</i>
	31 Julai - 2 Ogos 2024 31 July- 2 August 2024	Ibu Pejabat (HQ) Bandar Baru Bangi <i>Headquarters (HQ) Bandar Baru Bangi</i>

Audit Badan Persijilan Intertek Tahun 2024

Intertek Certification International Sdn Bhd telah menjalankan Audit Badan Persijilan (1st Surveillance) secara serentak dengan audit pengawasan (1st surveillance) QMS, OSHMS, dan EMS pada 7 - 10 Oktober 2024 di Ibu Pejabat (HQ) Bandar Baru Bangi, Pejabat Wilayah Sarawak Miri (SWRO-MRI), dan Pejabat Wilayah Sarawak Kuching (SWRO-KCH), Pejabat Wilayah Utara Manjung (NRO-MJG), dan Pejabat Wilayah Utara Penang (NRO-PNG). Secara keseluruhan, pihak badan pensijilan berpuas hati dengan tahap keakuratan dan keberkesanan pelaksanaan QMS, OSHMS, dan EMS di NIOSH.

Intertek Certification Body Audit 2024

Intertek Certification International Sdn Bhd conducted a Certification Body Audit simultaneously with the QMS, OSHMS, and EMS 1st surveillance audits on 7 - 10 October 2024 at the Headquarters (HQ) Bandar Baru Bangi, Sarawak Regional Office Miri (SWRO-MRI), Sarawak Regional Office Kuching (SWRO-KCH), Northern Regional Office Manjung (NRO-MJG), and Northern Regional Office Penang (NRO-PNG). Overall, the certification body was satisfied with the level of compliance and effectiveness of the implementation of QMS, OSHMS, and EMS at NIOSH.



Rajah 1 : Sijil Intertek
Image 1 : Intertek Certificates

KEPUASAN PELANGGAN

Pengurusan Aduan Pelanggan

Pengurusan Aduan Pelanggan merupakan salah satu aktiviti utama yang dilaksanakan oleh Bahagian Pengurusan Kualiti (QMD) bagi memastikan setiap aduan dan pertanyaan daripada pelanggan diberi maklumbalas dalam tempoh masa 8 jam waktu bekerja. Prosedur Pengurusan Aduan Pelanggan disediakan untuk memberi panduan dan penerangan tatacara pengurusan aduan pelanggan bagi memastikan aduan dan maklumbalas daripada pelanggan NIOSH di seluruh Malaysia dapat dikendalikan dengan cekap, teratur dan berkesan.

Hasil Laporan Aduan Pelanggan akan dijadikan medium penambahbaikan berterusan ke atas produk dan perkhidmatan NIOSH di masa hadapan. Pelanggan NIOSH boleh menyalurkan sebarang maklumbalas berkenaan aktiviti NIOSH di portal wecare@niosh.com.my

CUSTOMER SATISFACTION

Customer Complaint Management

Customer Complaint Management is one of the core functions of the Quality Management Division (QMD), aimed at ensuring that every customer complaint or inquiry is responded to within eight working hours. The Customer Complaint Management Procedure serves as a guideline to ensure that complaints and feedback from NIOSH customers across Malaysia are handled in an efficient, systematic, and effective manner.


The outcomes of customer complaint reports are used as a basis for the continuous improvement of NIOSH's products and services. Customers may submit feedback regarding any NIOSH activities through the portal: wecare@niosh.com.my.

PENILAIAN TENAGA PENGAJAR, PROGRAM DAN KEMUDAHAN

Dalam usaha memastikan kualiti penyampaian produk dan perkhidmatan NIOSH berada pada tahap terbaik, QMD telah menjalankan penilaian di atas talian sepenuhnya bagi tahun 2024. merangkumi penilaian tenaga pengajar, program dan kemudahan berdasarkan maklum balas daripada peserta kursus. Secara keseluruhannya, hasil daripada ketiga-tiga kategori penilaian ini menunjukkan perkhidmatan yang diberikan oleh NIOSH berada pada tahap cemerlang. dan baik. Bagi mengukuhkan lagi penilaian tersebut, 83 program penaziran juga telah dilaksanakan terhadap tenaga pengajar yang terpilih. Objektif penaziran ini adalah untuk memantau prestasi tenaga pengajar NIOSH berdasarkan garis panduan yang telah ditetapkan.

EVALUATION OF TRAINERS, PROGRAMMES AND FACILITIES

In an effort to ensure that the quality of NIOSH's products and service delivery remains at the highest level, the Quality Management Division (QMD) conducted a fully online evaluation for the year 2024. This evaluation encompassed assessments of trainers, programmes and facilities, based on feedback gathered from course participants. Overall, the results from all three assessment categories indicated that NIOSH's services are at an excellent level. To further strengthen the evaluation, a total of 83 monitoring programmes were carried out for selected trainers. The objective of this monitoring was to assess the performance of NIOSH trainers in accordance with the established guidelines.







2024

LAPORAN TAHUNAN
ANNUAL REPORT

PEPERIKSAAN
DAN PERSIJILAN
EXAMINATION AND CERTIFICATION

PEPERIKSAAN DAN PERSIJILAN

EXAMINATION AND CERTIFICATION

Aktiviti Peperiksaan dan Penilaian

NIOSH merupakan sebuah Pusat Peperiksaan di bawah Lembaga Peperiksaan Kompetensi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (LPKKKP) dimana Bahagian Peperiksaan dan Persijilan (ECD) dipertanggungjawabkan bagi mengendalikan dan menguruskan semua peperiksaan anjuran LPKKKP.

Berikut adalah 11 jenis Peperiksaan Kompetensi Perundangan dibawah kawal selia dan pemantauan LPKKKP ;

1. Pegawai Keselamatan dan Kesihatan (SHO)
2. Jurutera Dandang Stim (SBE)
3. Penyelia Keselamatan Tapak Bina (SSS)
4. Operator Kren (CRANE)
5. Penaksiran Risiko Kesihatan Kimia (CHRA)
6. Penaksir Kualiti Udara Dalam (IAQ)
7. Juruteknik Higien 1 (HT1)
8. Juruteknik Higien 2 (HT2)
9. Penaksir Risiko Bising (NRA)
10. Penguji Gas Bertauliah dan Penyelia Kemasukan Bagi Ruang Terkurung (AGTES) & Latihan Semula Penguji Gas Bertauliah dan Penyelia Kemasukan Bagi Ruang Terkurung (AGTES-R)
11. Doktor Kesihatan Pekerja (OHD)

Pusat Peperiksaan NIOSH melalui Bahagian Peperiksaan dan Persijilan juga mengendalikan dan menguruskan semua program peperiksaan dan penilaian anjuran NIOSH dimana keseluruhannya berjumlah 5 jenis Peperiksaan Kompetensi Perundangan, 21 jenis Peperiksaan Kompetensi Kemahiran dan 21 jenis Peperiksaan Jurulatih. Kesemua program ini termasuk program Penilaian Berterusan Induksi Keselamatan berjumlah 38 jenis program adalah di bawah kawalan dan pemantauan Jawatankuasa Peperiksaan NIOSH (JPN).

Examination and Assessment Activities

NIOSH is an Examination Centre under the Occupational Safety and Health Competency Examination Board (LPKKKP). The Examination and Certification Division (ECD) is responsible for administering and managing all examinations organised by LPKKKP.

The following are the 11 types of Regulatory Competency Examinations under the supervision and monitoring of LPKKKP:

1. *Safety and Health Officer (SHO)*
2. *Steam Boiler Engineer (SBE)*
3. *Construction Site Safety Supervisor (SSS)*
4. *Crane Operator (CRANE)*
5. *Chemical Health Risk Assessor (CHRA)*
6. *Indoor Air Quality Assessor (IAQ)*
7. *Hygiene Technician 1 (HT1)*
8. *Hygiene Technician 2 (HT2)*
9. *Noise Risk Assessor (NRA)*
10. *Authorised Gas Tester and Entry Supervisor for Confined Spaces (AGTES), and Authorised Gas Tester and Entry for Confined Spaces - Refresher (AGTES-R)*
11. *Occupational Health Doctor (OHD)*

The NIOSH Examination Centre, through the Examination and Certification Division, also manages and administers all examinations and assessments organised by NIOSH. These consist of 5 types of Regulatory Competency Examinations, 21 types of Skills Competency Examinations, and 21 types of Trainer Examinations. Including the Continuous Safety Induction Assessment programmes, a total of 38 programmes fall under the supervision and monitoring of the NIOSH Examination Committee (JPN).

Dari segi proses kerja, pihak pengurusan amat menitikberatkan polisi Sistem Pengurusan Alam Sekitar (EMS) agar ECD mempunyai sistem yang mampan untuk melancarkan aktiviti peperiksaan. Bermula dengan pendaftaran peperiksaan, pihak calon akan membuat permohonan melalui sistem NIOSH Examination Booking System (NEBS). Setelah tamat peperiksaan dan penilaian, calon boleh menyemak keputusan secara dalam talian melalui e-Semakan di laman sesawang NIOSH. Peserta kursus dan calon yang telah lulus peperiksaan boleh muat turun sijil kehadiran, sijil jurulatih dan sijil kelayakan dalam bentuk sijil digital melalui Sistem E-Sijil NIOSH. Bagi program-program tertentu yang telah ditetapkan, calon yang telah lulus penilaian akan menerima Kad perakuan latihan dalam bentuk kad digital (e-Card) melalui aplikasi MyNIOSH+.

From an operational standpoint, management places strong emphasis on the Environmental Management System (EMS) policy to ensure that ECD has a sustainable system for effective examination operations. The examination process begins with candidate registration via the NIOSH Examination Booking System (NEBS). Upon completing the examination and assessment, candidates may check their results online via the NIOSH e-Results platform. Course participants and candidates who pass their examinations may download their semua huruf kecil sebab bukan nama khas in digital format via the NIOSH e-Certificate System. For selected programmes, candidates who pass the assessment will receive a digital competency card (e-Card) through the MyNIOSH+ mobile application.

Berikut adalah pencapaian aktiviti peperiksaan dan penilaian yang telah dilaksanakan di seluruh Malaysia bagi tahun 2024.
2024 Examination and Assessment Achievements Across Malaysia:

Jenis Peperiksaan dan Penilaian <i>Categories of Examinations and Assessments</i>	Program <i>Programme</i>			Calon <i>Candidates</i>		
	Sasaran <i>Plan</i>	Sebenar <i>Actual</i>	%	Sasaran <i>Plan</i>	Sebenar <i>Actual</i>	%
Peperiksaan Kompetensi Perundangan <i>Competency Examination</i>	885	3,984	450%	18,484	64,803	351%
Peperiksaan Kompetensi Kemahiran <i>Skills Competency Examination</i>	3,021	950	31%	47,125	37,448	79%
Peperiksaan Jurulatih <i>Trainers Examination</i>	81	104	128%	881	1,102	125%
Penilaian Berterusan Induksi Keselamatan <i>Safety Induction Continuous Assessment</i>	6,492	6,811	105%	137,111	138,932	101%
Jumlah / Total	10,479	11,849	113%	203,601	242,285	119%

Tahun 2024 menunjukkan sebanyak 11,849 aktiviti peperiksaan dan penilaian telah dijalankan dengan jumlah calon seramai 242,285 calon.

Penilaian Berterusan Induksi Keselamatan mencatatkan jumlah calon paling ramai iaitu seramai 138,932 orang calon dengan 6,811 sesi peperiksaan kekerapan aktiviti peperiksaan dan penilaian telah diadakan.

Peperiksaan Kompetensi Perundangan adalah kedua tertinggi dengan jumlah calon seramai 64,803 melalui 3,984 sesi peperiksaan kekerapan peperiksaan telah diadakan.

Peperiksaan Kompetensi Kemahiran adalah yang mempunyai jumlah calon ketiga paling ramai bagi tahun 2024, iaitu seramai 37,448 calon. Bagi tahun yang sama, peperiksaan ini telah dijalankan sebanyak 950 sesi, merangkumi di Ibu Pejabat NIOSH di Bandar Baru Bangi, dan pejabat wilayah di Senai(Johor), Melaka, Manjung (Perak).

Selain itu, program peperiksaan dan penilaian di bawah geran dan program tanggungjawab sosial korporat (CSR) termasuklah geran JPM dan MITRA juga dilaksanakan. Manakala di bawah program CSR, kejayaan terbesar mengendalikan 17,034 peserta bagi penilaian *Mental Health Awareness* (MHA) pada tahun 2024.

PERSIJILAN

NIOSH telah memperkenalkan sijil digital (e-Cert) sejak tahun 2018 dimana peserta kursus yang telah lengkap menghadiri kursus boleh muat turun sijil kehadiran melalui Sistem E-Sijil. Begitu juga dengan calon yang telah lulus dalam peperiksaan boleh muat turun sijil kelayakan dan sijil jurulatih melalui sistem tersebut. Bagi program-program tertentu yang telah ditetapkan, calon yang telah lulus penilaian akan menerima Kad perakuan latihan dalam bentuk kad digital (e-Card) melalui aplikasi MyNIOSH+.

In 2024, a total of 11,849 examination and assessment activities were conducted nationwide, involving 242,285 candidates.

The Safety Induction Continuous Assessment recorded the highest number of candidates, totalling 138,932, with 6,811 examination and assessment sessions held.

The second highest was the Regulatory Competency Examination, with 64,803 candidates across 3,984 sessions.

The Skills Competency Examination recorded the third highest number of candidates with 37,448 candidates and 950 sessions conducted. These sessions were held at the NIOSH headquarters in Bandar Baru Bangi, and regional offices in Senai (Johor), Melaka, Manjung (Perak).

In addition, examinations and assessments under various grants and corporate social responsibility (CSR) programmes—including JPM and MITRA grants—were also carried out. Under the CSR initiative, the most notable success was the assessment for the Mental Health Awareness (MHA) programme, involving 17,034 participants in 2024.

CERTIFICATION

NIOSH has been issuing digital certificates (e-Certs) since 2018. Course participants who have completed their training may download their attendance certificates via the e-Certificate System. Similarly, candidates who pass their examinations may download their certificates of qualification and trainer certificates through the system. For specific programmes, candidates who pass the assessment will receive a digital competency card (e-Card) via the MyNIOSH+ application.

Berikut adalah bilangan e-Cert dan e-Card yang telah dikeluarkan seluruh Malaysia bagi tahun 2024 ;
Number of e-Certs and e-Cards Issued Nationwide in 2024

No.	Sijil / Kad Certificate / Cards	Sasaran Plan	Sebenar Actual	%
1.	Sijil Kehadiran <i>Certificate of Attendance</i>	68,742	121,425	177%
2.	Sijil Kelayakan <i>Certificate of Qualification</i>	11,828	11,827	100%
3.	Sijil Jurulatih <i>Certificate of Trainer</i>	214	83	39%
4.	Sijil Penghargaan <i>Certificate of Appreciation</i>	390	720	185%
5.	Sijil Salinan Kedua (hilang atau rosak) <i>Second Copy of Certificate (lost or damage)</i>	41	56	137%
6.	Kad Perakuan Latihan <i>Competency Card</i> (AESP, AESP-R, BRS, HPWJ, HPWJ-R, IET, IET-R, SHFT, SHFT-R, WAH, WAH-R)	26,256	50,784	193%
Jumlah / Total		107,471	184,895	172%

Fasiliti

Bagi menjalankan peperiksaan, lokasi seperti dewan dan bilik peperiksaan yang kondusif akan disediakan untuk calon menduduki peperiksaan sama ada di dalam atau luar premis NIOSH.

Bengkel

Bagi tahun 2024, Bahagian Peperiksaan dan Persijilan (ECD) telah menjalankan beberapa siri bengkel bagi program peperiksaan dibawah LPKKKP dan NIOSH bagi memantapkan lagi operasi dan gerak kerja aktiviti peperiksaan.

Diantaranya ialah Bengkel Pembangunan Soalan Peperiksaan bagi program Penyelia Keselamatan Tapak Bina, Pegawai Keselamatan Dan Kesihatan, *Certified Medical Impairment Assessor*, Bengkel Penetapan Soalan dan Jadual Spesifikasi Ujian (JSU), Bengkel LPKKKP dan banyak lagi.

Facilities

To facilitate examinations, NIOSH provides conducive examination halls and rooms at both NIOSH premises and external locations, enabling candidates to sit for examinations comfortably.

Workshops

In 2024, the Examination and Certification Division (ECD) conducted a series of workshops for programmes under LPKKKP and NIOSH to further strengthen operational efficiency.

These included Examination Question Development Workshop for the Construction Site Safety Supervisor, Safety and Health Officer, and Certified Medical Impairment Assessor programmes, Question Finalisation and Test Specification Table (JSU) Workshops, LPKKKP Workshops and several other programme-related workshops

Gambar Aktiviti Peperiksaan *Examination Activities Pictures*



Gambar 1 : Peperiksaan SHO
Figure 1: SHO Examination



Gambar 2 : Bengkel Penetapan Soalan dan JSU
Figure 2: Question Finalisation and JSU Workshop



Gambar 3 : Bengkel LPKKKP
Figure 3: LPKKKP Workshop





2024

LAPORAN TAHUNAN
ANNUAL REPORT

PEJABAT-PEJABAT
WILAYAH
REGIONAL OFFICES

PEJABAT-PEJABAT WILAYAH REGIONAL OFFICES

Kewujudan 5 pejabat wilayah dan 12 pejabat satelit NIOSH di seluruh negara membantu memperkukuh operasi dan strategi yang dirancang oleh pihak pengurusan ibu pejabat di Bandar Baru Bangi. Pejabat-pejabat wilayah dan satelit ini terletak di lokasi-lokasi strategic untuk memastikan NIOSH dapat menyediakan perkhidmatan yang lebih menyeluruh serta memudahkan para majikan dan pekerja untuk menyertai pelbagai program latihan yang disediakan.

Pelbagai kemudahan dan perkhidmatan yang disediakan juga membantu para pelanggan NIOSH untuk meningkatkan tahap keselamatan dan kesihatan di tempat kerja masing-masing tanpa perlu bergerak jauh serta membantu menjimatkan masa dan kos.

Pejabat-pejabat wilayah dan satelit NIOSH turut menjalankan pelbagai aktiviti sepanjang tahun 2024 termasuk latihan, khidmat rundingan, peperiksaan, aktiviti kerjasama selain daripada menerima kunjungan dan menjalankan lawatan ke premis pelanggan di wilayah masing-masing.

The network of five regional offices and twelve NIOSH satellite offices across the country plays a key role in supporting the operations and strategic direction set by the headquarters in Bandar Baru Bangi. Strategically located, these offices ensure wider access to NIOSH services and make it easier for employers and employees to participate in the wide range of training programmes offered.

They also provide convenient access to facilities and services that help organisations improve workplace safety and health without the need for extensive travel—ultimately saving time and reducing costs.

NIOSH regional and satellite offices also carried out a range of activities throughout 2024, including training programmes, consultancy services, examinations and collaborative initiatives. In addition, they received official visits and conducted outreach visits to customer premises within their respective regions.

PEJABAT WILAYAH UTARA NORTHERN REGIONAL OFFICE (NRO)

NRO PULAU PINANG (NRO-PNG) NRO PENANG (NRO-PNG)

Pelancaran Program NIOSH dan Penyerahan Pensijilan ISO *Launch of NIOSH Programmes and ISO Certification Award*

Majlis Pelancaran Program NIOSH dan Penyerahan Pensijilan ISO telah berlangsung di Hotel Iconic Pulau Pinang pada 23 Ogos 2024. Pada majlis ini tiga program pasport keselamatan telah dilancarkan iaitu:

1. NIOSH Jabil Pasport Keselamatan (NJSP).
2. NIOSH AT&S Pasport Keselamatan (NATSP).
3. NIOSH Ibiden Pasport Keselamatan (NISP).

Perasmian majlis disempurnakan oleh Menteri Sumber Manusia YB Steven Sim Chee Keong. Majlis turut dihadiri oleh Pengerusi NIOSH YB Chong Chieng Jen, Pengarah Eksekutif NIOSH Dato' Haji Ayop Salleh, Setiausaha Eksekutif NIOSH Mejar (B) Haji Hanif Maidin dan Ketua Pegawai Eksekutif NIOSH Certification Sdn Bhd Syamsul Zahrin Zainudin. Turut memeriahkan majlis adalah pengarah jabatan-jabatan dan agensi-agensi di bawah KESUMA, wakil-wakil pengurusan dari Syarikat Jabil Circuit, AT&S, Ibiden, Penang Port, USM, dan beberapa tetamu jemputan daripada industri tempatan.

The Launching Ceremony of NIOSH Programmes and ISO Certification Award Ceremony was held at the Iconic Hotel, Penang on 23 August 2024. At this event, three safety passport programmes were launched, namely:

1. NIOSH Jabil Safety Passport (NJSP).
2. NIOSH AT&S Safety Passport (NATSP).
3. NIOSH Ibiden Safety Passport (NISP).

The ceremony was officiated by the Minister of Human Resources, YB Steven Sim Chee Keong. The ceremony was also attended by NIOSH Chairman YB Chong Chieng Jen, NIOSH Executive Director Dato' Haji Ayop Salleh, NIOSH Executive Secretary Major (Rtd) Haji Hanif Maidin, and Chief Executive Officer of NIOSH Certification Sdn Bhd Syamsul Zahrin Zainudin. Also gracing the ceremony were directors of departments and agencies under KESUMA, management representatives from Jabil Circuit Company, AT&S, Ibiden, Penang Port, USM, and several invited guests from the local industries.



Gambar 1 : YB Steven Sim Chee Keong berucap di Majlis Pelancaran Program NIOSH dan Penyerahan Pensijilan ISO di Hotel Iconic, Pulau Pinang

Image 1 : YB Steven Sim Chee Keong speaking at the Launching Ceremony of NIOSH Programmes and the Award Ceremony for ISO Certification held at the Iconic Hotel, Penang



Gambar 2 : YB Steven Sim Chee Keong (tiga dari kanan), YB Chong Chieng Jen (tiga dari kiri), dan Dato' Haji Ayop Salleh (dua dari kanan) bergambar bersama-sama wakil-wakil syarikat yang akan melaksanakan program pasport keselamatan bersama NIOSH.

Image 2 : YB Steven Sim Chee Keong (third from right), YB Chong Chieng Jen (third from left), and Dato' Haji Ayop Salleh (second from right) pose for a photograph with representatives of companies that will implement the safety passport programme with NIOSH.

NRO-ALOR SETAR (NRO-AOR)

NIOSH Alor Setar telah menyertai pameran dan ceramah yang diadakan sempena program Hari KKP Jabatan Kerja Raya (JKR) Negeri Kedah di ibu pejabat agensi tersebut di Alor Setar pada 25 Julai 2024.

NIOSH Alor Setar participated in an exhibition and talk held in conjunction with the Kedah State Public Works Department (PWD) OSH Day programme, held at the agency's headquarters in Alor Setar on 25 July 2024.



Gambar 3 : Peserta mendengar ceramah yang diadakan sempena program Hari KKP yang dianjurkan oleh JKR Negeri Kedah di ibu pejabat agensi tersebut di Alor Setar.

***Image 3 :** Participants listening to a talk held in conjunction with an OSH Day programme organised by the Kedah State Public Works Department (PWD) at the agency's headquarters in Alor Setar.*

NIOSH Alor Setar turut menganjurkan Program Kesihatan Mental untuk penjawat awam negeri Perlis di Institut Latihan Perindustrian (ILP) Kangar pada 19 Dis 2024. Program tersebut diadakan bagi memberi kesedaran awal kepada penjawat awam mengenai risiko penyakit mental dan bagaimana mereka boleh membantu menanganinya di tempat kerja. Seramai 70 kakitangan awam negeri Perlis telah menyertai ceramah yang disampaikan oleh Pakar Teknikal NIOSH, Puan Siti Nurani Hassan.

NIOSH Alor Setar also organised a Mental Health Programme for Perlis state civil servants, held at the Kangar Industrial Training Institute (ILP) on 19 December 2024. The programme aimed to raise early awareness among civil servants about the risks of mental health disorders and ways to manage mental health issues in the workplace. A total of 70 state civil servants participated in the session, which was delivered by NIOSH Technical Expert, Puan Siti Nurani Hassan.



Gambar 4 : Pakar Teknikal NIOSH, Puan Siti Nurani Hassan menyampaikan ceramah di Program Kesihatan Mental untuk penjawat awam negeri Perlis yang diadakan di Institut Latihan Perindustrian (ILP) Kangar.

***Image 4 :** NIOSH Technical Expert, Puan Siti Nurani Hassan, delivers a talk on Mental Health at the Kangar Industrial Training Institute (ILP).*



Gambar 5 : Para peserta di Program Kesihatan Mental untuk penjawat awam negeri Perlis yang diadakan di Institut Latihan Perindustrian (ILP) Kangar.

***Image 5 :** Participants at the Mental Health Programme for Perlis state civil servants held at the Kangar Industrial Training Institute (ILP).*

NRO MANJUNG (NRO-MJG)

NIOSH Manjung aktif melaksanakan pelbagai program serta mengadakan lawatan ke premis pelanggan di seluruh negeri Perak bagi memperkenalkan kursus-kursus kompetensi seperti Penyelaras KKP (OSH-C), Pegawai KKP (SHO), Bekerja di Tempat Tinggi (WAH), dan lain-lain. Usaha ini juga dijalankan untuk memberi pendedahan tentang fungsi NIOSH serta berkongsi maklumat berkaitan keselamatan dan kesihatan pekerjaan (KKP) dengan majikan, pekerja dan orang ramai.

Antara lawatan yang telah diadakan adalah ke MMC Electronics dan Global Outdoors Sdn. Bhd., Chemor pada 19 Januari 2024; Ipoh Cargo Terminal di Ipoh, dan Kayutah Sdn. Bhd., Chemor pada 26 Januari 2024; CIDB Technologies Sdn. Bhd. (Cawangan Perak) di Sitiawan pada 30 Januari 2024; dan Pejabat Daerah dan Tanah Cameron Highlands pada 31 Januari 2024.

NIOSH Manjung turut melawat Boustead Naval Shipyard di Lumut, dan Hospital Seri Manjung pada 06 Februari 2024; Kamaya Electric (M) Sdn. Bhd., Hiroshima Wood Frame Sdn. Bhd., dan Tetrabuild Engineering di Chemor pada 09 Februari; serta Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM) di Taiping pada 29 Februari 2024.

Pada 01 Mac 2024, NIOSH Manjung meneruskan aktiviti lawatan kerja ke Hoong Plumbing Works Sdn. Bhd., dan Metropolitan Utilities Corporation Sdn. Bhd., di Ipoh; Isolite Insulating Firebricks Sdn. Bhd., dan Ornapaper Industry (Perak) Sdn. Bhd., pada 04 Mac 2024; dan Synergy Pipes & Parts di Chemor pada 05 Mac 2024.

NIOSH Manjung turut menyertai dua program Ceramah KKP (OSH Talk) yang diadakan di Kolej Felcra, Kampung Gajah pada 05 Mac 2024 dan juga di Politeknik Ungku Omar, Ipoh pada 02 April 2024; serta Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri Jabatan & Agensi KESUMA Negeri Perak di Ipoh pada 25 April 2024.

Pada 26 April 2024, NIOSH Manjung telah mengadakan lawatan ke Cew Sin Plastic Pipes Sdn. Bhd., dan Golden Pet Industries Sdn. Bhd., di Chemor; serta Multi Electrical Power Sdn. Bhd., di Ipoh. Pegawai NIOSH Manjung turut menyertai Sambutan Hari Sedunia KKP (World OSH Day) 2024 peringkat Negeri Perak pada 28 April 2024 dengan menyertai acara Larian KKP Perak 2024 @ HARI TAHAP RENDAH KARBON IPOH (Perak OSH RUN 2024 @ IPOH LOW CARBON DAY). Pada hari yang sama, upacara pembukaan tapak pameran di Dataran Majlis Bandar Ipoh (MBI) juga dijalankan.

NIOSH Manjung actively implemented a range of programmes across Perak, including outreach visits to customer premises throughout the state to introduce key competency courses such as OSH Coordinator (OSH-C), Safety and Health Officer (SHO) and Working at Heights (WAH), among others. These efforts also aimed to raise awareness of NIOSH's functions and to disseminate information related to OSH to employers, employees and the general public.

Several work visits were conducted as part of this initiative. Notable visits included MMC Electronics and Global Outdoors Sdn. Bhd. in Chemor on 19 January 2024; Ipoh Cargo Terminal in Ipoh and Kayutah Sdn. Bhd. in Chemor on 26 January 2024; CIDB Technologies Sdn. Bhd. (Perak Branch) in Sitiawan on 30 January 2024; and the Cameron Highlands District and Land Office on 31 January 2024.

NIOSH Manjung also visited Boustead Naval Shipyard in Lumut, and Seri Manjung Hospital on 06 February 2024; Kamaya Electric (M) Sdn. Bhd., Hiroshima Wood Frame Sdn. Bhd., and Tetrabuild Engineering in Chemor on 09 February; and the Department of Survey and Mapping Malaysia (JUPEM) in Taiping on 29 February 2024.

On 01 March 2024, NIOSH Manjung continued its working visit activities to Hoong Plumbing Works Sdn. Bhd., and Metropolitan Utilities Corporation Sdn. Bhd., in Ipoh; Isolite Insulating Firebricks Sdn. Bhd., and Ornapaper Industry (Perak) Sdn. Bhd., on 04 March 2024; and Synergy Pipes & Parts in Chemor on 05 March 2024.

NIOSH Manjung also participated in two OSH Talk programmes held at Felcra College, Kampung Gajah on 05 March 2024 and at Ungku Omar Polytechnic, Ipoh on 02 April 2024; as well as the Perak State KESUMA Department & Agency Hari Raya Aidilfitri Celebration Ceremony in Ipoh on 25 April 2024.

On 26 April 2024, NIOSH Manjung visited Cew Sin Plastic Pipes Sdn. Bhd., and Golden Pet Industries Sdn. Bhd., in Chemor; and also Multi Electrical Power Sdn. Bhd., in Ipoh. NIOSH Manjung officers also participated in the Perak State Level World OSH Day 2024 Celebration on 28 April 2024 by participating in the Perak OSH RUN 2024 @ IPOH LOW CARBON DAY event. Later in the day, The team also joined the exhibition held at Dataran MBI.



Gambar 6 : Pasukan NIOSH Manjung mengadakan lawatan kerja ke CIDB Technologies Sdn. Bhd. (Cawangan Perak) di Sitiawan.

Image 6 : NIOSH Manjung team conducted a work visit to CIDB Technologies Sdn. Bhd. (Perak Branch) in Sitiawan.



Gambar 7 : Lawatan kerja ke Boustead Naval Shipyard, Lumut.

Image 7 : Work visit to Boustead Naval Shipyard, Lumut.



Gambar 8 : Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri Jabatan & Agensi KESUMA Negeri Perak di Ipoh.

Image 8 : Hari Raya Aidilfitri Celebrated by the Perak State KESUMA Departments & Agencies in Ipoh.

Sepanjang bulan Mei, NIOSH Manjung terus mengadakan lawatan ke UEM Edgenta Mediserve Sdn. Bhd., dan Kolej Kosmopoint di Ipoh pada 03 Mei 2024; serta NIATS Minyak, Gas dan Akademi Marin bersama Kolej Perikanan Sultan Nazrin Muizzuddin Shah di Sitiawan pada 17 Mei 2024.

Sempena Karnival Kerjaya Myfuture Jobs oleh Institut Latihan Perindustrian (ILP) Ipoh pada 13 Jun 2024, pihak NIOSH Manjung telah menyertai pameran tersebut. Turut terlibat adalah agensi-agensi seperti ADTEC TAIPING, PERKESO Perak, dan Jabatan Pembangunan Kemahiran Perak.

Pasukan NIOSH Manjung seterusnya mengadakan lawatan kerja ke Institut Darul Ridzuan Perak dan Jabatan Agama Islam Perak di Ipoh pada 14 Jun 2024. Dua minggu kemudian, mereka menyertai program Cermah KKP di Depot Kenderaan Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) Lumut pada 27 Jun 2024. Seterusnya, lawatan ke Nonwoven Products Industries Sdn. Bhd., Harimatec Malaysia, dan Siraga LPG Bottling Sdn. Bhd., di Ipoh pada 28 Jun 2024.

Pada 05 Julai 2024, NIOSH Manjung mengadakan lawatan ke Yun Cheng Industries Sdn. Bhd., dan BT Engineering Sdn. Bhd., di Ipoh dan kemudiannya diikuti oleh program lawatan kerja ke Proton Tanjung Malim Sdn. Bhd., dan Aapico Avee Sdn. Bhd., di Tanjung Malim pada 10 Julai 2024. NIOSH Manjung turut mengadakan ceramah berkaitan KKP di Institut Kemahiran Mara (IKM) Lumut pada 23 Julai 2024.

Jabatan Agama Islam Perak (JAIPK) turut menjemput NIOSH Manjung untuk menyampaikan ceramah berkaitan KKP sempena sambutan Minggu Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan JAIPK pada 08 Ogos 2024. Seterusnya, diikuti dengan lawatan kerja ke Nafas Plastic Industries dan Tai Chong Marine Engineering Sdn. Bhd., di Ipoh pada 16 Ogos 2024. NIOSH Manjung sekali lagi dijemput menyampaikan ceramah berkaitan KKP di Kolej Perikanan Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Lumut pada 22 Ogos 2024.

During the month of May, NIOSH Manjung continued with visits to UEM Edgenta Mediserve Sdn. Bhd., and Cosmopoint College in Ipoh on 03 May 2024; as well as NIATS Oil, Gas and Marine Academy and Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Fisheries College in Sitiawan on 17 May 2024.

In conjunction with the Myfuture Jobs Career Carnival by the Ipoh Industrial Training Institute (ILP) on 13 June 2024, NIOSH Manjung participated in the exhibition. Also involved were agencies such as ADTEC TAIPING, Perak SOCSO, and the Perak Skills Development Department.

Next, NIOSH Manjung team conducted a working visit to the Perak Darul Ridzuan Institute and the Perak Islamic Religion Department in Ipoh on 14 June 2024. Two weeks later, they participated in an OSH Talk programme at the Lumut Royal Malaysian Navy (TLDM) Vehicle Depot on 27 June 2024. Following which, a visit to Nonwoven Products Industries Sdn. Bhd., Harimatec Malaysia, and Siraga LPG Bottling Sdn. Bhd., in Ipoh on 28 June 2024.

On 05 July 2024, NIOSH Manjung held a visit to Yun Cheng Industries Sdn. Bhd., and BT Engineering Sdn. Bhd., in Ipoh and was later followed by a work visit programme to Proton Tanjung Malim Sdn. Bhd., and Aapico Avee Sdn. Bhd., in Tanjung Malim on 10 July 2024. NIOSH Manjung also held an OSH related lecture at the Mara Skills Institute (IKM) Lumut on 23 July 2024.

The Perak Islamic Religious Department (JAIPK) also invited NIOSH Manjung to deliver a talk on OSH in conjunction with the JAIPK Occupational Safety and Health Week celebration on 08 August 2024. This was followed by a work visit to Nafas Plastic Industries and Tai Chong Marine Engineering Sdn. Bhd., in Ipoh on 16 August 2024. NIOSH Manjung was once again invited to deliver a talk on OSH at the Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Lumut Fisheries College on 22 August 2024.



Gambar 9 : Lawatan kerja ke UEM Edgenta Mediserve Sdn. Bhd., Ipoh.
Image 9 : Work visit to UEM Edgenta Mediserve Sdn. Bhd., Ipoh



Gambar 10 : Bergambar dengan kakitangan Kolej Perikanan Sultan Nazrin Muizuddin Shah, Lumut selepas tamatnya program ceramah berkaitan KKP.
Image 10 : Photograph session with staff from Sultan Nazrin Muizuddin Shah Fisheries College, Lumut after the conclusion of an OSH related lecture.



Gambar 11 dan 12 : Melayani pelawat di Karnival Kerjaya Myfuture Jobs ILP Ipoh.
Image 11 and 12 : Attending to visitors at the Myfuture Jobs Career Carnival at ILP Ipoh.



Gambar 13 : Lawatan kerja ke Tai Chong Marine Engineering Sdn. Bhd., Ipoh.
Image 13 : Work visit to Tai Chong Marine Engineering Sdn. Bhd., Ipoh.

NIOSH Manjung turut menyertai program ceramah dan membuka reruai pameran di UNIKL Mimet di Lumut pada 04 September 2024 sebelum mengadakan lawatan ke Leeden Hercules Sdn. Bhd., dan Bintang Manjung Sdn. Bhd., di Ipoh pada 09 September 2024; kemudiannya ke Perak Entrepreneur & Skills Development Centre, Ipoh pada 10 Sep 2024; seterusnya ke TF Metal Industries Sdn. Bhd., PMW Industries Sdn. Bhd., dan SEA Paper Industries Sdn. Bhd., Ipoh pada 20 Sep 2024; serta ke Politeknik Ungku Omar, Ipoh pada 25 September 2024.

Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) turut menjemput NIOSH Manjung untuk memberi ceramah berkaitan KKP sempena Bengkel Melatih Jurulatih di Sektor Informal di Pulau Pangkor pada 01 Oktober 2024.

NIOSH Manjung meneruskan program lawatan kerja ke Taitec Industries (M) Sdn. Bhd., di Chemor serta Scientex Great Wall dan Paragon Paper & Plywood Sdn. Bhd., di Ipoh pada 04 Oktober 2024. Kemudiannya, pada 21 Oktober 2024 ke MF Power Petroleum Sdn. Bhd., di Chemor serta Persatuan Kuari Perak dan Pulau Rock Industries Sdn. Bhd., di Simpang Pulai; dan akhirnya, CAO Minerals Sdn. Bhd., Lip Tack Engineering Sdn. Bhd., dan Weng Fatt Calcium Industry, di Simpang Pulai pada 25 Oktober 2024.

Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) turut menjemput NIOSH Manjung untuk membuka reruai pameran bagi program Hari Keselamatan Petugas Keretapi (Railwayman Safety Day) di Akademi KTM Batu Gajah pada 28 Oktober 2024. Manakala Harimatec Malaysia Sdn. Bhd., turut menjemput NIOSH Manjung untuk mengadakan ceramah dan pameran di premisnya di Ipoh pada tarikh yang sama.

Sementara itu, aktiviti lawatan kerja diteruskan sepanjang bulan November dan Disember 2024 bermula dengan Lip Wild Geese Group MECC, Lumut pada 08 November; Seon Lim (M) Sdn. Bhd., Wirakata Global Sdn. Bhd., dan Choo Bee Group, Ipoh pada 14 November; dan akhirnya, Satust Industries Sdn. Bhd., Pusing dan MSBB Engineering Sdn. Bhd., dan Win Smith Packaging di Ipoh pada 22 November.

Dari 02 hingga 06 Disember, NIOSH Manjung turut menyertai Karnival KKP anjuran Hotel Symphony Suites di Ipoh. Akhirnya, sebagai penutup tirai program lawatan kerja bagi tahun 2024 NIOSH Manjung menerima kunjungan delegasi KTMB pada 10 Disember.

NIOSH Manjung participated in a lecture programme and had also opened an exhibition booth at UNIKL Mimet in Lumut on 04 September 2024 before visiting Leeden Hercules Sdn. Bhd., and Bintang Manjung Sdn. Bhd., in Ipoh on 09 September 2024; after which, the team went to Perak Entrepreneur and Skills Development Centre in Ipoh on 10 Sep 2024; then off to TF Metal Industries Sdn. Bhd., PMW Industries Sdn. Bhd., and SEA Paper Industries Sdn. Bhd., in Ipoh on 20 Sep 2024; as well as to Ungku Omar Polytechnic Ipoh on 25 September 2024.

The Department of Occupational Safety and Health (DOSH) also invited NIOSH Manjung to give a talk related to OSH in conjunction with the Train the Trainers Workshop for the Informal Sector in Pangkor Island on 01 October 2024.

NIOSH Manjung continued its work visit programme to Taitec Industries (M) Sdn. Bhd., in Chemor as well as Scientex Great Wall and Paragon Paper & Plywood Sdn. Bhd., in Ipoh on 04 October 2024. Then, on 21 October 2024 to MF Power Petroleum Sdn. Bhd., in Chemor as well as Perak Quarry Association and Pulau Rock Industries Sdn. Bhd., in Simpang Pulai; and finally, CAO Minerals Sdn. Bhd., Lip Tack Engineering Sdn. Bhd., and Weng Fatt Calcium Industry, in Simpang Pulai on 25 October 2024.

Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) also invited NIOSH Manjung to open an exhibition booth for the Railwayman Safety Day programme at the KTM Academy in Batu Gajah on October 28, 2024. Meanwhile, Harimatec Malaysia Sdn. Bhd., invited NIOSH Manjung to hold a talk and exhibition at its premises in Ipoh on the same date.

Meanwhile, work visit activities continued for the months of November and December 2024 starting with Lip Wild Geese Group MECC, Lumut on 08 November; Seon Lim (M) Sdn. Bhd., Wirakata Global Sdn. Bhd., and Choo Bee Group, Ipoh on 14 November; and finally, Satust Industries Sdn. Bhd., Pusing and MSBB Engineering Sdn. Bhd., and Win Smith Packaging in Ipoh on 22 November.

From 02 to 06 December, NIOSH Manjung participated in an OSH Carnival organised by the Symphony Suites Hotel in Ipoh. Finally, to conclude its work visit programme for the year 2024, NIOSH Manjung received a visit from the KTMB delegation on 10 December.



Gambar 14 dan 15 : Lawatan ke Pusat Pembangunan Usahawan dan Kemahiran Perak (PESDC) Ipoh.

Image 14 and 15 : Visit to Perak Entrepreneur and Skills Development Centre (PESDC) Ipoh.



Gambar 16 : Ceramah berkaitan KKP di Politeknik Ungku Omar Ipoh.

Image 16 : OSH lecture at Polytechnic Ungku Omar Ipoh.



Gambar 17 dan 18 : Bergambar dengan para peserta sempena Bengkel Melatih Jurulatih dengan Sektor Informal di Pulau Pangkor.

Image 17 and 18 : Group photo session with participants from the Train-the-Trainer Workshop for the Informal Sector in Pangkor Island





Gambar 19 : Lawatan ke Persatuan Kuari Perak di Simpang Pulai.
Image 19 : Visit to Perak Quarry Association in Simpang Pulai.



Gambar 22 dan 23 : Karnival KKP di Hotel Symphony Suites Ipoh.
Image 22 and 23 : OSH Carnival in Symphony Suites Hotel Ipoh.



Gambar 20 dan 21 : Menyantuni pengunjung pameran bersempena dengan program Hari Keselamatan Petugas Kereta Api di Akademi KTM Batu Gajah.
Image 20 and 21 : Attending to visitors at the Railwayman Safety Day Exhibition in KTM Academy Batu Gajah.

PEJABAT WILAYAH SELATAN (SRO) SOUTHERN REGIONAL OFFICE (SRO)

SRO JOHOR BAHRU (SRO-JBU)

Perpindahan Pejabat SRO-JBU Location Change SRO-JBU Office

Bermula 01 Januari 2024, Pejabat NIOSH Wilayah Selatan (Johor Bahru) secara rasminya telah berpindah ke lokasi baru di Kompleks Mutiara Johor Land. Alamat penuh SRO-JBU adalah seperti berikut:

Effective 01 January 2024, NIOSH Southern Regional Office (Johor Bahru) officially moved to a new location at Mutiara Johor Land Complex. The full address of SRO-JBU is as follows:

NIOSH Pejabat Wilayah Selatan (Johor Bahru) NIOSH Southern Regional Office (Johor Bahru)

**Kompleks Mutiara Johor Land,
Jalan Bukit Mutiara, Bandar Dato Onn,
81100 Johor Bahru,
Johor Darul Takzim.**

Beroperasi di lokasi baru, SRO-JBU terus komited memberikan perkhidmatan cemerlang dalam bentuk aktiviti latihan, perundingan, khidmat nasihat teknikal, penyelidikan dan pembangunan, penyebaran maklumat serta peperiksaan dan persijilan.

Having begun operations at its new location, the Southern Regional Office – Johor Bahru (SRO-JBU) remains committed to delivering excellent services, including training activities, consultancy, technical advisory services, research and development, information dissemination, as well as examinations and certification.



Gambar 24 : Pejabat NIOSH Wilayah Selatan (Johor Bahru) secara rasminya telah berpindah ke lokasi baru di Kompleks Mutiara Johor Land.

Image 24 : NIOSH Southern Regional Office (Johor Bahru) officially moved to a new location at the Mutiara Johor Land Complex.



Gambar 25 : Pintu masuk utama Pejabat NIOSH Wilayah Selatan (Johor Bahru) di Kompleks Mutiara Johor Land.

Image 25: Main entrance of the NIOSH Southern Regional Office (Johor Bahru), located at the Mutiara Johor Land Complex.



Gambar 26 : Kakitangan Pejabat NIOSH Wilayah Selatan (Johor Bahru) sedia memberikan perkhidmatan cemerlang di lokasi baru di Kompleks Mutiara Johor Land.

Image 26 : NIOSH Southern Regional Office (Johor Bahru) staff prepared to provide excellent service from the new location at the Mutiara Johor Land Complex.

Karnival KKP 2024

OSH Carnival 2024

SRO-JBU telah menganjurkan Program Karnival KKP 2024 di Tanjong Puteri Golf and Resort, Pasir Gudang, Johor dari 13 hingga 16 November 2024. Perasmian Karnival KKP telah disempurnakan oleh En. Ismail bin Abdul Rahman selaku Pemangku Pengurus NIOSH Wilayah Selatan. Turut hadir adalah Tn. Hj. Azman bin Hussain, Ketua Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negeri Johor dan Pn. Nurzuhairah binti Jamil, Ketua Pejabat NIOSH Wilayah Selatan (Pengerang).

Terdapat pelbagai kursus dan program yang ditawarkan kepada majikan dan pekerja dari pelbagai industri termasuk sektor awam dan swasta di Johor. Seramai 565 orang peserta telah menyertai pelbagai program dan kursus yang ditawarkan sepanjang Karnival KKP ini berlangsung termasuk:

1. Kursus Kompetensi
2. Kursus Kemahiran Bukan Kompetensi.
3. Kursus Pasport Keselamatan.
4. Seminar Kesedaran Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Pindaan) 2022.
5. Majlis Hi-Tea dengan pelanggan NIOSH
6. Ceramah KKP dan lawatan pelajar dari pelbagai Institusi Pendidikan.
7. Pameran agensi dan pembekal Peralatan Pelindungan Diri (PPE).
8. Demonstrasi cara pemadaman kebakaran oleh Balai Bomba dan Penyelamat Pasir Gudang.

SRO-JBU organised the OSH Carnival 2024 Programme at Tanjong Puteri Golf and Resort, Pasir Gudang, Johor from 13 to 16 November 2024. The OSH Carnival was officiated by En. Ismail bin Abdul Rahman, Acting Manager of SRO-JBU. Also present were Tn. Hj. Azman bin Hussain, Senior Assistant Director, Johor State Department of Occupational Safety and Health and Pn. Nurzuhairah binti Jamil, Head of NIOSH Southern Regional Office (Pengerang).

Many courses and programmes were offered to employers and employees from a wide range of industries including the public and private sectors in Johor. A total of 565 participants registered for these programmes and courses, all of which were offered throughout the OSH Carnival. They are as follows:

1. Competency Course
2. Non-competency Skills Course.
3. Safety Passport Course.
4. Occupational Safety and Health Act (Amendment) Awareness Seminar 2022.
5. Hi-Tea session with NIOSH clients.
6. OSH Talk and student visits from various educational institutions.
7. Personal Protective Equipment (PPE) agency and supplier exhibition.
8. Firefighting demonstration by Pasir Gudang Fire and Rescue Station.



Gambar 27, 28, 29, 30, 31 dan 32 : Antara aktiviti-aktiviti yang dijalankan sepanjang Program Karnival KKP 2024 di Tanjung Puteri Golf and Resort, Pasir Gudang, Johor.

Images 27, 28, 29, 30, 31 and 32 : Activities during the OSH Carnival 2024 at Tanjung Puteri Golf and Resort, Pasir Gudang, Johor.

Pameran Keselamatan and Kesihatan Pekerjaan untuk Asia Ke 14

The 14th Occupational Safety and Health Exhibition for Asia

Pejabat NIOSH Wilayah Selatan (Johor Bahru) telah menerima jemputan daripada Messe Dusseldorf Asia Pte Ltd Singapura bagi menyertai Pameran Keselamatan and Kesihatan Pekerjaan untuk Asia Ke 14 dari 11 hingga 13 September 2024 di Marina Bay Sands, Singapura. Pihak NIOSH diberi peluang secara eksklusif untuk beberapa perkara berikut:

1. Penceramah untuk sidang pleno (plenary session) yang bertajuk OSH Capacity Building Across Malaysia yang disampaikan oleh Pn. Nor Liza Sadrek, Pengurus Wilayah Selatan NIOSH Certification Sdn. Bhd.
2. Sesi Jaringan bersama pihak MDA dan Dinas Tenaga Kerja & Transmigrasi KEPRI, Riau, Indonesia.
3. Pihak NIOSH juga diberi peluang membawa 66 orang anggota delegasi dari Malaysia yang terdiri daripada pelbagai wakil jabatan dan agensi Kerajaan serta ahli industri untuk menyertai persidangan tersebut.

NIOSH Southern Regional Office (Johor Bahru) received an invitation from Messe Dusseldorf Asia Pte Ltd Singapore to participate in the 14th Occupational Safety and Health Exhibition for Asia from 11 to 13 September 2024 at Marina Bay Sands, Singapore. NIOSH was given exclusive privileges for the following items:

1. *Speaker for the plenary session titled "OSH Capacity Building Across Malaysia", delivered by Puan Nor Liza Sadrek, Southern Regional Manager of NIOSHCert.*
2. *Networking session with MDA and the KEPRI Manpower & Transmigration Department, Riau, Indonesia.*
3. *NIOSH was given the opportunity to bring a 66 member delegation from Malaysia consisting of various representatives from government departments and agencies as well as industry guests to participate in the conference.*





Gambar 33, 34, 35 dan 36 : Aktiviti yang melibatkan wakil NIOSH di The 14th Occupational Safety + Health Exhibition for Asia dari 11 hingga 13 September 2024 di Marina Bay Sands, Singapura.

Images 33, 34, 35, and 36 : NIOSH representatives participating in The 14th Occupational Safety + Health Exhibition for Asia from 11 to 13 September 2024 at Marina Bay Sands, Singapore.

SRO MELAKA (SRO-MLK)

Karnival OSH Siri 0.7 OSH Carnival Series 0.7

SRO Melaka telah menganjurkan program Karnival OSH Siri 0.7 dari 22 hingga 25 November 2024 di PD Golf and Country Club Resort, Port Dickson, Negeri Sembilan. Perasmian karnival telah disempurnakan oleh En. Ismail bin Abdul Rahman selaku Pemangku Pengurus NIOSH Wilayah Selatan. Turut hadir adalah Tn. Ts. Abdullah Monsi bin Ahmad Sarbini, Ketua Pejabat SRO-MLK, Tn. Hj. Mohd Rosman bin Mohd Khalid, Pegawai Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negeri Sembilan, dan Pn. Norazlinda binti Alwi, Eksekutif Latihan, Pejabat NIOSH Wilayah Selatan (Melaka).

Terdapat pelbagai kursus dan program yang ditawarkan kepada majikan, pekerja dan peserta dari sector awam dan swasta. Seramai 526 peserta dari pelbagai industri di Negeri Sembilan, Melaka dan Selangor menyertai karnival tersebut dan program-program yang ditawarkan adalah seperti berikut:

1. Kursus Kompetensi
2. Kursus Kemahiran Bukan Kompetensi
3. Kursus Passport Keselamatan
4. Seminar Kesedaran Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Pindaan) 2022
5. Majlis Hi Tea dengan pelanggan NIOSH
6. Ceramah KKP dan lawatan pelajar daripada Institusi Pendidikan
7. Pameran agensi dan pembekal Peralatan Pelindungan Diri (PPE)
8. Demonstrasi Kursus Bekerja Selamat di Tempat Tinggi (WSH) kepada pelajar IPTA.

SRO Melaka organised the OSH Carnival Series 0.7 from 22 to 25 November 2024 at PD Golf and Country Club Resort, Port Dickson, Negeri Sembilan. The carnival was officiated by En. Ismail bin Abdul Rahman, Acting Manager of SRO. Also present were Tn. Ts. Abdullah Monsi bin Ahmad Sarbini, Head of SRO-MLK Office, Tn. Hj. Mohd Rosman bin Mohd Khalid, Officer of the Negeri Sembilan Occupational Safety and Health Department, and Pn. Norazlinda binti Alwi, Training Executive, NIOSH Southern Region Office (Melaka).

There are several courses and programmes offered to employers, employees and participants from the public and private sectors. A total of 526 participants from various industries in Negeri Sembilan, Melaka and Selangor participated in the carnival and programmes listed below:

1. Competency Course
2. Non-competency Skills Course.
3. Safety Passport Course.
4. Occupational Safety and Health Act (Amendment) 2022 Awareness Seminar.
5. Hi-Tea session with NIOSH clients.
6. OSH Talk and student visits from various educational institutions.
7. Personal Protective Equipment (PPE) agency and supplier exhibition.
8. Demonstration on Working Safely at Heights (WSH) Course to IPTA students.



Gambar 37, 38, 39 dan 40 : Aktiviti-aktiviti yang dijalankan sempena Program Karnival OSH Siri 0.7 dari 22 hingga 25 November 2024 di PD Golf and Country Club Resort, Port Dickson.

Images 37, 38, 39 and 40 : Various activities held in conjunction with the OSH Carnival Series 0.7 from 22 to 25 November 2024 at the PD Golf and Country Club Resort, Port Dickson.

PEJABAT WILAYAH PANTAI TIMUR EAST COAST REGIONAL OFFICE (ECRO)

NIOSH Wilayah Pantai Timur (ECRO) memainkan peranan yang amat penting dalam meningkatkan tahap keselamatan dan kesihatan pekerjaan (KKP) terutamanya di Terengganu, Kelantan dan Pahang. Pencapaian baik NIOSH di wilayah ini dapat dilihat melalui pelbagai inisiatif dan program yang telah dilaksanakan untuk memperkasakan sektor industri serta masyarakat setempat di wilayah tersebut.

Antara pencapaian utama ECRO termasuklah peningkatan kesedaran tentang KKP melalui latihan dan seminar, khidmat rundingan kepada industri-industri tempatan, serta kerjasama erat dengan agensi kerajaan dan swasta. ECRO juga berjaya mewujudkan jaringan perhubungan yang kukuh dengan pelbagai sektor industri untuk memperkenalkan amalan terbaik KKP.

NIOSH East Coast Regional Office (ECRO) plays a vital role in improving the level of OSH practices especially in Terengganu, Kelantan and Pahang. Its strong achievements in this region are reflected through the successful implementation of numerous initiatives and programmes aimed at empowering the industrial sector and local communities.

Among ECRO's key achievements is its success in raising awareness of OSH through training programmes, seminars, and consultancy services for local industries. The office has also fostered strong collaboration with both government and private agencies. In addition, ECRO has successfully established a robust network across various industry sectors to promote and introduce OSH best practices.

ECRO –KERTEH (ECRO-KTH)

Misi Bantuan Banjir KESUMA KESUMA Flood Relief Mission Selaras dengan inisiatif Kementerian Sumber Manusia (KESUMA) untuk membantu mangsa-mangsa banjir di seluruh negara, ECRO-KTH turut serta menjayakan Misi Bantuan Banjir KESUMA di Terengganu.

Pada 10 Disember 2024, kakitangan ECRO-KTH bergabung tenaga dengan sukarelawan Misi Bantuan Banjir KESUMA Terengganu untuk memberikan bantuan teknikal pasca banjir di Taman Desa Tanjung Damai di Kuala Nerus, termasuk membaik pulih peralatan elektrik dan elektronik seperti peti sejuk, mesin basuh dan televisyen.

Pada 16 Disember 2024 pula, kakitangan ECRO-KTH turut menyertai Program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) Pasca Banjir Skuad Ihsan Madani Wira KESUMA dengan Kerjasama Bank Islam yang diadakan di Masjid At-Taqwa, Kampung Pasir Dula, Kuala Berang.

Program tersebut diselaraskan oleh Institut Latihan Perindustrian (ILP) Kuala Terengganu dengan penglibatan kakitangan agensi-agensi KESUMA di Terengganu dan Pahang iaitu – Pusat Latihan Teknologi Lanjutan (ADTEC) Kemaman, ILP Marang, ILP Kuantan, Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia, HRD Corp, NIOSH, Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP), Jabatan Pembangunan Kemahiran Wilayah Timur dan Jabatan Hal Ehwal Kesatuan Sekerja Malaysia (JHEKS).

Misi bantuan banjir ini melibatkan lebih 150 orang peserta daripada KESUMA Negeri Terengganu tersebut dan turut disertai oleh Exco Pembangunan Belia, Sukan dan Badan Bukan Kerajaan YB Hishamuddin Bin Abdul Karim serta pengarah-pengarah jabatan di bawah KESUMA Negeri Terengganu.

In support of the Ministry of Human Resources (KESUMA) initiative to assist flood victims nationwide, ECRO-KTH participated in the Flood Relief Mission in Terengganu organised by KESUMA, contributing to a successful humanitarian effort.

On 10 December 2024, ECRO-KTH staff joined forces with volunteers from the KESUMA Terengganu Flood Relief Mission to provide post-flood technical assistance at Taman Desa Tanjung Damai in Kuala Nerus. Their efforts included repairing electrical and electronic equipment such as refrigerators, washing machines, and televisions.

On December 16, 2024 ECRO-KTH staff likewise participated in the Post-Flood Corporate Social Responsibility (CSR) Programme of the Ihsan Madani Wira KESUMA Squad in collaboration with Bank Islam. The programme was held at the At-Taqwa Mosque, Kampung Pasir Dula, Kuala Berang.

Coordinating the programme was the Kuala Terengganu Industrial Training Institute (ILP) and staff from KESUMA agencies in Terengganu and Pahang, namely - Advanced Technology Training Centre (ADTEC) Kemaman, ILP Marang, ILP Kuantan, Department of Manpower Peninsular Malaysia, HRD Corp, NIOSH, Department of Occupational Safety and Health (DOSH), Department of Skills Development Eastern Region, and Department of Trade Union Affairs Malaysia (JHEKS).

The flood relief mission involved more than 150 participants from the Terengganu State KESUMA and the Youth, Sports and Non-Governmental Organisation Development Exco, YB Hishamuddin Bin Abdul Karim, as well as directors of departments under the Terengganu State KESUMA.



Gambar 41 : Wakil KESUMA yang turut hadir bagi program Pasukan Misi Bantuan Banjir KESUMA Terengganu.

Image 41 : KESUMA representatives participating in the KESUMA Terengganu Flood Relief Mission Team programme.



Gambar 42 : Para petugas Wira KESUMA sedang membaiki pulih motosikal milik mangsa banjir.

Image 42 : Wira KESUMA volunteers repairing a motorcycle belonging to a flood victim.



Gambar 43 : Para petugas Wira KESUMA bekerjasama membaiki pulih peralatan elektrik dan elektronik seperti peti sejuk, mesin basuh dan televisyen.

Image 43 : Wira KESUMA officers work together to repair electrical and electronic appliances such as refrigerators, washing machines, and televisions.

ECRO – KUANTAN (ECRO-KTN)

Lawatan Timbalan Ketua Pengarah JKKP dan Agensi-agensi KESUMA

Visit by the Deputy Director General of DOSH and KESUMA Agencies

Pasukan ECRO-KTN turut menyertai program lawatan Timbalan Ketua Pengarah JKKP Malaysia bersama agensi-agensi dibawah KESUMA ke Tapak Pembinaan CCC ECRL pada 19 Julai 2024.

The ECRO-KTN team participated in a the visit of the Deputy Director General of DOSH Malaysia along with agencies under KESUMA to the ECRL CCC Construction Site on 19 July 2024.



Gambar 44 dan 45 :

Pasukan ECRO-KTN turut serta dalam program lawatan ke Tapak Pembinaan CCC ECRL.

Images 44 and 45:

ECRO-KTN team participated in the visit to the ECRL CCC Construction Site.

Karnival Jelajah Madani *Madani Exploration Carnival*

Timbalan Menteri Sumber Manusia YB Dato' Sri Abdul Rahman bin Mohamad merasmikan program Karnival Jelajah MADANI yang berlangsung di Kuala Lipis, Pahang pada 25 dan 26 Okt 2024. Program ini dilaksanakan untuk memperkenalkan semua agensi di bawah KESUMA kepada penduduk di Pahang dan Kelantan. Kesemua wakil agensi KESUMA bergerak menyantuni rakyat bersama Timbalan Menteri menaiki keretapi dari Kuala Lipis ke Tumpat, Kelantan.

Deputy Minister of Human Resources YB Dato' Sri Abdul Rahman bin Mohamad officiated the MADANI Exploration Carnival which took place in Kuala Lipis, Pahang on 25 and 26 Oct 2024. This programme was implemented to introduce all agencies under KESUMA to the residents of Pahang and Kelantan. All KESUMA agency representatives traveled to meet the people with the Deputy Minister by train from Kuala Lipis to Tumpat, Kelantan.



Gambar 46 dan 47 :

Wakil agensi KESUMA termasuk dari ECRO-KTN menaiki keretapi dari Kuala Lipis ke Tumpat, Kelantan.

Images 46 and 47:

Representatives from KESUMA agencies including those from ECRO-KTN board the train from Kuala Lipis to Tumpat, Kelantan.

ECRO KOTA BHARU (ECRO-KBH)

Lawatan Hormat ke Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Pengkalan Chepa *Courtesy Visit to Pengkalan Chepa Fire and Rescue Department (JBPM)*

Delegasi ECRO-KTN telah mengadakan lawatan hormat ke balai Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) di Pengkalan Chepa pada 08 Jan 2024. Lawatan tersebut diketuai oleh Ketua Pejabat ECRO-KBH Encik Mohd Norzaide bin Ahmad Nordin dan disertai oleh pegawai latihan Bahagian Kompetensi Perundangan dan Kemahiran ECRO-KBH, Encik Zaki bin Zain. Lawatan ini disambut oleh Ketua Balai JBPM Pengkalan Chepa, TPgB II (KUP) Alam Nasut Binti Haji Ilias serta pegawai dan kakitangan beliau. Tujuan lawatan ini adalah bagi mengeratkan silaturahmi dan mengadakan perbincangan mengenai peluang kerjasama di antara NIOSH dan JBPM Pengkalan Chepa.

ECRO-KTN delegation organised a courtesy visit to the Malaysian Fire and Rescue Department (JBPM) station in Pengkalan Chepa on 08 Jan 2024. The visit was led by the Head of the ECRO-KBH Office, En. Mohd Norzaide bin Ahmad Nordin. He was accompanied by ECRO-KBH Regulatory Competency and Skills Training Department Officer, En. Zaki bin Zain. The visit was welcomed by the Head of the Pengkalan Chepa JBPM Station, TPgB II (KUP) Alam Nasut Binti Haji Ilias along with her officers and staff. The purpose of the visit was to strengthen partnerships and explore opportunities for future collaboration between NIOSH and JBPM Pengkalan Chepa.



Gambar 48 :

Ketua Pejabat ECRO-KBH Encik Mohd Norzaide bin Ahmad Nordin menandatangani buku pelawat sambil disaksikan oleh Ketua Balai JBPM Pengkalan Chepa, TPgB II (KUP) Alam Nasut Binti Haji Ilias.

Image 48 :

Head of the ECRO-KBH Office En. Mohd Norzaide bin Ahmad Nordin signing the guest book while being witnessed by the Head of the Pengkalan Chepa JBPM Station, TPgB II (KUP) Alam Nasut Binti Haji Ilias.

Sambutan Hari Raya ECRO-KBH ECRO-KBH Hari Raya Celebration

Sempena Bulan Syawal, warga ECRO-KBH telah menganjurkan Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri di Hotel Perdana Kota Bharu pada 30 April 2024 yang dihadiri oleh lebih 140 pelanggan daripada pelbagai agensi awam dan swasta dari iaitu rakan strategik NIOSH di Negeri Kelantan. Majlis diserikan dengan kehadiran Setiausaha Eksekutif NIOSH, Mejar (B) Tuan Haji Haniff bin Maidin; Ahli Lembaga Pengarah NIOSH, Dr. Sharudin Shari; dan Pengurus Besar Latihan NIOSH, Encik Saupi Nazri bin Mamat. Majlis diadakan untuk meraikan pelanggan-pelanggan NIOSH serta menzahirkan tanda kesyukuran sempena Hari Raya Aidilfitri.

In conjunction with the Syawal Month, ECRO-KBH staff organised a Hari Raya Aidilfitri Celebration Ceremony at Hotel Perdana Kota Bharu on 30 April 2024 which was attended by more than 140 customers from various public and private agencies that are NIOSH strategic partners in Kelantan. The ceremony was graced by the presence of NIOSH Executive Secretary, Major (Rtd) Tuan Haji Haniff bin Maidin; NIOSH Board of Directors Member, Dr. Sharudin Shari; and NIOSH Training General Manager, Encik Saupi Nazri bin Mamat. The ceremony was held to celebrate NIOSH customers and express gratitude in conjunction with Hari Raya Aidilfitri.



Gambar 49 dan 50 : Sambutan Hari Raya Aidilfitri di Hotel Perdana Kota Bharu

Images 49 and 50 : Hari Raya Aidilfitri Celebration at Hotel Perdana Kota Bharu

Lawatan Naib Pengerusi NIOSH ke ECRO-KBH NIOSH Vice Chairman's visit to ECRO-KBH

Naib Pengerusi NIOSH, Tn. Manivanan Gowin bersama pegawai-pegawai dari ibu pejabat telah melakukan lawatan kerja rasmi ke ECRO-KBH pada 02 Mei 2024. Lawatan dibuat bagi meninjau operasi dan kemudahan di ECRO-KBH serta beramah mesra dengan kakitangan di cawangan tersebut. Tn. Manivanan turut memberikan pelbagai cadangan untuk penambahbaikan ECRO-KBH selain memberikan kata-kata semangat bagi meneruskan perkhidmatan cemerlang NIOSH di pantai timur.

On 2 May 2024, the Vice Chairman of NIOSH, Tn. Manivanan Gowin, together with officers from the headquarters, conducted an official working visit to the East Coast Regional Office – Kota Bharu (ECRO-KBH). The visit aimed to assess the office's operations and facilities, while also providing an opportunity to engage directly with staff at the branch. During the visit, Tn. Manivanan shared constructive suggestions to further enhance the performance and service delivery of ECRO-KBH. He also offered words of encouragement, reaffirming the importance of upholding NIOSH's commitment to excellence in serving the East Coast region.



Gambar 51, 52 dan 53 : Tn. Manivanan Gowin berbincang dan bergambar bersama kakitangan ECRO-KBH.

Images 51, 52 and 53 : Tn. Manivanan Gowin having discussions and posing with ECRO-KBH staff.

Sambutan Hari Raya Aidilfitri MADANI 2024 Celebrating Hari Raya Aidilfitri MADANI 2024

Pada hari yang sama 2 Mei 2024, Tn. Manivanan turut menghadiri Jamuan Hari Raya Aidilfitri MADANI 2024 yang dirasmikan oleh Perdana Menteri Dato' Seri Anwar bin Ibrahim. Program yang diadakan di Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC), Bandar Baru Tunjong Kota Bharu itu turut dihadiri Menteri Besar Kelantan, Jemaah Menteri dan Pegawai Tinggi kerajaan bersama lebih 15,000 pengunjung dari seluruh negeri Kelantan. Kakitangan Pejabat ECRO-KBH turut mengiringi Timbalan Pengerusi NIOSH ke program tersebut.

On the same day 02 May 2024, Tn. Manivanan attended the MADANI 2024 Hari Raya Aidilfitri Banquet which was officiated by Prime Minister Dato' Seri Anwar bin Ibrahim. The programme which was held at the Rural Transformation Centre (RTC), Bandar Baru Tunjong Kota Bharu, was attended by the Kelantan Menteri Besar, the Cabinet, and Senior Government Officials along with more than 15,000 visitors from all across Kelantan. ECRO-KBH Office staff accompanied the Deputy Chairman of NIOSH to the programme.



Gambar 54 dan 55 : Jamuan Hari Raya Aidilfitri MADANI 2024 di RTC Bandar Baru Tunjong, Kota Bharu.

Images 54 and 55 : MADANI Aidilfitri 2024 Banquet at RTC Bandar Baru Tunjong, Kota Bharu.

Sambutan Hari Kemerdekaan sepanjang Bulan Kemerdekaan Independence Day Celebrations

Warga ECRO-KBH tidak melepaskan peluang meraikan sambutan Bulan Kemerdekaan dengan mengibarkan Jalur Gemilang di premisnya sebagai tanda taat setia kepada raja dan negara. Inisiatif mengibarkan bendera Malaysia di premis dan kenderaan rasmi NIOSH merupakan acara tahunan bagi menghayati semangat patriotisme, selaras dengan tema Sambutan Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia 2024 iaitu "Malaysia MADANI: Jiwa Merdeka."

ECRO-KBH staff embraced the opportunity to celebrate Independence Month by proudly flying the Jalur Gemilang at the premises, symbolising their loyalty to the King and country. This annual initiative—to display the Malaysian flag at NIOSH premises and on official vehicles—aims to ignite the spirit of patriotism among staff and the wider community. It also aligns with the theme of the 2024 National Day and Malaysia Day celebrations: "Malaysia MADANI: Jiwa Merdeka."



Gambar 56 : Jalur Gemilang dipasang di premis ECRO-KBH sepanjang Sambutan Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia 2024.

Image 56 : Jalur Gemilang is placed at the ECRO-KBH premises throughout National Day and Malaysia Day 2024 celebrations.

Ceramah Minggu KKP OSK Week Lectures

Pejabat ECRO-KBH telah dijemput oleh NAZA Engineering untuk bersama-sama dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dan Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) Kelantan untuk menyaksikan majlis perasmian dan kesyukuran sempena kejayaan NAZA Engineering mencatatkan kejayaan 1,000,000 jam bekerja tanpa kemalangan bagi pembinaan Lebuh raya Lingkaran Tengah Pakej 2C Seksyen 2C. Ketua Pejabat ECRO-KBH En. Mohd Norzaide bin Ahmad Nordin turut menyampaikan ceramah berkenaan kepentingan keselamatan dan kesihatan pekerjaan ketika program diadakan pada 10 Julai 2024 di Gua Musang.

ECRO-KBH office was invited by NAZA Engineering to join the Construction Industry Development Board of Malaysia (CIDB) and the Kelantan Department of Occupational Safety and Health (DOSH) to witness the opening and thanksgiving ceremony in conjunction of NAZA Engineering success in recording 1,000,000 accident-free working hours for the construction of the Lebuh raya Lingkaran Tengah (Central Ring Road), Package 2C Section 2C. The Head of the ECRO-KBH Office, En. Mohd Norzaide bin Ahmad Nordin delivered a talk on the importance of occupational safety and health during the programme on 10 July 2024 in Gua Musang.



Gambar 57, 58 dan 59 : Majlis perasmian dan kesyukuran sempena kejayaan NAZA Engineering mencatatkan kejayaan 1,000,000 jam bekerja tanpa kemalangan.

Images 57, 58 and 59: The inauguration and thanksgiving ceremony in conjunction with NAZA Engineering success in recording 1,000,000 hours of work free of accidents.

Skuad Ihsan MADANI KESUMA MADANI KESUMA Ihsan Squad

Bagi membantu mangsa-mangsa banjir, pasukan ECRO-KBH turut membantu Skuad Ihsan MADANI KESUMA yang menjalankan operasi di Negeri Kelantan pada 11 Disember 2024. Bertempat di Dewan Orang Ramai Taman Sri Bayu Tumpat, program tersebut dilaksanakan oleh agensi-agensi di bawah KESUMA dengan kerjasama Jabatan Belia dan Sukan, Angkatan Tentera Malaysia, pertubuhan bukan kerajaan serta syarikat swasta. ECRO-KBH mendapat tajaan YAYA Empire dan turut dihadiri beberapa artis tempatan. Antara aktiviti yang dijalankan termasuk membersihkan rumah penduduk, membuang sampah sarap, membaiki peralatan elektrik secara percuma, menukar minyak hitam secara percuma untuk 500 biji motorsikal serta pemberian bantuan bakul makanan.

To assist flood victims, the ECRO-KBH team joined the KESUMA MADANI Charity Squad which carried out operations in Kelantan on 11 December 2024. Located at Taman Sri Bayu Tumpat Public Hall, the programme was implemented by agencies under KESUMA in collaboration with the Youth and Sports Department, the Malaysian Armed Forces, non-governmental organisations and private companies. ECRO-KBH was sponsored by YAYA Empire and was also attended by several local artists. Among the activities carried out included cleaning residents' houses, disposing of garbage, repairing electrical appliances for free, changing black oil for free for 500 motorcycles and providing food baskets.



Gambar 60, 61 dan 62 : Pasukan ECRO-KBH turut membantu Skuad Ihsan MADANI KESUMA yang menjalankan operasi bantuan di Negeri Kelantan.

Images 60, 61 and 62 : The ECRO-KBH team assisted the MADANI KESUMA Charity Squad which carried out relief operations in the State of Kelantan.

Karnival Kerjaya MyFuture Jobs Oghe Kelate 2024 MyFuture Jobs "Oghe Kelate" Career Carnival 2024

Menerusi kerjasama dengan PERKESO dan agensi-agensi KESUMA negeri Kelantan, ECRO-KBH terlibat sebagai rakan kolaborasi bagi menjayakan program Karnival Kerjaya **MyfutureJOBS** Oghe Kelate di Dewan Dato' Ariffin, ibu pejabat Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan (KESEDAR) di Gua Musang pada 09 dan 10 November 2024. Program dua hari tersebut menarik minat pelbagai majikan yang menawarkan ribuan peluang pekerjaan kepada warga Kelantan, secara khususnya warga Gua Musang. Program ini dirasmikan oleh Timbalan Menteri KESUMA Yang Berhormat Dato Sri Haji Abdul Rahman bin Haji Mohamad Turut dihadiri Ketua Pengarah JKKP Malaysia yang juga Ahli Lembaga Pengarah NIOSH, Tn. Ir Haji Mohd Hatta bin Zakaria.

By way of collaboration with SOCSO and Kelantan state KESUMA agencies, ECRO-KBH is involved as a collaboration partner to make MyfutureJOBS Oghe Kelate Career Carnival programme a success at the Dato' Ariffin Hall, headquarters of South Kelantan Development Authority (KESEDAR) in Gua Musang on 09 and 10 November 2024. The two-day programme attracted the interest of various employers who offered thousands of job opportunities to Kelantan residents, in particular those from Gua Musang. The programme was officiated by the Deputy Minister of KESUMA Yang Berhormat Dato Sri Haji Abdul Rahman bin Haji Mohamad and was also attended by the Director General of DOSH Malaysia who is also a member of the Board of Directors of NIOSH, Tn. Ir Haji Mohd Hatta bin Zakaria.



Gambar 63, 64 dan 65 : Aktiviti yang dijalankan di Karnival Kerjaya MyFuture Jobs Oghe Kelate 2024.

Images 63, 64 and 65 : Activities carried out at MyFuture Jobs "Oghe Kelate" Career Carnival 2024.

PEJABAT WILAYAH SABAH SABAH REGIONAL OFFICE (SBRO)

PROGRAM BENGKEL MOAI DAN KOLABORASI JERAYAWARA ANTARA ERICSSON DAN NIOSH. *Moai Workshop and Roadshow Collaboration Programme between Ericsson and NIOSH.*

Program Bengkel Moai dan Kolaborasi Jerayawara antara Ericsson dan NIOSH diadakan pada 29 Februari 2024. Objektif utama program adalah untuk memperkasa pengetahuan, kemahiran dan kesedaran mengenai keselamatan dalam kalangan pekerja ketika bekerja di tempat tinggi. Program ini juga bertujuan meningkatkan kesedaran terhadap risiko dan bahaya bekerja di tempat tinggi serta membina budaya keselamatan yang baik di tempat kerja. Program ini juga membantu melatih peserta menggunakan peralatan keselamatan seperti abah-abah, tali penyelamat dan sistem perlindungan jatuh dengan betul. Mereka juga diajar untuk memastikan peralatan diperiksa dan disenggara mengikut piawaian yang ditetapkan.

Di samping itu, peserta turut didedahkan kepada undang-undang dan peraturan keselamatan pekerjaan yang berkaitan termasuk Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (AKKP). Latihan kemahiran praktikal turut diberi penekanan termasuk teknik pendakian, operasi menyelamat dan pengurusan kecemasan. Program ini juga membantu memupuk kerjasama dan komunikasi yang berkesan dalam kalangan peserta bagi memastikan keselamatan semua pihak semasa operasi. Para peserta juga dilatih untuk menghadapi situasi kecemasan seperti menyelamatkan pekerja yang terperangkap atau jatuh dari tempat tinggi.

The MOAI Workshop and Roadshow programme is a collaborative effort between Ericsson and NIOSH. It was held on 29 February 2024. The main objective is to strengthen knowledge, skills and awareness of safety among workers when working at height. It aims to increase awareness of risks and dangers of working at height and build a good safety culture in the workplace. The programme helps train participants in the correct use of safety equipment such as harnesses, lifelines, and fall protection systems. They are taught to ensure that equipment is inspected and maintained according to set standards.

Furthermore, participants were exposed to relevant occupational safety laws and regulations including the Occupational Safety and Health Act (OSHA). Practical skills training was emphasised for example climbing techniques, rescue operations and emergency management. This programme also helped foster effective cooperation and communication among participants to ensure safety of all parties during operations. Participants were trained to deal with emergency situations such as rescuing workers who are trapped or have fallen from heights.



Gambar 66 dan 67 : Peserta Program Bengkel Moai dan Kolaborasi Jerayawara antara Ericsson dan NIOSH.
Images 66 and 67: Participants of the Moai Workshop and Roadshow Collaboration Programme between Ericsson and NIOSH.

Hari Keluarga NIOSH dan NIOSHCert Wilayah Sabah 2024

NIOSH Family Day and NIOSHCert Sabah 2024

Program Hari Keluarga NIOSH (NFD) SBRO 2024 berlangsung dari 05 hingga 07 Julai 2024 di Shangri-La Tanjung Aru Resort. Objektif utama program adalah untuk memperkukuhkan hubungan kekeluargaan serta mengeratkan jalinan silaturahim dalam kalangan peserta. Program ini dilaksanakan dalam suasana santai dan menyeronokkan bagi mempererat keakraban antara ahli keluarga dan rakan sekerja, di samping membina semangat kerjasama melalui aktiviti berkumpulan.

Selain mencipta kenangan manis bersama, NFD SBRO turut menggalakkan gaya hidup sihat melalui aktiviti fizikal serta menyediakan ruang komunikasi terbuka antara peserta. Ia juga menjadi pengantara penghargaan atas sumbangan dan sokongan ahli keluarga serta warga organisasi. Secara keseluruhan, program ini dapat meningkatkan moral, motivasi dan kesejahteraan emosi peserta melalui masa berkualiti yang dinikmati bersama keluarga tersayang.

NIOSH Family Day (NFD) SBRO 2024 programme took place from 05 to 07 July 2024 at Shangri-La Tanjung Aru Resort. The main objective of the programme was to strengthen family ties and foster fellowship among participants. The programme was conducted in a relaxed and fun atmosphere to strengthen closeness between family members and colleagues, as well as build a spirit of cooperation through group activities.

Apart from creating sweet memories together, NFD SBRO also promoted a healthy lifestyle through physical activities and provided an open communication space between participants. It also served as a medium of appreciation for the contributions and support of family members and members of the organisation. Overall, the programme improved the morale, motivation, and emotional well-being of participants through quality time enjoyed with their beloved family.



Gambar 68 : Warga NIOSH dan ahli keluarga mereka menggayakan pakaian tradisional Sabah ketika Majlis Makan Malam program NFD –SBRO.

Image 68 : NIOSH staff and their family members donning traditional Sabah costumes during the NFD-SBRO dinner programme.



Gambar 69 : Warga NIOSH dan ahli keluarga mereka bergambar sempena Karnival Sukan NFD-SBRO.

Image 69 : NIOSH staff and their family members pose for a photo in conjunction with NFD-SBRO Sports Carnival.

KARNIVAL KKP SBRO 2024

OSH CARNIVAL SBRO 2024

Program Karnival Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan telah berlangsung buat kali pertama di KAKA Motel & Rest House, Sipitang dari 27 hingga 29 November 2024. Karnival ini bertujuan meningkatkan kesedaran keselamatan dan kesihatan pekerjaan (KKP) melalui pelbagai aktiviti seperti latihan, seminar, ceramah KKP, demonstrasi bekerja secara selamat di tempat tinggi dan pameran KKP.

Antara kursus yang ditawarkan ialah AESP-R (Refresher) dan NIOSH OGSP, manakala seminar CSR bertajuk "Kesedaran Akta KKP (Pindaan) 2022" mendapat penyertaan industri dari Sipitang, Beaufort, Kimanis dan Kota Kinabalu. Ceramah bertemakan keselamatan bekerja di tempat tinggi diberikan kepada syarikat tempatan seperti Turcomp dan Salico.

Pameran keselamatan pula disokong oleh agensi-agensi di bawah KESUMA seperti JKKP, PERKESO dan HRDC. Ianya turut disertai oleh wakil industri, pelajar IPT dan agensi-agensi kerajaan yang berdekatan. Seramai 232 peserta daripada pelbagai latar belakang menyertai karnival ini dan mendapat manfaat daripada program yang disediakan.

The Occupational Safety and Health Carnival programme was held for the first time at KAKA Motel & Rest House, Sipitang from 27 to 29 November 2024. The carnival aimed to increase awareness of occupational safety and health (OSH) through various activities such as training, seminars, OSH talks, demonstrations of working safely at heights, and OSH exhibitions.

Among the courses offered were AESP-R (Refresher) and NIOSH OGSP, while the CSR seminar titled "Awareness of the OSH Act (Amendment) 2022" received industry participation from Sipitang, Beaufort, Kimanis and Kota Kinabalu. Talks on the theme work safely at height were given to local companies such as Turcomp and Salico.

The safety exhibition was supported by agencies under KESUMA namely, DOSH, SOCSO and HRDC. It was also attended by industry representatives, IPT students, and nearby government agencies. A total of 232 participants from various backgrounds participated in this carnival and benefited from the programmes offered.



Gambar 70 : Para peserta menyaksikan demonstrasi bekerja dengan selamat di tempat tinggi.

Image 70 : Participants witnessed a demonstration of working safely at height.

SBRO-Tawau (SBRO-TWU)

OSH CARNIVAL SBRO-TWU 2024

Karnival Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP) telah diadakan buat pertama kalinya di Daerah Tawau, bertempat di Shan Shui Golf & Country Resort, Tawau dari 02 hingga 04 Disember 2024. Pelbagai aktiviti telah dilaksanakan oleh NIOSH seperti latihan, seminar, ceramah KKP, pameran serta demonstrasi bekerja selamat di tempat tinggi dan bekerja selamat dalam ruang terkurung.

Antara pengisian utama karnival termasuk Seminar CSR OSHA 2022, Kursus Penyelaras KKP, Program Keselamatan Pengangkutan Nasional (NTSP), sesi Ceramah KKP bersama pelajar Kolej Komuniti dan Kolej Vokasional Tawau, serta latihan AESP-R (secara dalaman) kepada pekerja daripada Borneo Samudera dan Teck Guan Industries. Turut diadakan ialah sesi Hi-Tea bersama industri dan pameran keselamatan.

Karnival ini disertai lebih 300 peserta daripada pelbagai agensi di bawah KESUMA, institusi pengajian tinggi serta rakan industri dari kawasan Tawau, Semporna, Kunak dan Lahad Datu. Kejayaan program ini menarik ramai peserta menjadikannya inisiatif berimpak besar dalam memperkasa budaya keselamatan di tempat kerja di Tawau.

The Occupational Safety and Health (OSH) Carnival was held for the first time in Tawau District at Shan Shui Golf & Country Resort, Tawau from 02 to 04 December 2024. Various activities were carried out by NIOSH such as training, seminars, OSH talks, exhibitions and demonstrations of safely working at heights and safely working in confined spaces.

The main highlights of the carnival include OSHA CSR Seminar 2022, OSH Coordinator Course, National Transport Safety Programme (NTSP), OSH Talk session with students from Tawau Community College and Vocational College, as well as AESP-R training (in-house) for employees from Borneo Samudera and Teck Guan Industries. Also held were Hi-Tea sessions with the industry and a safety exhibition.

The carnival was attended by over 300 participants from various agencies under KESUMA, higher learning institutions as well as industry partners from the Tawau, Semporna, Kunak and Lahad Datu areas. The success of the programme attracted many participants making it a major impactful initiative in strengthening the safety culture in any given workplace in Tawau.



Gambar 71 : Demonstrasi menggunakan Unit Latihan Bergerak (Mobile Training Unit) sempena Karnival KKP Tawau 2024.

Image 71 : Demonstration using the Mobile Training Unit in conjunction with Tawau OSH Carnival 2024.

SBRO SANDAKAN (SBRO-SDK)

Program CSR Kampung Sungai Beruang Sandakan

CSR Programme Kampung Sungai Beruang Sandakan

NIOSH mengadakan Program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) Siri Ketiga sempena inisiatif Alam Sekitar, Sosial dan Governans (ESG) di Kampung Sungai Beruang, Sandakan pada 26 Okt 2024. Seramai 6 orang wakil dari ibu pejabat dan 15 kakitangan NIOSH SBRO turut bersama-sama dengan 20 pelajar serta kakitangan ILP Sandakan. Hadirin semua membantu penduduk kampung mengadakan majlis gotong-royong membersihkan dan mengecat bangunan masjid dan sekolah serta memperbaiki peralatan elektrik dan elektronik.

Program ini diadakan bukan sahaja untuk meningkatkan kemudahan sedia ada tetapi turut menerapkan kesedaran mengenai ESG terutamanya kepentingan membantu komuniti luar bandar dan menjaga alam sekitar demi untuk kesejahteraan bersama.

NIOSH held its Third Series of Corporate Social Responsibility (CSR) Programme in conjunction with Environmental, Social and Governance (ESG) initiative at Kampung Sungai Beruang, Sandakan on 26 Oct 2024. A total of 6 representatives from headquarters and 15 NIOSH SBRO staff participated along with 20 students and staff from ILP Sandakan. All attendees helped the villagers hold a community service activity to clean and paint a mosque and school buildings and also repair electrical and electronic equipment.

The programme functioned to improve existing facilities and to instill awareness regarding ESG, especially the importance of helping rural communities and caring for the environment for the benefit of common well-being.



Gambar 72, 73, 74 dan 75 : Aktiviti gotong-royong di Kampung Sungai Beruang, Sandakan.
Images 72, 73, 74 and 75 : "Gotong-royong" activities in Kampung Sungai Beruang, Sandakan.

PEJABAT WILAYAH SARAWAK SARAWAK REGIONAL OFFICE (SWRO)

Sepanjang tahun 2024, NIOSH Wilayah Sarawak (SWRO) telah melaksanakan pelbagai aktiviti di 4 pejabatnya di seluruh negeri iaitu di Kuching, Bintulu, Miri dan Kapit. Berikut adalah antara aktiviti yang dilaksanakan di Pejabat NIOSH Negeri Sarawak:

For the year 2024, NIOSH Sarawak Regional Office (SWRO) implemented various activities across its 4 offices in the state namely, Kuching, Bintulu, Miri and Kapit. The following are some of the activities implemented at the NIOSH Sarawak Office:

SWRO KUCHING (SWRO-KCH)

Lawatan Pengerusi NIOSH, YB Chong Chieng Jen Visit of NIOSH Chairman, YB Chong Chieng Jen

Pada bulan Mei 2024, Pengerusi NIOSH YB Chong Chieng Jen telah membuat lawatan ke pejabat NIOSH di Kuching, Bintulu dan juga Miri. Antara agenda lawatan kerja rasmi ini adalah untuk sesi suai kenal bersama kakitangan NIOSH serta mendengar taklimat berkenaan operasi dan pencapaian beberapa setiap pejabat terbabit. Selain itu, YB Chong turut melawat kemudahan latihan dan serta beramah mesra dengan peserta kursus.

In May 2024, NIOSH Chairman YB Chong Chieng Jen visited NIOSH offices in Kuching, Bintulu and Miri. Included in the agenda of his official work visit was a familiarisation session with NIOSH staff. Additionally, YB Chong had a briefing session on the operations and achievements of each office. After which, he visited training facilities and interacted with course participants.



Gambar 76 : YB Chong bergambar bersama kakitangan SWRO ketika lawatan pada 16 Mei 2025.

Image 76 : YB Chong in a photo session with SWRO staff during a visit on 16 May 2025.



Gambar 77 : YB Chong meninjau kemudahan di SWRO-KCH.

Image 77 : YB Chong inspects facilities at SWRO-KCH.



Gambar 79 : Sesi taklimat berkenaan dengan pengoperasian SWRO.

Image 79: Briefing session regarding SWRO operations.

Latihan / Kursus dan Khidmat Rundingan *Training / Courses and Consultancy Service*

Pasukan SWRO telah menjalankan program seperti latihan, kursus dan lain-lain bagi membantu memupuk kesedaran mengenai keselamatan dan kesihatan pekerjaan (KKP) di pelbagai industri di negeri Sarawak. Antara program yang dilaksanakan termasuk kursus berjadual dan program secara dalaman (in-house) untuk persijilan, kompetensi, kejurulatihan dan juga pasport keselamatan sepanjang tahun 2024.

The SWRO team conducted programmes with regards to training, courses and so forth to foster awareness of occupational safety and health (OSH) among various industries in Sarawak. Among the programmes implemented include scheduled courses and in-house programmes for certification, competency, coaching and also safety passports throughout the year 2024.



Gambar 80 : Kursus AGTES yang dijalankan dari 21 hingga 23 Oktober 2024.

Image 80 : AGTES course conducted from 21 to 23 October 2024.



Gambar 81 : Kursus AESP-R yang dijalankan pada 21 Oktober 2024.

Image 81 : AESP-R course conducted on 21 October 2024.

Khidmat Rundingan Consultancy Services

SWRO juga telah menjalankan khidmat rundingan KKP untuk pelbagai industri di negeri Sarawak bagi memastikan organisasi terbabit mengamalkan sistem pengurusan KKP yang lebih baik.

SWRO also carried out OSH consultancy services for many industries in Sarawak to ensure that these organisations practice effective OSH management systems.



Gambar 82 : Sesi WINA bersama Jabatan Muzium Sarawak yang diadakan di Muzium Kebudayaan Borneo, Kuching melibatkan Pn. Siti Zomariah binti Othman (CRDD) dan En. Mohd Irsyad Shafiq bin Razali dari SWRO-KCH.

Image 82 : WINA session with the Sarawak Museum Department held at the Borneo Cultural Museum, Kuching involving Pn. Siti Zomariah binti Othman (CRDD) and En. Mohd Irsyad Shafiq bin Razali from SWRO-KCH.

Mesyuarat dan Kunjungan Hormat Courtesy Meetings and Visits

SWRO turut bekerjasama dengan pelbagai jabatan, agensi, organisasi dan institusi latihan untuk meningkatkan aspek KKP di Negeri Sarawak. Melalui kerjasama dengan agensi-agensi di bawah KESUMA, pasukan SWRO berjaya menganjurkan berbagai program untuk tujuan tersebut.

SWRO collaborated with numerous departments, agencies, organisations and training institutions to improve OSH aspects in Sarawak. Through collaboration efforts with agencies under KESUMA, the SWRO team had successfully organised various programmes for the said purpose.



Gambar 82 : Sesi WINA bersama Jabatan Muzium Sarawak yang diadakan di Muzium Kebudayaan Borneo, Kuching melibatkan Pn. Siti Zomariah binti Othman (CRDD) dan En. Mohd Irsyad Shafiq bin Razali dari SWRO-KCH.

Image 82 : WINA session with the Sarawak Museum Department held at the Borneo Cultural Museum, Kuching involving Pn. Siti Zomariah binti Othman (CRDD) and En. Mohd Irsyad Shafiq bin Razali from SWRO-KCH.

Ceramah KKP dan Pameran *OSH Talk and Exhibitions*

Bagi memenuhi permintaan pelanggan, pasukan SWRO turut menerima jemputan bagi mengadakan ceramah dan pameran di premis mereka di seluruh Negeri Sarawak.

In order to meet customer demand, the SWRO team received invitations to organise talks and exhibitions at the office premises across Sarawak.



Gambar 84 : Penceramah NIOSH En. Mohd Taufiq bin Abideen bergambar dengan peserta selepas menyampaikan ceramah KKP di MARDI Saratok pada 14 Disember 2024.

Image 84 : NIOSH speaker En. Mohd Taufiq bin Abideen has a group photo with participants after delivering an OSH Talk at MARDI Saratok on 14 December 2024.



Gambar 85 : Menteri Sumber Manusia YB Steven Sim melawat reruai SWRO ketika program Hari Bertemu Pelanggan KESUMA 2024.

Image 85: Minister of Human Resources YB Steven Sim visits the SWRO booth during the KESUMA Meet Customers Day 2024 programme.

Latihan Pengungsian Bangunan *Building Evacuation Training*

Bagi memastikan kesiapsiagaan dan kecekapan warga kerja dalam menghadapi situasi kecemasan, semua Pejabat Wilayah NIOSH telah diarahkan untuk melaksanakan latihan pengungsian bangunan secara berkala. Aktiviti ini wajib dilaksanakan sekali dalam setahun sesuai dengan perancangan KKP dan keperluan pematuhan undang-undang.

To ascertain preparedness and efficiency of employees in dealing with emergency situations, all NIOSH Regional Offices were instructed to conduct regular building evacuation drills. This activity must be carried out once a year in accordance with OSH planning and regulatory compliance requirements.



Gambar 86 dan 87 : Latihan pengungsian bangunan yang diadakan di premis SWRO-KCH pada 09 Disember 2024.

Images 86 and 87 : Building evacuation drill held at the SWRO-KCH premises on 09 December 2024.

Program Jelajah Labour Go-Rural Area (L-GRAP 5.0)

Labour Go-Rural Area (L-GRAP 5.0) Exploration Programme

Dari 22 hingga 26 Mei 2024, Jabatan Tenaga Kerja Sarawak telah menganjurkan **Program Jelajah Labour Go Rural Area (L-GRAP) 5.0** di bahagian Mukah. Program ini merangkumi daerah Mukah, Matu, Daro, Dalat, Igan dan Balingian. NIOSH merupakan antara agensi di bawah KESUMA yang terlibat di dalam program jelajah tersebut yang bermula dari Bangunan Sultan Iskandar Kuching.

Program tersebut merupakan inisiatif KESUMA untuk membawa perkhidmatan dan menyebarkan maklumat khususnya mengenai isu berkaitan buruh paksa, buruh kanak-kanak, jobscam, penggajian pekerja Sarawak di luar negara serta kepentingan hak-hak pekerja yang dilindungi di bawah undang-undang buruh. Selain itu, ianya turut membuka peluang kepada pencari kerja melalui **Program MyFutureJob**.

From 22 to 26 May 2024, Sarawak Manpower Department organised the Labour Go Rural Area (L-GRAP) 5.0 Exploration Programme in Mukah division. The programme covered districts of Mukah, Matu, Daro, Dalat, Igan and Balingian. NIOSH is among the agencies under KESUMA involved in this exploration programme which started from Bangunan Sultan Iskandar Kuching.

The programme is an initiative by KESUMA to provide services and disseminate information particularly regarding issues related to forced labor, child labor, jobscam, employment of Sarawakian workers abroad, and the importance of employee rights protected under labor laws. Also, it opens up opportunities for job seekers through the MyFutureJob Programme.



Gambar 88, 89, 90 dan 91 : Program Jelajah Labour Go Rural Area (L-GRAP) 5.0
Images 88, 89, 90 and 91 : Labour Go Rural Area (L-GRAP) 5.0 Exploration Programme

SWRO BINTULU (SWRO-BTU)

Lawatan Pengerusi NIOSH ke SWRO Bintulu *NIOSH Chairman Visit to SWRO Bintulu*

Pengerusi NIOSH YB Chong Chieng Jen telah mengadakan lawatan kerja ke SWRO Bintulu pada 21 Mei 2024. Lawatan ini bertujuan meninjau operasi pejabat serta memahami pelaksanaan program dan cabaran di peringkat negeri. Ketua Pejabat Bintulu telah menyampaikan taklimat berkenaan struktur organisasi, fungsi utama dan pencapaian pejabat. YB Pengerusi turut berinteraksi dengan kakitangan SWRO Bintulu selain menyatakan komitmen pengurusan dalam menyokong peranan pejabat negeri merealisasikan hala tuju strategik NIOSH.

NIOSH Chairman YB Chong Chieng Jen conducted a work visit to SWRO Bintulu on 21 May 2024. The visit aimed at reviewing the office's operations and to understand implementation of programmes and challenges incurred at the state level. The Head of the Bintulu Office delivered a briefing on the organisational structure, main functions and achievements of the office. YB Chairman also interacted with SWRO Bintulu staff, meantime expressing the management's commitment in supporting the role of the regional offices in realising NIOSH strategic direction.



Gambar 92 dan 93 : Lawatan rasmi YB Chong Chieng Jen ke Pejabat SWRO, Bintulu.

Images 92 and 93 : Office visit by YB Chong Chieng Jen to SWRO Office, Bintulu.

Pasport Keselamatan Pelabuhan Bintulu *Bintulu Port Safety Passport*

Bengkel Pembangunan Modul Latihan Pasport Keselamatan Pelabuhan Bintulu telah diadakan pada 20 Jun 2024 dengan kerjasama antara NIOSH dan Pelabuhan Bintulu. Bengkel ini bertujuan membangunkan modul latihan keselamatan khusus untuk pelaksanaan program pasport keselamatan di pelabuhan tersebut.

Turut hadir dan terlibat dalam bengkel tersebut ialah wakil dari NIOSH iaitu Cik Maziah Yusof, En. Mohamad Anizan, En. Azri Rani dan Pn. Nuraida Waslee serta beberapa wakil daripada pihak Pelabuhan Bintulu.

Kerjasama ini mencerminkan komitmen berterusan antara NIOSH dan industri dalam memperkukuh budaya keselamatan dan kesihatan pekerjaan di kawasan strategic pelabuhan negara.

Development Workshop for the Bintulu Port Safety Passport Training Module was held on 20 June 2024 in collaboration between NIOSH and Bintulu Port. The workshop aimed at developing a specific safety training module for the implementation of a safety passport programme at the port.

Those present and involved in the workshop are representatives from NIOSH namely, Cik Maziah Yusof, En. Mohamad Anizan, En. Azri Rani and Pn. Nuraida Waslee as well as several representatives from Bintulu Port.

The cooperation reflects an ongoing commitment between NIOSH and the industry in strengthening the culture of occupational safety and health in the country's strategic port areas.



Gambar 94 dan 95 : Bengkel Pembangunan Modul Latihan Pasport Keselamatan Pelabuhan Bintulu.

Images 94 and 95 : Bintulu Port Safety Passport Training Module Development Workshop.

Ceramah KKP OSH Talk

NIOSH telah mengadakan satu sesi Taklimat Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP) untuk pegawai dan kakitangan LAKU Management Sdn. Bhd., pada 02 Ogos 2024 bertempat di Loji Rawatan Air Nyabau, Bintulu.

Taklimat ini bertujuan meningkatkan kesedaran dan pengetahuan berkaitan aspek KKP dalam kalangan warga kerja LAKU Management. Sesi ini turut memberi penekanan kepada kepatuhan perundangan serta amalan kerja selamat dan sihat.

Program ini disertai oleh kakitangan dan pegawai NIOSH serta kakitangan operasi LAKU Management. Penyertaan kedua-dua pihak tersebut membuktikan komitmen bersama untuk mewujudkan persekitaran kerja yang lebih selamat dan sihat.

NIOSH organised an Occupational Safety and Health (OSH) briefing session for officers and staff of LAKU Management Sdn. Bhd., on 02 August 2024 at the Nyabau Water Treatment Plant, Bintulu.

The briefing aimed at increasing awareness and knowledge regarding OSH among LAKU Management employees. This session also emphasised regulatory compliance and safe work practices in the workplace.

NIOSH staff and officers attended the programme as well as LAKU Management operations staff. The participation of both parties demonstrate their mutual commitment to create a safer and healthier work environment.



Gambar 96 dan 97 : Taklimat KKP untuk pegawai dan kakitangan LAKU Management.
Images 96 and 97 : OSH Briefing for officers and employees of LAKU Management.

SWRO MIRI (SWRO-MRI)

Lawatan Pengerusi NIOSH ke SWRO Miri *NIOSH Chairman Visit to SWRO Miri*

Pengerusi NIOSH YB Chong Chieng Jen, telah mengadakan lawatan kerja rasmi ke SWRO Miri pada 21 Mei 2025, jam 3.00 petang. Lawatan ini bertujuan meninjau operasi serta mendengar pembentangan berkaitan fungsi, pencapaian dan cabaran semasa SWRO Miri.

Sesi lawatan turut disertai perbincangan bersama Ketua Pejabat serta pertemuan dengan warga kerja SWRO Miri. Lawatan ini mencerminkan sokongan dan keprihatinan pihak pengurusan tertinggi NIOSH terhadap operasi cawangan SWRO Miri di Sarawak.

NIOSH Chairman YB Chong Chieng Jen, made an official work visit to SWRO Miri on 21 May 2025, at 3.00 pm. The visit aimed at reviewing operations and to hear presentations regarding functions, achievements and current challenges faced by SWRO Miri.

YB Chong's visit involved discussions with the Head of Office and meetings with SWRO Miri staff. This visit reflected the support and concern of NIOSH top management towards the operations of SWRO Miri in Sarawak.



Gambar 98 dan 99 : Lawatan YB Chong ke SWRO Miri
Images 98 and 99 : YB Chong's Visit to SWRO Miri

Ceramah KKP dan Pameran *OSH Talk and Exhibition*

Taklimat KKP telah diadakan untuk pihak Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) pada 06 September 2024 di pejabat SSM, Miri. Taklimat ini disampaikan oleh Ketua Pejabat SWRO Miri Pn. Nuraida binti Waslee. Beliau bertujuan meningkatkan kesedaran serta pengetahuan berkaitan amalan kerja selamat dalam kalangan warga SSM.

Pasukan SWRO Miri turut menyertai Program MADANI Rakyat Peringkat Negeri Sarawak yang telah berlangsung pada 27 hingga 29 September 2024 di Miri. Penyertaan ini melibatkan aktiviti pameran pendidikan dan promosi KKP kepada masyarakat setempat. Program ini menjadi platform penting dalam memperluas capaian NIOSH kepada orang awam serta memperkukuh kesedaran terhadap kepentingan KKP dalam kehidupan seharian.

An OSH briefing was held for the Companies Commission of Malaysia (SSM) on 06 September 2024 at the SSM office, Miri. The briefing was delivered by the Head of SWRO Miri Office Pn. Nuraida binti Waslee. Her session was targeted at increasing awareness and knowledge regarding safe work practices among SSM employees.

The SWRO Miri team participated in the Sarawak State Level MADANI Rakyat Programme which took place from 27 to 29 September 2024 in Miri. Their participation involved educational exhibition activities and OSH promotion to the local community. The programme became an important platform for NIOSH to expand and reach the public while strengthening awareness of the importance of OSH in daily life.



Gambar 100 : Taklimat KKP di Pejabat untuk pihak SSM

Image 100 : "OSH in Office" Briefing for SSM



Gambar 101 : Pameran MADANI Rakyat Peringkat Negeri Sarawak di Miri.

Image 101 : MADANI Rakyat Sarawak State Level Exhibition in Miri.

SWRO KAPIT (SWRO-KPT)

KARNIVAL KKP 2024 OSH Carnival 2024

SWRO Kapit telah menganjurkan Karnival OSH 2024 pada 27 dan 28 November 2024 di Hotel Kingwood, Sibu, sebagai inisiatif untuk menyantuni masyarakat melalui program tanggungjawab sosial korporat (CSR) dan mempromosi perkhidmatan NIOSH.

Majlis perasmian telah disempurnakan oleh Setiausaha Eksekutif NIOSH Mejar (B) Hj Hanif bin Maidin. dan Antara aktiviti utama termasuk Seminar CSR mengenai pindaan Akta KKP 2022, pameran KKP, serta kursus passport keselamatan seperti NTMSP, OGSP dan SESP.

Program ini berjaya menarik penyertaan masyarakat setempat dan memperkukuh peranan NIOSH dalam mempromosikan budaya kerja selamat di wilayah tengah Sarawak.

SWRO Kapit organised the OSH Carnival 2024 on 27 and 28 November 2024 at the Kingwood Hotel, Sibu, as an initiative to support the community through corporate social responsibility (CSR) programmes and promoting NIOSH services.

The opening ceremony was officiated by NIOSH Executive Secretary Major (Rtd) Hj Hanif bin Maidin. Among the main activities for this event was a CSR Seminar based on the amendment to the OSH Act 2022, an OSH exhibition, as well as safety passport courses such as NTMSP, OGSP and SESP.

OSH Carnival 2024 programme successfully attracted the participation of the local communities and strengthened NIOSH role in promoting a safe work culture in the central region of Sarawak.



Gambar 102 : Setiausaha Eksekutif NIOSH Mejar (B) Hj Hanif bin Maidin merasmikan Karnival OSH 2024 anjuran SWRO Kapit.

Image 102: NIOSH Executive Secretary Major (Rtd) Hj Hanif bin Maidin officiating the OSH Carnival 2024 organised by SWRO Kapit.



Gambar 103 : Taklimat berkenaan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (2022) oleh En. Safwan bin Lokman, Ketua Pejabat Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) Sibu.

Image 103 : Briefing on the Occupational Safety and Health Act (2022) by En. Safwan bin Lokman, Head of the Sibu Department of Occupational Safety and Health (DOSH).



Gambar 104 dan 105 : Karnival OSH 2024 anjuran SWRO Kapit di Hotel Kingwood.
Images 104 and 105 : OSH Carnival 2024 organised by SWRO Kapit in Kingwood Hotel.

This page is intentionally left blank





2024

LAPORAN TAHUNAN
ANNUAL REPORT

PROFIL KORPORAT
CORPORATE PROFILE

DIREKTORI PEJABAT NIOSH DI MALAYSIA

DIRECTORY OF NIOSH OFFICES IN MALAYSIA



IBU PEJABAT NIOSH NIOSH HEADQUARTERS

📍 NIOSH Bandar Baru Bangi, Lot 1, Jalan 15/1,
Section 15, 43650 Bandar Baru Bangi,
Selangor Darul Ehsan
☎ +603 8769 2100 / +603 8911 3800
📠 +603 8926 2900
✉ general@NIOSH.com.my

PEJABAT-PEJABAT WILAYAH REGIONAL OFFICES

PEJABAT WILAYAH SELATAN SOUTHERN REGIONAL OFFICE

NIOSH Johor Bahru

📍 NIOSH Johor Bahru
Kompleks Mutiara Johor Land,
Jalan Bukit Mutiara,
Bandar Dato' Onn,
81100 Johor Bahru, Johor
☎ Tel: +607 571 2300
📠 +607 599 0200
✉ johor@NIOSH.com.my

NIOSH Pengerang

📍 Lot 73 & 75, Jalan Kempas 1,
Desaru Utama, Bandar Penawar,
81930 Kota Tinggi, Johor
☎ +607 828 0183 / +607 886 1139
📠 +607 828 0193
✉ pengerang@NIOSH.com.my

NIOSH Melaka

📍 Bangunan World Youth Hotel,
Lebuh Ayer Keroh,
75450 Ayer Keroh, Melaka
☎ +606 232 6866
📠 https://wa.me/60192299071
✉ melaka@NIOSH.com.my

PEJABAT WILAYAH UTARA NORTHERN REGIONAL OFFICE

NIOSH Pulau Pinang

📍 Lot 8872, Jalan Bertam 2, MK.6,
Bertam, 13200 Kepala Batas,
Pulau Pinang
☎ +604 380 1200
📠 https://wa.me/60192299724
✉ penang@NIOSH.com.my

NIOSH Alor Setar

📍 L1-01, Bazaar Level 1,
Souq Commercial Centre,
Jalan Tun Razak,
05200 Alor Setar, Kedah.
☎ Tel: +604 7362252

NIOSH Manjung

📍 Jalan PPMP 3/4,
Pusat Perniagaan Manjung Point
32040 Seri Manjung, Perak
☎ +605 689 0701
📠 +605 689 0715
✉ manjung@NIOSH.com.my

PEJABAT WILAYAH PANTAI TIMUR EAST COAST REGIONAL OFFICE

NIOSH Kerteh

 Lot 12853, Jalan Lapangan Terbang,
Kampung Darat Kolam,
24300 Kerteh, Terengganu
 +609 826 4000 / +609 826 4001
 +609 826 4000
 terengganu@NIOSH.com.my

NIOSH Kota Bharu

 PT 1155, Jalan Bendahara 3/36,
Taman Bendahara,
16100 Kota Bharu, Kelantan.
 +609 773 1710
 +609 773 1711
 kelantan@NIOSH.com.my

NIOSH Kuantan

 No. B12, Jalan KS 1/12,
KotaSAS Alocation,
Kota Sultan Ahmad Shah,
25200 Kuantan, Pahang
 +609 575 0521
 +609 575 0522
 kuantan@NIOSH.com.my

PEJABAT WILAYAH SARAWAK SARAWAK REGIONAL OFFICE

NIOSH Kuching

 Wisma Hamizan, Ground Floor,
Lot 851 Sublot 16, Seksyen 65,
KTLD Off Jalan Astana, Petra Jaya,
93050 Kuching, Sarawak.
 +608 253 6801 / +608 253 6803
 +608 253 6802
 sarawak@NIOSH.com.my

NIOSH Bintulu

 3rd Floor Commercial, Block C2,
Naim Street Mall,
Bintulu Paragon, Jalan Old Airport,
97000, Bintulu Sarawak
 +6019 233 3947 / +6019 233 3975
 +608 631 5501
 sarawak@NIOSH.com.my

NIOSH Miri

 Lot 10620,
Miri Commercial Shop Lot, Airport Road,
98000 Miri, Sarawak
 +608 563 6840 / +608-563 6940
 +608 563 6140
 sarawak@NIOSH.com.my

NIOSH Kapit

 Sublot 3688, Lot 1074, Block 13,
Menuan Land District, 96800 Kapit, Sarawak
 +608 479 6043
 sarawak@NIOSH.com.my

UNIT KHIDMAT PELANGGAN CUSTOMER SERVICE UNIT



+603 8769 2100
+603 8911 3800



Umum / *General*
+6019 666 4106



Latihan / *Training*
+6013 222 4966



Peperiksaan / *Exam*
+6019 666 8599



E-mel / *E-mail*
wecare@niosh.com.my



Laman sesawang / *Website*
www.NIOSH.com.my



Facebook
@NIOSHmalaysia



WAKTU OPERASI OPERATION HOURS

Isnin hingga Khamis / *Monday to Thursday*

8.00AM - 5.00PM

Jumaat / *Friday*

8.00AM - 12.15PM

Tutup pada hari Sabtu, Ahad dan cuti umum (Selangor)
Closed on Saturday, Sunday and public holidays (Selangor)

www.niosh.com.my



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA



NIO SH

National Institute of Occupational Safety and Health

NATIONAL INSTITUTE OF OCCUPATIONAL SAFETY AND HEALTH (NIO SH)

Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara

Lot 1, Jalan 15/1, Section 15, 43650 Bandar Baru Bangi, Selangor Darul Ehsan.

Tel: 03-8769 2100 | 03-8911 3800 **Fax:** 03-8926 2900

No. Permit: PP19368/09/1028 (034961)

ISSN 2637-0067



9 772637 006007